



## MERELISASIKAN **POTENSI**

## RASIONAL MUKA HADAPAN



### MEREALISASIKAN POTENSI

Ekuinas bertujuan meningkatkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan berkekalan sambil mewujudkan generasi baru syarikat-syarikat peneraju Malaysia. Operasi Ekuinas berteraskan prinsip komersial dan berpandukan amalan-amalan terbaik firma ekuiti persendirian global dengan objektif mewujudkan nilai melalui pelaburan di dalam syarikat-syarikat berpotensi tinggi. Gambar muka hadapan menunjukkan seorang remaja yang berada pada peringkat pertumbuhan, sama seperti syarikat-syarikat Malaysia yang mempunyai sasaran, potensi serta keazaman untuk mencapai kejayaan. Ekuinas berperanan sebagai pemangkin untuk syarikat-syarikat tersebut merealisasikan potensi masing-masing dan menjadi syarikat peneraju industri masa hadapan.

# kandungan

<b>2</b>	<b>Maklumat Korporat</b>		
4	• Struktur Korporat	<b>68</b>	<b>Tanggungjawab Korporat</b>
5	• Struktur Organisasi	74	• Model Operasi
6	• Lembaga Pengarah	86	• Penyata Tadbir Urus Korporat
10	• Kumpulan Pengurusan	88	• Penyata Pengurusan Risiko
12	• Profil Ekuinas	90	• Penyata Kawalan Dalaman
15	• Maklumat Penting Kewangan	96	• Laporan Jawatankuasa Audit
		98	• Dasar Pendedahan
<b>18</b>	<b>Perutusan Pengerusi</b>	98	• Ekuinas di dalam Akhbar
		100	• Sumbangan Sosial Korporat – Inisiatif Penyelidikan Awam
<b>24</b>	<b>Tinjauan Industri Ekuiti Persendirian di Malaysia</b>		
			<b>Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010</b>
	<b>Ulasan Perniagaan</b>	108	• Laporan Portfolio
36	• Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif	116	• Ekuiti Nasional Berhad
48	• Ulasan Prestasi Pelaburan	147	• E-Cap (Internal) One Sdn Bhd

## nilai-nilai syarikat

### DIDORONG SECARA KOMERSIAL

Kami mengamalkan disiplin komersial yang tinggi untuk mewujudkan nilai

### PRESTASI TINGGI

Kami sentiasa berusaha untuk mencapai lebih daripada sasaran

### BERDASARKAN MERIT

Kami mengiktiraf dan memberi ganjaran hanya berdasarkan prestasi

### BERSEMANGAT

Kami bersemangat dalam menjalankan tugas kami untuk mencapai lebih daripada yang diharapkan

### FOKUS

Kami sentiasa fokus dalam usaha untuk mencapai objektif kami

### RENDAH DIRI

Kami berpegang teguh kepada asal usul kami

## LEMBAGA PENGARAH

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (*Pengerusi*)  
Tan Sri Mohamed Jawhar  
Dato' Noriyah Ahmad  
Datuk Mohamed Azman Yahya  
Dato' Abdul Rahman Ahmad (*Ketua Pegawai Eksekutif*)

## JAWATANKUASA LEMBAGA

### Jawatankuasa Audit

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda  
(*Pengerusi*)  
Tan Sri Mohamed Jawhar  
Dato' Noriyah Ahmad

### Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran

Tan Sri Mohamed Jawhar (*Pengerusi*)  
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda  
Datuk Mohamed Azman Yahya

### Jawatankuasa Pelaburan

Datuk Mohamed Azman Yahya (*Pengerusi*)  
Dato' Abdul Rahman Ahmad  
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir  
Mazhairul Jamaludin  
Nik Johaan Nik Hashim  
Amil Izham Hamzah

## Setiausaha Syarikat

Shamsiah A Rahman (MAICSA 7008380)  
Norsham Abdul Ghani (LS 01203)

## Juruaudit

PwC  
Akauntan Bertauliah

## Bank Utama

Malayan Banking Berhad  
CIMB Bank Berhad  
AmBank (M) Berhad

## Alamat Berdaftar

Prokhas Sdn Bhd  
Tingkat 12, Bangunan Setia 1  
15 Lorong Dungun  
Bukit Damansara  
50490 Kuala Lumpur

## Alamat Pejabat

Ekuiti Nasional Berhad (868265 U)  
Aras 13, Surian Tower  
No. 1 Jalan PJU 7/3  
Mutiar Damansara  
47810 Petaling Jaya  
Selangor

## JAWATANKUASA PENGURUSAN

Abdul Rahman Ahmad  
*Ketua Pegawai Eksekutif*

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir  
*Pengarah Urusan Pelaburan*

Mazhairul Jamaludin  
*Ketua Pegawai Kewangan/  
Pengarah Kanan, Penyumberan Luar/Pelaburan*

Nik Johaan Nik Hashim  
*Pengarah Kanan,  
Pelaburan/Pengurusan Pihak Berkepentingan*

Amil Izham Hamzah  
*Pengarah Kanan, Pelaburan*

Suridah Jalaluddin  
*Pengarah Kanan,  
Pelaburan/Perkhidmatan Bersama*


## PENGURUSAN LAIN

Roselinda Hashim  
*Ketua Pegawai Perundangan*


Mohamad Azlan Jaafar  
*Pengarah,  
Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko*



## STRUKTUR KORPORAT



<sup>1</sup> Kedua-dua perjanjian Perkongsian Terhad Musharakah dan Langganan yang ditandatangani oleh CIMB General Partner Limited dan E-Cap (External) One Sdn Bhd telah selesai dan dilaksanakan pada 12 Januari 2011.



## LEMBAGA PENGARAH

**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad  
Raja Tun Uda**

*Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif*

**Dato' Abdul Rahman Ahmad**

*Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif*





## **Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda**

*Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif*

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda adalah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Raja Tan Sri Arshad yang merupakan seorang Fellow di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) juga adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), di mana beliau merupakan anggota Majlis MICPA selama 24 tahun dan menyandang jawatan Presiden selama tiga tahun di dalam tempoh tersebut.

Pada masa ini, Raja Tan Sri Arshad turut memegang jawatan-jawatan berikut; sebagai Pengerusi Maxis Berhad, syarikat penyedia perkhidmatan komunikasi berintegrasi terkemuka di Malaysia, ACR Retakaful SEA Berhad dan Asia Capital Reinsurance Malaysia Sdn Bhd; dan sebagai Pengarah Khazanah Nasional Berhad dan Asia Capital Reinsurance Group Pte Ltd. Beliau juga merupakan Pengerusi Yayasan Raja Muda Selangor, ahli Lembaga Pemegang Amanah bagi Yayasan DayaDiri dan Canselor di Universiti Industri Selangor.

Raja Tan Sri Arshad adalah bekas Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsis Kanan di PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia. Beliau juga pernah memegang jawatan Pengerusi, Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia dan Pengerusi Danamodal Nasional Berhad. Jawatan-jawatan beliau di peringkat antarabangsa termasuk menganggotai Lembaga PwC Global IFRS Board dan Majlis Standards Advisory Council di International Accounting Standards Board.

## **Dato' Abdul Rahman bin Ahmad**

*Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif*

Dato' Abdul Rahman Ahmad ialah salah seorang Pengarah yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau mengetuai Jawatankuasa Pengurusan dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan.

Sebelum menyertai Ekuinas, Dato' Abdul Rahman merupakan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Media Prima Berhad (MPB), kumpulan pelaburan media berintegrasi yang ulung di Malaysia. Beliau juga memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif di Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), sebuah syarikat konglomerat yang terlibat di dalam perniagaan hartanah, pembinaan dan infrastruktur.

Di MPB, beliau telah memainkan peranan penting di dalam proses pertumbuhan dan transformasi MPB menjadi kumpulan media terbesar di Malaysia yang mempunyai perniagaan di dalam pelbagai bidang media termasuk televisyen, suratkhbar, pengiklanan luar, produksi dan media baru.

Sebelum itu, beliau pernah menjadi Penolong Pengurus di Arthur Andersen, London dan kemudian berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada Pengerusi Eksekutif di Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc Sdn Bhd. Beliau kemudiannya menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad sebagai Ketua Unit dan seterusnya menjadi Pengarah Eksekutif di SSR Associates Sdn Bhd.

Dato' Abdul Rahman memiliki ijazah sarjana MA di dalam bidang Ekonomi dari Cambridge University, UK dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).

**LEMBAGA PENGARAH  
(SAMBUNGAN)**

**Dato' Noriyah Ahmad**

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

**Tan Sri Mohamed Jawhar**

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

**Datuk Mohamed Azman Yahya**

*Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*



## **Tan Sri Mohamed Jawhar**

### *Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Tan Sri Mohamed Jawhar ialah salah seorang daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan ahli Jawatankuasa Audit.

Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif di New Straits Times Press Berhad dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Media Prima Berhad. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Affin Islamic Bank Berhad.

Tan Sri Mohamed Jawhar adalah Pengerusi, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah ISIS Malaysia pada tahun 1990. Sebelum itu, beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia dan antara jawatan yang pernah disandang termasuklah Ketua Pengarah, Jabatan Perpaduan Negara; Penolong Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri; Pengarah (Analisis) Bahagian Kajian, Jabatan Perdana Menteri; dan Penolong Ketua Setiausaha, Majlis Keselamatan Negara. Beliau juga pernah dilantik sebagai Kaunselor di Kedutaan Malaysia di Indonesia dan Thailand.

Tan Sri Mohamed Jawhar memiliki Sarjana Muda Kepujian dari Universiti Malaya.

## **Dato' Noriyah binti Ahmad**

### *Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Dato' Noriyah binti Ahmad ialah salah seorang daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) dan juga ahli Jawatankuasa Audit.

Dato' Noriyah merupakan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Beliau yang telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selama lebih 30 tahun memulakan kariernya sebagai Penolong Pengarah, Seksyen Perkhidmatan Sosial, Unit Perancang Ekonomi; dan kemudian memegang pelbagai jawatan sehingga dilantik menjadi Ketua Penyelaras, Projek Y2K Negara, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia; dan seterusnya dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Tenaga di Kementerian yang sama. Selepas itu, Dato' Noriyah dilantik sebagai Pengarah Kanan, Seksyen Pengagihan di Unit Perancang Ekonomi dan Timbalan Ketua Pengarah I sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah pada bulan Jun 2009.

Dato' Noriyah memiliki ijazah Sarjana Muda Kepujian di bidang Ekonomi Gunaan dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana di dalam bidang Ekonomi Pembangunan dari University of Kent, United Kingdom.

## **Datuk Mohamed Azman bin Yahya**

### *Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

Datuk Mohamed Azman bin Yahya ialah salah seorang daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas). Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan ahli Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran.

Beliau merupakan pengasas dan Ketua Eksekutif, Symphony House Berhad, sebuah kumpulan perkhidmatan penyumberan luar tersenarai dan Pengerusi Eksekutif, Bolton Berhad, sebuah kumpulan hartanah tersenarai. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah beberapa buah Syarikat Berkaitan Kerajaan, termasuk Khazanah Nasional Berhad, Sistem Penerbangan Malaysia Berhad dan PLUS Expressways Berhad.

Sebelum menceburi dunia perniagaan, Datuk Mohamed Azman pernah dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menubuhkan dan mengetuai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, syarikat pengurusan aset negara dan dilantik sebagai Pengerusi syarikat tersebut sehingga tahun 2003. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi, Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyelesaikan dan membantu menstrukturkan semula hutang bagi syarikat-syarikat yang berdaya maju.

Kerjayanya sebelum ini merangkumi tugas-tugas audit dengan KPMG di London, tugas kewangan dengan Kumpulan Island & Peninsular serta pelaburan perbankan dengan Bumiputra Merchant Bankers dan Amanah Merchant Bank.

Beliau memiliki Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) kelas satu di bidang Ekonomi dari London School of Economics and Political Science, dan merupakan ahli Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) selain menjadi Fellow di Institut Bank-Bank Malaysia.

**Berdiri:**

**Abdul Rahman Ahmad**

*Ketua Pegawai Eksekutif*

**Duduk dari kiri ke kanan:**

**Suridah Jalaluddin**

*Pengarah Kanan,  
Pelaburan/Perkhidmatan Bersama*

**Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir**

*Pengarah Urusan Pelaburan*

**Mazhairul Jamaludin**

*Ketua Pegawai Kewangan/  
Pengarah Kanan,  
Penyumberan Luar/Pelaburan*



ekuiti nasional berhad | **10**  
laporan tahunan 2010

## KUMPULAN PENGURUSAN





Dari kiri ke kanan:

**Amil Izham Hamzah**

*Pengarah Kanan, Pelaburan*

**Nik Johaan Nik Hashim**

*Pengarah Kanan,  
Pelaburan/Pengurusan Pihak  
Berkepentingan*

**Roselinda Hashim**

*Ketua Pegawai Perundangan*

**Mohamad Azlan Jaafar**

*Pengarah,  
Tadbir Urus Korporat dan  
Pengurusan Risiko*

## LATARBELAKANG

Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, merupakan sebuah syarikat berkaitan Kerajaan yang mengendalikan pengurusan dana ekuiti persendirian yang telah ditubuhkan pada 1 September 2009 dengan matlamat untuk menggalakkan pegangan ekuiti dan penglibatan Bumiputera di dalam sektor ekonomi berdaya saing tinggi melalui penubuhan syarikat-syarikat peneraju generasi baru di Malaysia.

Untuk menubuhkan Ekuinas, Kerajaan Malaysia telah menyediakan dana permulaan sebanyak RM500 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan sebanyak RM4.5 bilion lagi di bawah Rancangan Malaysia ke-10, dengan jangkaan peningkatan sehingga RM10 bilion di masa akan datang. Dana yang berbentuk geran disimpan di dalam tabung amanah Yayasan Ekuiti Nasional yang diwujudkan untuk kepentingan Bumiputera.


Dana yang diperuntukkan di bawah Yayasan Ekuiti Nasional disalurkan kepada Ekuinas Capital Sdn Bhd, atau Ekuinas Capital, yang berperanan sebagai syarikat permodalan yang dilantik. Ekuinas pula berfungsi sebagai firma ekuiti persendirian yang bertanggungjawab mengurus dana yang diperuntukkan dan entiti di mana pihak pengurusan ditempatkan.

Kedua-dua syarikat Ekuinas dan Ekuinas Capital adalah anak syarikat milik penuh Yayasan Ekuiti Nasional dan dengan itu, Ekuinas sentiasa berusaha untuk mencapai misi menggalakkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama, berkesan dan berkekal dengan memenuhi objektif-objektif kewangan dan sosial.

Ekuinas menjalankan dua operasi pelaburan serentak iaitu:

- Pelaburan Langsung – di mana Ekuinas memperoleh saham secara langsung di dalam syarikat-syarikat berpotensi tinggi; dan
- Program Penyumberan Luar – di mana Ekuinas melantik pengurus dana pihak ketiga untuk mengurus dana yang diperuntukkan dan membuat pelaburan bagi pihak Syarikat.

## STRUKTUR EKUINAS



## YAYASAN EKUITI NASIONAL: LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

Pemegang-pemegang amanah Yayasan Ekuiti Nasional adalah:-

- YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak**  
 Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan
- YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin**  
 Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran
- YB Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop**  
 Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed**  
 Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah**  
 Menteri Kewangan (II)
- YBhg Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah**  
 Ketua Setiausaha Perbendaharaan/Kementerian Kewangan
- YBhg Dato' Noriyah binti Ahmad**  
 Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

**PROFIL EKUINAS  
(SAMBUNGAN)**

**OBJEKTIF**

EkuiNAS adalah sebuah syarikat yang didorong secara komersial dengan objektif utamanya untuk meningkatkan pulangan kewangan pada aktiviti pelaburannya. Syarikat telah menetapkan sasaran Kadar Pulangan Dalam (IRR) minima sebanyak 12% setahun di dalam portfolio pelaburannya dan berazam untuk menjana secara purata 20% IRR di dalam keseluruhan portfolio pelaburan.


EkuiNAS percaya bahawa agenda sosial hanya boleh dicapai melalui disiplin kewangan yang tinggi.

Sebagai sebuah syarikat ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, EkuiNAS juga mempunyai objektif sosial iaitu untuk meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia. Bagi memastikan kesan yang berkekalan, EkuiNAS komited dalam usaha mencapai matlamatnya secara mesra-pasaran, berdasarkan merit dan telus.

Menerusi aktiviti pelaburannya, EkuiNAS akan mempromosi dan meningkatkan pegangan ekuiti Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia menerusi empat dimensi utama:-

- **Meningkatkan pemilikan ekuiti korporat;**
- **Meningkatkan penyertaan pengurusan dan keusahawanan;**
- **Meningkatkan peluang pekerjaan yang bermakna; dan**
- **Memperbaiki rantaian bekalan.**

**OBJEKTIF PELABURAN YANG JELAS**  
Objektif kewangan dan sosial yang seimbang



**TADBIR URUS**

Di EkuiNAS, kami mematuhi standard tadbir urus yang paling tinggi dan menggunakan amalan-amalan global yang terbaik dalam semua operasi kami.

Kami juga mematuhi amalan-amalan terbaik firma ekuiti persendirian antarabangsa dari segi pendedahan maklumat yang memadai dan terkini berhubung semua pelaburan yang dibuat. Maklumat lanjut mengenai tadbir urus korporat dan rangka kerja pendedahan maklumat Syarikat dibentangkan di bahagian-bahagian berkaitan di dalam Laporan Tahunan ini.



2010

RM juta

500.0

**Dana Diterima daripada Yayasan Ekuiti Nasional (YEN)****Dana Ditubuhkan**

Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund	1,000.0
Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund	400.0
	<u>1,400.0</u>

**Prestasi Dana****Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund****Aktiviti Pelaburan**

Pelaburan Dilaksanakan	482.7
Modal Dilabur	380.6

**Prestasi kewangan**

i. Pulangan:	
Pulangan kasar portfolio	55.3
Kadar Pulangan Dalam Kasar (IRR) (tahunan)	53.1%
IRR Bersih (tahunan)	24.3%
ii. Lembaran Imbangan:	
Nilai Portfolio	412.2
Nilai Aset Bersih (NAB)	427.0

**Prestasi matlamat sosial**

i. Jumlah Modal Ekonomi dilabur di dalam Ekonomi Malaysia	602.4
ii. Ekuiti Bumiputera yang dicipta:	
Nilai	483.2
Gandaan Modal Dilabur	1.28x

**Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund**

Modal terikat Ekuinas	400.0
Jumlah yang dikumpul oleh Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM)	113.0
Jumlah yang tersedia untuk pelaburan	513.0

Tiada pelaburan dibuat sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2010.

**Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurus Dana)**

Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	1,400.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	17.9
Keuntungan selepas Cukai	3.4
Nisbah OPEX berbanding FuM	1.3%

MERREALISASIKAN IMPIAN





ekuinās

## PERUTUSAN PENGERUSI

Bagi pihak Lembaga Pengarah Ekuinas, saya dengan berbesar hati membentangkan laporan tahunan pertama syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.





## PERUTUSAN PENERUSI (SAMBUNGAN)

### EKUINAS – KONSEP YANG MENJADI REALITI

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan telah meneliti strategi jangka panjang yang inovatif untuk membantu memecutkan ekonomi Malaysia agar mencapai status negara maju. Di bawah Model Baru Ekonomi (MBE), Ekuinas diperkenalkan sebagai salah satu instrumen baru yang mesra-pasaran dan bertujuan memastikan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera yang mantap dan saksama melalui pelaburan ekuiti persendirian. Ditubuhkan berdasarkan prinsip yang diutamakan oleh Kerajaan, iaitu mesra-pasaran, berdasarkan merit serta telus, Ekuinas berfungsi khusus untuk menggandakan kekayaan di dalam ekonomi, meningkatkan penyertaan pengurusan dan menambah peluang pekerjaan, serta menggalakkan kesan positif merentasi keseluruhan rantai bekalan.

Berbekalkan peruntukan permulaan sebanyak RM500 juta yang bakal bertambah kepada RM10 bilion, Ekuinas ditubuhkan sebagai syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan di bawah Yayasan Ekuiti Nasional pada bulan September 2009. Ekuinas berhasrat membuat pelaburan sebanyak RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Ke-10 sehingga tahun 2015 dengan memperoleh kepentingan ekuiti strategik majoriti di dalam syarikat-syarikat Malaysia berpotensi tinggi di dalam sektor penting seperti minyak dan gas, pendidikan, barangan pengguna laris, peruncitan dan percutian, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan.

### MEREALISASIKAN POTENSI SYARIKAT-SYARIKAT PERINGKAT PERTUMBUHAN

Sebagai dana ekuiti persendirian atau *private equity* (PE) yang disokong oleh Kerajaan, tumpuan Ekuinas menjurus ke arah perkongsian usahasama awam dan swasta yang tulen, dan Ekuinas bertekad menjana pulangan mengikut pasaran dan pada masa yang sama menyumbang ke arah penciptaan ekonomi yang lebih terang-kum dengan penyertaan saksama oleh semua rakyat Malaysia.

Kami percaya bahawa hanya menerusi disiplin kewangan dan penciptaan nilai pemegang saham barulah kami mampu meraih manfaat sosial yang mapan dan saksama seperti yang dituntut oleh MBE.

Bagi mencapai matlamat ini, Ekuinas mempunyai kelebihan dari segi keupayaan untuk menyediakan modal, sumber dan bimbingan strategik penting yang diperlukan oleh syarikat-syarikat peringkat pertumbuhan ke arah mencapai potensi mereka dan menjadi syarikat peneraju di dalam sektor masing-masing. Ekuinas berperanan merapatkan jurang pendanaan bagi syarikat-syarikat peringkat pertumbuhan dan mengelakkan pertindihan dengan pelbagai syarikat pelaburan berkaitan kerajaan lain yang memberi sokongan kepada syarikat permulaan, entiti di peringkat pembangunan dan syarikat tersenarai atau matang.

### MODEL *PRIVATE EQUITY* – PEMACU EKUINAS

Model *private equity* Ekuinas telah dikenalpasti oleh kerajaan Malaysia sebagai salah satu strategi baru yang inovatif dan mampu menjana pertumbuhan ekonomi masa hadapan di sebalik realiti pasaran global semasa.

Namun, pendekatan ekuiti persendirian yang didorong Kerajaan bukanlah sesuatu yang baru, dan ianya telah digunapakai oleh banyak negara sebelum ini. Dalam era pasca Perang Dunia Kedua, kerajaan Britain pada masa itu menangani keadaan kekurangan modal pelaburan jangka panjang bagi perniagaan bersaiz kecil dan sederhana dengan menubuhkan Industrial and Commercial Financial Corporation (ICFC) dan Finance Corporation for Industry (FCI).

ICFC menyediakan modal jangka panjang yang kekal, manakala tumpuan FCI pula menjurus kepada usaha memudahkan rasionalisasi dan penstrukturan semula sektor-sektor utama di dalam industri Britain. Dalam dekad-dekad yang menyusul, kedua-dua entiti ini digabungkan, dijenamakan semula dan akhirnya dikenali sebagai **3i plc**, yang kini merupakan sebuah firma ekuiti persendirian global yang terkemuka.

Sementara itu, sebuah lagi organisasi iaitu CDC Group, yang dahulunya dikenali sebagai Commonwealth Development Corporation telah ditubuhkan oleh Kerajaan Britain pada tahun 1948 untuk melabur di dalam perniagaan bagi menjana pertumbuhan ekonomi di negara-negara membangun. Peranan pelaburan CDC berterusan sehingga kini, sebagai *private equity fund of funds*. Setakat ini, CDC telah membuat pelaburan di dalam lebih daripada 900 buah syarikat di 70 buah negara yang diuruskan oleh 71 pengurus dana.

Syarikat-syarikat seperti ini telah berjaya membantu penubuhan pelbagai syarikat lestari yang membawa kesan positif kepada masyarakat secara berkekalan. Ekuinas mendukung aspirasi untuk memperkenalkan impak positif yang serupa di Malaysia demi mencapai agenda negara.

Selain Malaysia, kerajaan China juga baru-baru ini mula menggalakkan pelaburan ekuiti persendirian sebagai cara untuk menyalurkan modal ke dalam perusahaan kecil dan sederhana yang mungkin tidak mendapat akses kepada pinjaman bank atau pasaran modal. Singapura pula sejak dahulu lagi telah memperuntukkan dana untuk pelaburan ekuiti persendirian di rantau ini dan di peringkat antarabangsa melalui *sovereign wealth funds*. Meskipun masih di peringkat awal, Ekuinas yakin bahawa model ekuiti persendirian mampu menjadi pemangkin dalam menyumbang ke arah pencapaian matlamat MBE Kerajaan pada dekad akan datang.

## **PENCAPAIAN HINGGA KINI – PERMULAAN YANG MENGGALAKKAN NAMUN PERJALANAN MASIH JAUH**

Ekuinas telah menggembeng usaha padu sejak penubuhannya dan berusaha untuk mencapai harapan tinggi kebanyakan pihak. Ekuinas telah menerima modal awal daripada Kerajaan melalui Yayasan Ekuiti Nasional sebanyak RM100 juta pada bulan Disember 2009 yang kemudian ditambah kepada RM500 juta. Berbekalkan modal awal ini, Ekuinas telah menubuhkan dua dana pertamanya, Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund dan Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund, masing-masing dengan saiz dana terikat sebanyak RM1 bilion dan RM400 juta.

Kami berasa gembira kerana telah berjaya menggunakan dana yang diperuntukkan bagi melaksanakan empat pelaburan langsung di dalam Alliance Cosmetics Group, Tanjung Offshore Berhad, Konsortium Logistik Berhad dan Kumpulan Pendidikan APIIT/UCTI pada jumlah RM482.6 juta, selepas beroperasi selama hanya 16 bulan. Bersama dengan modal yang dilabur oleh rakan pelabur, empat pelaburan ini telah membolehkan sejumlah RM602.4 juta dilaburkan secara terus ke dalam ekonomi Malaysia pada tahun kewangan 2010.

Lebih penting lagi, kami berjaya mencatat kejayaan yang menggalakkan dari segi prestasi dana kami. Jumlah keuntungan portfolio bagi Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 adalah RM55.3 juta, yang bersamaan dengan Kadar Pulangan Dalam atau *Internal Rate of Return (IRR)* kasar tahunan sebanyak 53.1% dan IRR bersih tahunan (selepas ditolak fi pengurusan) sebanyak 24.3%. Pencapaian ini melebihi sasaran IRR bersih minimum jangka panjang kami iaitu 12% dan sasaran aspirasi iaitu 20%.

Walaupun Ekuinas berjaya mencatat prestasi kewangan yang menggalakkan dalam tahun pertama operasi, namun ingin saya ingatkan bahawa pulangan ini adalah bagi tempoh pelaburan yang singkat di mana dua daripada tiga pelaburan tersebut adalah pelaburan di dalam syarikat tersenarai, yang mana nilainya turun naik bergantung kepada harga pasaran.

Oleh itu, Prestasi Dana Ekuinas akan turun naik dari tahun ke tahun, bergantung kepada nilai pasaran aset. Keadaan ini konsisten dengan pengalaman sebahagian besar firma ekuiti persendirian global. Dalam ekuiti persendirian, kejayaan hanya benar-benar dapat diukur dengan sewajarnya setelah semua pelaburan dilupuskan. Sehubungan itu, pihak Pengurusan perlu memberi lebih banyak tumpuan kepada usaha meningkatkan prestasi dasar syarikat-syarikat penerima pelaburan untuk menghasilkan penciptaan nilai jangka panjang yang berkekalan.

## PERUTUSAN Pengerusi (SAMBUNGAN)

Pada masa yang sama, program Penyumberaan Luar kami, di mana kami memilih pengurus ekuiti persendirian pihak ketiga untuk menguruskan sebahagian daripada dana kami dan melaksanakan pelaburan modal pertumbuhan, turut mencatat perkembangan yang memberansangkan. Kami telah melantik tiga pengurus dana swasta yang mantap dan bereputasi tinggi selepas melaksanakan proses pemilihan rapi yang mematuhi amalan terbaik global.

Berbekalkan komitmen modal Ekuinas sebanyak RM400 juta, tiga Pengurus Dana PE ini telah berjaya mengumpul modal tambahan sebanyak RM113 juta daripada pelabur persendirian, dan ini melebihi keperluan minimum sebanyak 20% yang telah ditetapkan. Ia juga mencerminkan prinsip perkongsian usahasama awam-swasta yang diutamakan oleh Ekuinas. Hasilnya, sebanyak RM513 juta kini sedia dilabur di bawah program Penyumberaan Luar kami bagi tempoh tiga tahun akan datang di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi.

Dari segi pencapaian objektif sosial pula, pelaburan yang dilaksanakan telah berjaya menjana manfaat serta-merta. Berdasarkan pelaburan ekuiti berjumlah RM380.6 juta yang disempurnakan pada akhir tahun, Ekuinas berjaya menambah nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM483.2 juta, iaitu 1.28 kali ganda. Dalam pada itu, syarikat-syarikat penerima pelaburan kami memberikan peluang pekerjaan kepada 1,861 orang warga Malaysia pada masa ini.

Ini merupakan impak jelas dan boleh diukur hasil dari penglibatan Ekuinas dan kami berharap dapat meningkatkan impak sedemikian di masa hadapan.

Secara keseluruhannya, saya dan rakan-rakan Pengarah saya amat berbangga dengan asas kukuh yang telah dibina, pencapaian yang berjaya dicatat pada tahun pertama operasi serta kemajuan Ekuinas setakat ini.

Namun, kami menyedari bahawa usaha ini perlu dilipatgandakan kerana tahun 2011 bakal membawa cabaran baru dalam usaha untuk memantapkan operasi kami.

Dengan jangkaan untuk menerima dana selanjutnya daripada pihak Kerajaan, kami berharap dapat membuat pelaburan sebanyak RM400 juta hingga RM600 juta di bawah program Pelaburan Langsung dan program Penyumberaan Luar dengan hasrat untuk mencapai jumlah pelaburan sebanyak RM600 juta hingga RM1 bilion ke dalam ekonomi Malaysia. Bilangan cadangan pelaburan kami sangat menggalakkan dan kami berharap dapat mengekalkan momentum pelaburan pada masa ini serta berkeupayaan untuk mencapai pulangan sasaran secara berterusan.

Kami juga berharap dapat meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera melalui pelaburan kami dan, di mana sesuai, untuk menggalakkan penglibatan Bumiputera yang saksama di peringkat Pengurusan dan dari segi peluang pekerjaan serta menambah nilai di rantaian bekalan bagi semua syarikat penerima pelaburan kami berlandaskan keperluan dan merit.

## TADBIR URUS KORPORAT

Kami telah bertekad sejak awal penubuhan Ekuinas lagi untuk membina sebuah organisasi yang mematuhi standard tadbir urus dan amalan terbaik yang diamalkan oleh firma ekuiti persendirian global terkemuka. Pada masa yang sama, kami juga berusaha sedaya upaya agar sentiasa telus terhadap semua pihak berkepentingan – Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, media dan juga rakyat Malaysia – dan telah merumus dasar pendedahan yang menyeluruh berdasarkan prinsip keterbukaan dan amanah. Kami berharap pendirian ini jelas di dalam Laporan Tahunan pertama ini. Butiran lanjut mengenai rangka kerja tadbir urus korporat dibentangkan di bahagian berkaitan laporan ini.



## PENGHARGAAN

Bagi pihak seluruh Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pemegang Amanah Yayasan Ekuiti Nasional di atas mandat dan kepercayaan yang diberikan kepada Ekuinas untuk melaksanakan cabaran yang rumit namun besar ganjarannya ini, iaitu untuk membantu syarikat berpotensi tinggi menjadi syarikat peneraju pasaran di masa hadapan. Kami akan berusaha sedaya-upaya untuk mendukung amanah ini sebaik mungkin dan memenuhi harapan semua, dengan mengekalkan disiplin komersial yang tinggi sambil membimbing usahawan dan pengurus profesional yang berkebolehan untuk mencipta nilai yang berkekalan di dalam semua pelaburan kami.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak berkepentingan, syarikat-syarikat penerima pelaburan dan rakan perniagaan Ekuinas yang lain di atas segala kerjasama dan input bernilai yang diberikan bagi membantu Ekuinas beroperasi dengan lancar sejak hari pertama penubuhannya. Saya juga amat menghargai kehadiran rakan-rakan Pengarah saya yang telah memainkan peranan penting dan berkongsi perspektif serta kepakaran masing-masing di dalam semua pertimbangan dan perbincangan kami.

Akhir kata, saya juga amat berterima kasih kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan pasukan Pengurusan Kanan, serta semua kakitangan Ekuinas, yang telah memberikan sepenuh komitmen dan keazaman untuk memastikan Ekuinas berjaya memenuhi mandatnya.

Saya amat gembira kerana berpeluang berganding bahu dengan seluruh warga Ekuinas di dalam perjuangan ini. Walaupun pelbagai cabaran dan halangan perlu terus diharungi, namun saya yakin semuanya akan dapat diatasi dengan dedikasi dan komitmen semua pihak dan akhirnya, kejayaan akan dapat jua dicapai demi manfaat negara kita, Insya Allah.

**Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad  
Raja Tun Uda**

Pengerusi

## TINJAUAN INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA

### PENDAHULUAN

#### Mengenai Ekuiti Persendirian

Ekuiti Persendirian atau *Private Equity* (PE) adalah sejenis dana pelaburan di mana modal risiko daripada sumber persendirian dikumpul bagi tujuan melabur dan memperoleh pemilikan ekuiti di dalam syarikat. Objektif sebuah firma PE adalah untuk mengumpul dan menguruskan dana bagi menjana pulangan yang menguntungkan buat para pelaburnya dalam tempoh yang ditetapkan. Secara keseluruhannya, matlamat PE adalah untuk merangsang nilai di dalam syarikat-syarikat pelaburan dan kemudian menjual syarikat-syarikat tersebut untuk mendapatkan keuntungan.

Industri PE di Malaysia masih lagi berada di peringkat awal dan Kerajaan Malaysia telah mengenalpasti industri ini sebagai satu sektor yang akan memainkan peranan penting dan lebih besar, seiring dengan usaha negara menyesuaikan diri dengan realiti baru dalam pasaran. Bersama dengan Modal Teroka atau *Venture Capital* (VC), Kerajaan berhasrat menjadikan industri PE sebagai enjin pertumbuhan ekonomi seterusnya yang mampu menjulang Malaysia ke taraf negara berpendapatan tinggi.

Untuk menjelaskan tentang Pasaran PE Malaysia dengan lebih terperinci, Ekuinas telah meminta bantuan The Boston Consulting Group (BCG), sebuah firma perunding global ternama, untuk membuat tinjauan tentang industri ini. Kami merakamkan penghargaan kepada pasukan BCG yang diketuai oleh Mr Dinesh Khanna, *partner* di pejabat BCG Singapura dan Mr Vincent Chin, *partner* di pejabat BCG Kuala Lumpur, bagi penyediaan tinjauan di halaman seterusnya.


## TINJAUAN INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia berjaya bertahan sepanjang tempoh tiga tahun sewaktu lanskap global dibelenggu ketidakpastian. Output negara menurun sedikit sewaktu krisis tersebut, dan kemudian meningkat ~7.4% pada tahun 2010. Dari sudut pandangan industri ekuiti persendirian, aktiviti urus niaga hanya mengalami penurunan yang sedikit sepanjang tahun-tahun krisis (Rajah 1). Malah, firma-firma global berpendapat bahawa Malaysia wajar diteliti sekali lagi, ekoran kejayaannya meraih manfaat daripada perubahan ekonomi domestik serta pertembungan kuasa global yang semakin aktif menempatkan rantau Asia Tenggara sebagai destinasi modal.

Namun, ekuiti persendirian masih merupakan industri yang agak baru di Malaysia. Meskipun bilangan pelaburan semakin meningkat dan bertambah sofistikated sejak kebelakangan ini, industri ini belum berjaya mencapai tahap yang tinggi. Sesetengah urus niaga, misalnya *buy-out* RHB Capital Bhd., sebuah firma perkhidmatan kewangan, dan Magnum Corp. Bhd., sebuah syarikat perjudian, melibatkan pelaburan melebihi US\$1.5 bilion, tetapi hampir tiga perempat urus niaga yang dilaksanakan di Malaysia sepanjang tempoh lima tahun lalu melibatkan pelaburan kurang daripada US\$75 juta. Justeru itu, peluang terbuka luas bagi syarikat tempatan seperti Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) untuk mendahului syarikat lain dalam menerajui industri ini di Malaysia.

Tanda-tanda positif yang kian muncul menjurus kepada peluang untuk mengambil sikap optimistik jangka panjang, lebih-lebih lagi ekoran permintaan pelanggan yang terus meningkat – yang mana pada sesetengah suku pada tahun 2010 bertambah pada kadar tahunan ~22% – liberalisasi garis panduan pelaburan asing dan peraturan kawalselia industri domestik, serta peralihan ekonomi lebih meluas yang semakin cenderung terhadap rantau ini. Perubahan sedemikian tidak akan berlaku sekelip mata, namun masih menjanjikan masa hadapan yang cerah buat industri ini, khususnya bagi syarikat tempatan yang besar dan mampu menyumbang ke arah mengukuhkan ekonomi Malaysia.

**Rajah 1 : Aktiviti Ekuiti Persendirian Malaysia semakin pulih daripada krisis kewangan global 2008 – 2009**



Sumber: Data jurnal modal teroka Asia; analisis BCG

## TINJAUAN INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA (SAMBUNGAN)

### Ekuiti persendirian di Malaysia – mengikut bilangan syarikat

Kehadiran syarikat ekuiti persendirian di Malaysia agak besar bilangannya. Menjelang tahun 2009, terdapat kira-kira 55 buah syarikat ekuiti persendirian dan 59 buah syarikat modal teroka yang disenaraikan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Menurut Malaysian Venture Capital Development Council, kerajaan menyumbang 52.9% daripada jumlah dana terikat dalam industri, yang dianggarkan mencecah RM2.8 bilion. Jumlah urus niaga ekuiti persendirian di dalam tempoh 2006 – 2010 bersamaan dengan 3.5% daripada KDNK, berbanding 1.5% bagi China dan 3.3% bagi India. Secara keseluruhannya, syarikat-syarikat di peringkat pengembangan dan pertumbuhan terus menerima sebahagian besar pendanaan, iaitu 53% daripada jumlah RM317 juta yang diperuntukkan pada tahun 2009.


### JUMLAH EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA TINGGI TETAPI TERTUMPU KEPADA SEGMENT TERTENTU

Tinjauan aktiviti pelaburan di Malaysia dari tahun 2006 – 2010 mengikut kehadiran ekonomi, saiz dan jenis urus niaga, aktiviti sektor, pelabur aktif dan konteks dapat memberi sedikit sebanyak kefahaman mengenai lapangan di mana Ekuiti Nasional boleh memainkan peranan tersendiri untuk membentuk lanskap ekuiti persendirian Malaysia.

Pertama, ekuiti persendirian di Malaysia mempunyai kehadiran ketara berbanding syarikat setara di rantau ini (Rajah 2). Jumlah pelaburan ekuiti persendirian Malaysia dari tahun 2006 – 2010 adalah 3.5% daripada KDNK berbanding 1.5% di China dan 3.3% di India. Namun, sejak kebelakangan ini, aktiviti swasta di Malaysia dan Asia Tenggara agak lembap berbanding negara-negara lain di Asia. Dari tahun 1996 – 2008, jumlah urus niaga di Asia Tenggara meningkat pada kadar 40% setahun, berbanding 45% di China dan 50% di India.

Kedua, mengikut saiz urus niaga, pelaburan ekuiti persendirian di Malaysia tertumpu kepada urus niaga bernilai agak rendah. 30% daripada urus niaga adalah kurang daripada \$15 juta, manakala 25% adalah di dalam julat \$15 – \$40 juta. Kurang daripada 15% bilangan urus niaga adalah antara \$200 juta dan \$2 bilion.


## Rajah 2: Ekuiti Persendirian di Malaysia kini berada pada skala besar



Sumber: Data jurnal modal teroka Asia; analisis BCG; tinjauan ekuiti persendirian Asia

Ketiga, ciri yang agak menonjol adalah tumpuan aktiviti di dalam subset ekonomi, iaitu paling ketara di dalam perkhidmatan kewangan dan hiburan (Rajah 3). Ini mungkin juga disebabkan oleh tumpuan kepakaran dan minat kewangan di dalam sesetengah subsektor ekonomi. Ini dapat dilihat pada komposisi tiga urus niaga terbesar di dalam negara antara tahun 2006 dan 2010 – dua di dalam perkhidmatan kewangan, satu di dalam perjudian – yang mana, apabila digabungkan, merangkumi 57% daripada nilai urus niaga sepanjang tempoh tersebut.

## Rajah 3: Modal ekuiti persendirian kini tertumpu pada perkhidmatan kewangan dan perjudian, manakala sektor lain kurang diminati




Sumber: Data jurnal modal teroka Asia; analisis BCG

Keempat, jenis urus niaga PE paling lazim di Malaysia sejak kebelakangan ini adalah *buy-out*, misalnya *buy-out* bernilai US\$1.54 bilion untuk Magnum yang dibuat oleh CVC Asia Pacific dan Multi-Purpose Holdings Bhd pada tahun 2008 (Rajah 4). Dari segi bilangan, *buy-out* merangkumi 36% daripada 129 urus niaga yang dibuat antara tahun 2006 dan 2010, tetapi dari segi nilai, urus niaga ini jauh menjangkau urus niaga lain di dalam pasaran, dengan 96% daripada urus niaga bernilai hampir US\$8 bilion dalam tempoh yang sama. Urus niaga PIPE (*Private Investment in Public Equity*) juga sering berlaku, pada jumlah satu pertiga daripada bilangan urus niaga antara tahun 2006 – 2010. PIPE membolehkan pemegang saham minoriti memperoleh kepentingan sambil menyumbang kepakaran selain membenarkan pemegang saham majoriti mengekalkan kepentingan mengawal di dalam syarikat.


**Rajah 4: Ekuiti persendirian Malaysia berkemungkinan besar terus mengekalkan ciri unik, kepelbagaian dari segi jenis urus niaga**

**Bilangan urus niaga ekuiti persendirian mengikut jenis urus niaga, 2006 – 2010 (%)**



**Saiz urus niaga PE di Malaysia mengikut kekerapan 2006 – 2010**


Saiz urus niaga PE di Malaysia mengikut kekerapan (2006 – 2010)



Sumber: Data jurnal modal teroka Asia; analisis BCG

Kelima, sebahagian besar daripada pelabur yang membuat pemerolehan ekuiti adalah firma Malaysia. Berdasarkan wawancara dengan syarikat-syarikat di dalam industri, ini mencerminkan keadaan pelabur asing yang masih kurang memahami ekuiti persendirian Malaysia dan juga cabaran yang wujud untuk meneroka pasaran yang kecil dan masih tertutup. Tambahan pula, sektor awam memainkan peranan penting di dalam industri ekuiti persendirian (Rajah 5). Komponen terbesar pelabur ekuiti persendirian domestik adalah dana pencen pada 65% daripada jumlah keseluruhan, manakala 16% lagi dipegang oleh *sovereign wealth funds* dan syarikat berkaitan kerajaan lain.

**Rajah 5: Sektor awam memainkan peranan penting di dalam ekuiti persendirian Malaysia**



Sumber: Data jurnal modal teroka Asia; analisis BCG

**PEMACU DASAR BAGI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA ADALAH TEGUH**

Pembangunan industri ekuiti persendirian di Malaysia terus disokong berikutan beberapa faktor yang menggalakkan (Rajah 6). Ini termasuk ekonomi yang pesat berkembang dan menggalakkan pertumbuhan kelas pertengahan yang sedia besar, tarikan syarikat-syarikat Malaysia sedia ada, liberalisasi industri yang berterusan, perubahan dalam garis panduan pelaburan yang bertujuan menarik lebih banyak pelabur, dan suasana pelaburan yang semakin cenderung terhadap negara-negara di rantau ini, termasuk Malaysia.

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh terus meningkatkan bilangan penduduk di kelas pertengahan. Selepas penguncupan 1.7% pada tahun 2009, negara mencatat pemulihan yang memberansangkan pada tahun 2010 apabila pertumbuhan meningkat hampir empat kali ganda sehingga mencecah anggaran 7.4%. Penggunaan isi rumah meningkat pada kadar tahunan hampir 22% pada suku kedua, sebahagiannya ekoran pertambahan pendapatan boleh guna di kalangan pekerja industri komoditi. Justeru itu, keyakinan pengguna dan perbelanjaan sebenar telah bertambah, dan permintaan swasta kini menjadi pemacu utama pertumbuhan dan bukan sekadar memainkan peranan sokongan.

**Rajah 6: Faktor-faktor yang menjadi pemangkin pertumbuhan aktiviti ekuiti persendirian di Malaysia**

1	Pertumbuhan ekonomi	<p><b>Pertumbuhan ekonomi kukuh terus menambah bilangan penduduk dalam kelas pertengahan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Malaysia berjaya menghadapi krisis, di mana ekonomi menguncup kurang daripada 2% pada tahun 2009 dan kemudian bertumbuh 7.4% pada tahun 2010</li> <li>• Komoditi menjadi pemacu utama, tetapi permintaan domestik turut meningkat</li> </ul>
2	Syarikat-syarikat Malaysia mengekalkan daya tarikan	<p><b>Syarikat-syarikat Malaysia mempunyai daya tarikan bagi pelaburan PE</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Negara mempunyai campuran syarikat terkemuka di dalam sektor tertentu dan syarikat sektor swasta yang ingin berkembang atau melaksanakan proses pemodenan</li> <li>• Sesetengah syarikat tidak diurus dengan sewajarnya dan berpotensi meraih manfaat daripada tadbir urus PE, dan keupayaan untuk menarik kemahiran baru</li> </ul>
3	Liberalisasi industri	<p><b>Liberalisasi sektor secara berterusan juga membawa petanda baik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Undang-undang yang melonggarkan proses memulakan perniagaan dan pembayaran cukai telah dilaksanakan</li> <li>• Perubahan pasaran buruh yang mengimbangkan fleksibiliti pasaran dan kestabilan kerja sedang dirancang</li> </ul>
4	Liberalisasi modal asing	<p><b>Perubahan dalam garis panduan pelaburan asing di Malaysia turut menyediakan peluang baru</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada lagi had pemilikan asing di dalam 27 subsektor perkhidmatan di Malaysia</li> <li>• Garis panduan mengenai penggabungan dan pemerolehan oleh pelabur asing turut dilonggarkan</li> </ul>
5	Tarikan untuk LP	<p><b>Modal asing yang bertambah kemungkinan besar memecutkan trend ini</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Krisis kewangan global menyebabkan peralihan sekular ke arah ekonomi baru muncul</li> <li>• Pelabur menyedari daya tarikan pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia berikutan perubahan dasar yang dirancang</li> </ul>

Sumber: Data jurnal modal teroka Asia; analisis BCG

Syarikat-syarikat Malaysia juga amat sesuai buat pelaburan ekuiti persendirian. Hanya beberapa industri sahaja yang terdedah kepada pelaburan ekuiti persendirian dan negara ini mempunyai campuran syarikat-syarikat terkemuka di dalam sektor tertentu serta syarikat-syarikat lain yang ingin berkembang dan melaksanakan proses pemodenan. Syarikat-syarikat terkemuka ini juga merangkumi beberapa pengeksporth besar, dan ini membentuk asas penting bagi pelaburan PE masa hadapan.

Di samping itu, liberalisasi sektor industri Malaysia yang berterusan juga berkemungkinan besar mampu mewujudkan peluang pelaburan. Undang-undang yang menambah kebolehamalan dan mengurangkan kos penguatkuasaan telah dilaksanakan, termasuk undang-undang yang memudahkan proses memulakan perniagaan dan pembayaran cukai. Pada tahun 2009, misalnya, cukai keuntungan hartanah telah dimansuhkan dan pada tahun 2010, satu pusat sehenti telah diwujudkan untuk menyelaraskan pendaftaran perniagaan. Perubahan undang-undang buruh turut dirancang.



Prospek bagi industri PE di Malaysia semakin terserlah dengan beberapa perubahan yang dilakukan baru-baru ini di dalam persekitaran kawal selia, termasuk pembatalan had pemilikan asing bagi 27 subsektor perkhidmatan pada tahun 2009. Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) mengenai pemerolehan kepentingan ekuiti, penggabungan dan pengambilalihan juga dimansuhkan yang mana memperkenalkan rejim yang tidak mengenakan syarat ekuiti ke atas urus niaga di dalam sektor bukan strategik.

Secara keseluruhannya, Malaysia mempunyai peluang yang tinggi ekoran daripada minat yang semakin mendalam terhadap rantau Asia sebagai destinasi pelaburan. Firma ekuiti persendirian sedia ada di Malaysia mengambil pandangan positif mengenai prospek ekonomi, keyakinan dengan ketersediaan lebih banyak hutang pemerolehan, penilaian yang realistik dan kekurangan modal daripada sumber lain. Malaysia juga semakin menjadi tumpuan rakan kongsi terhad atau *limited partners* (LP) berbanding negara lain di rantau ini. Krisis kewangan global telah mempercepatkan proses peralihan aliran modal ke dalam ekonomi baru berbanding negara maju lain yang dibebani masalah. Peralihan sekular ini memberi manfaat positif untuk Ekuinas dan keseluruhan sektor, termasuk kemudahan bagi syarikat-syarikat di Malaysia mendapatkan akses kepada modal di mana ini akan menggalakkan persaingan yang sihat bagi pembekalan modal serta meningkatkan bilangan urus niaga yang sofistikated.

## **PENINGKATAN AKTIVITI EKUITI PERSENDIRIAN PASTI MENGHASILKAN MANFAAT KETARA BUAT EKONOMI DAN MASYARAKAT MALAYSIA**

Dengan berkembangnya ekuiti persendirian di Malaysia, terdapat beberapa cara bagaimana industri berkemungkinan dapat menyumbang kepada ekonomi dan masyarakat Malaysia secara keseluruhannya.

Modal ekuiti persendirian dapat menyelesaikan masalah yang sukar ditangani oleh model pelaburan lain. Syarikat yang tersenarai di pasaran ekuiti mungkin mengalami masalah agensi, apabila kepentingan pemilik dan pengurus tidak sehaluan, terutamanya dalam situasi pemilikan tertumpu. Lazimnya apabila firma ekuiti persendirian memperoleh sesebuah perniagaan, masalah ini cuba ditangani dengan memegang peranan sebagai pemilik dan juga pengurus aktif. Ini sering dilaksanakan misalnya dengan melantik kakitangan penting dengan kemahiran tertentu dan kecenderungan terhadap penciptaan nilai. Perniagaan keluarga juga boleh menghadapi kesulitan dari segi memastikan kakitangan terdiri daripada para profesional, di mana firma ekuiti persendirian dapat membantu apabila mula terlibat di dalam operasi syarikat.

Di samping dua masalah khusus ini, modal ekuiti persendirian dapat membantu syarikat yang secara amnya memerlukan bantuan, yang tidak diurus dengan wajar, atau yang berada di dalam industri yang sukar diakses oleh pengurus dana. Dengan menambah operasi hutang dan penstrukturan semula, misalnya, firma yang disokong ekuiti persendirian dapat mengalih tumpuan pengurus daripada pelaburan yang tidak optimum dan mendapatkan komitmen pelabur agar keputusan jangka panjang dapat dibuat. Malah, tinjauan BCG mendapati bahawa faktor-faktor yang disebut di atas telah berperanan menjadikan pelaburan ekuiti persendirian pilihan utama berbanding kelas aset lain semasa krisis kewangan global baru-baru ini.

## TINJAUAN INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN DI MALAYSIA (SAMBUNGAN)

Pelaburan oleh syarikat sedemikian sering menghasilkan penerapan amalan terbaik operasi dengan, antara lainnya, menambah bilangan para profesional di kalangan pengurusan dan menerapkan ketelusan di dalam operasi syarikat. Firma milik ekuiti persendirian lazimnya mempraktikkan amalan pengurusan operasi yang kukuh, termasuk penggunaan teknik *lean manufacturing* yang moden, budaya peningkatan berterusan dan proses mendokumenkan prestasi. Tinjauan BCG turut mendapati bahawa firma milik ekuiti persendirian mempunyai amalan pengurusan sumber manusia yang mantap, sebahagian besarnya dengan menerapkan amalan pengambilan pekerja, pemecatan, penggajian dan kenaikan pangkat yang berasaskan merit. Malah, pemilikan ekuiti persendirian boleh dikaitkan dengan penambahbaikan meluas yang merangkumi amalan pengurusan yang pelbagai.

Paling ketara sekali, urus niaga ekuiti persendirian bukan sekadar membawa impak terhadap syarikat yang dibeli tetapi juga menambah tekanan persaingan dalam industri secara keseluruhan dengan memaksa pesaing memantapkan operasi mereka sendiri. Dengan cara ini, modal ekuiti persendirian membawa kesan liberalisasi terhadap ekonomi dan suasana pelaburan secara amnya.

Manfaat sosial ekuiti persendirian untuk masyarakat Malaysia juga semakin diiktiraf, pertama dengan menambah produktiviti dan menjana nilai untuk pengguna dan industri Malaysia, dan kedua, dengan menggalakkan penyertaan di dalam ekonomi.

Firma yang disokong oleh ekuiti persendirian cenderung menambah nilai untuk pengguna dan industri Malaysia. Oleh kerana syarikat PE meningkatkan kecekapan operasi firma yang disokong, mereka menambah kuasa pengguna (melalui penurunan harga atau pertambahan mutu barangan yang dikeluarkan oleh firma tersebut). Lazimnya, ini dikaitkan juga dengan pertambahan peluang pekerjaan.

Meskipun pelaburan PE dibuat dengan syarat-syarat kewangan yang ketat, manfaat bukan kewangan yang ketara turut diraih. Pelaburan ekuiti persendirian di dalam sektor yang kurang menyerlah boleh mendorong penyertaan lebih meluas dalam ekonomi. Selain itu, penyertaan ekonomi lebih meluas bukan sahaja dapat memanfaatkan pemegang saham, tetapi juga menggalakkan budaya pemilikan lebih luas di kalangan rakyat Malaysia.

Akhir sekali, bukan semua urus niaga ekuiti persendirian adalah serupa. Laporan oleh The Boston Consulting Group dan fakulti perniagaan IESE bertajuk "*New Markets New Rules: Will Emerging Markets Reshape Private Equity?*" pada bulan November 2010 mendapati bahawa di dalam pasaran baru muncul seperti Malaysia, urus niaga yang tertumpu kepada perniagaan domestik mencatat prestasi lebih baik berbanding pelaburan di dalam perniagaan peringkat antarabangsa; kedua, kehadiran tempatan yang kukuh diperlukan untuk mencapai pulangan lima kali ganda lebih tinggi daripada dana antarabangsa tanpa pejabat tempatan; ketiga, bahawa saiz memainkan peranan penting; pulangan pasaran baru muncul mempunyai hubungkait dengan saiz, dan ekonomi bidangan belum lagi wujud, dan keempat, bahawa *buy-out* mencatat pulangan tertinggi tetapi pulangan daripada PIPE dan modal pengembangan hanyalah satu perlima lebih rendah manakala modal teroka mencatat prestasi lebih rendah daripada yang dijangka.

## EKUINAS BERUPAYA MEMAINKAN PERANAN PENTING DI DALAM INDUSTRI EKUITI PERSENDIRIAN MALAYSIA

Manfaat yang boleh diraih daripada ekuiti persendirian di Malaysia bergantung kepada syarikat di mana modal dilaburkan dan bagaimana modal tersebut digunakan. Berdasarkan analisis di halaman terdahulu, peluang terbuka luas bagi syarikat baru untuk menyertai industri swasta dan pada masa yang sama dapat memenuhi objektif kewangan dan juga sosial. Dengan kehadiran kukuh di dalam negara, Ekuinas berupaya membuat pelaburan penting di dalam perniagaan di Malaysia dan berpeluang menyumbang ke arah pengwujudan generasi baru syarikat peneraju Malaysia.

Beberapa sektor utama juga dilihat masih kurang menyerlah dari segi aktiviti PE dan memberi peluang kepada Ekuinas untuk turut serta dan bertindak sebagai pemangkin untuk pertumbuhan di dalam sektor tersebut. Fokus pelaburan Ekuinas tertumpu kepada enam sektor, iaitu pendidikan, FMCG (barangan pengguna laris), minyak & gas, peruncitan & percutian, penjagaan kesihatan dan perkhidmatan profesional. Sektor-sektor ini juga mempunyai potensi untuk menghasilkan kesan pengganda yang ketara terhadap ekonomi, termasuk objektif sosial penting, misalnya meningkatkan peluang pekerjaan dan mewujudkan serta menyokong pemilikan perniagaan.

Secara amnya, Ekuinas sebagai syarikat ekuiti persendirian berkaitan kerajaan berpeluang mencapai dua objektif utama iaitu bertindak sebagai institusi swasta dengan tumpuan utama terhadap objektif komersial dan juga menyokong agenda pembangunan dan pemilikan negara. Pelaburan PE yang diurus dengan mantap berlandaskan kriteria komersial yang menyeluruh mampu menambah produktiviti dan persaingan serta meningkatkan prestasi industri di mana pelaburan dibuat.

## KESIMPULAN

Pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan diiringi oleh perubahan struktur serta pasaran tempatan yang belum membangun sepenuhnya bererti industri ekuiti persendirian Malaysia berpotensi melalui tempoh pertumbuhan yang menggalakkan di masa hadapan. Ekuinas berada pada kedudukan yang sesuai untuk meraih manfaat daripada trend ini dengan membuat pelaburan di dalam industri Malaysia. Pelaburan tersebut berdasarkan dua objektif utamanya: pertama, untuk turut serta di dalam pertumbuhan sektor korporat Malaysia dan kedua, untuk memperluaskan corak pemilikan dalam masyarakat. Ekuinas berupaya mencapai kejayaan dengan mengutamakan modal pertumbuhan di dalam syarikat bersaiz kecil dan sederhana, yang secara amnya belum lagi terdedah kepada modal dan kepakaran ekuiti persendirian serta mengutamakan pelaburan di dalam sektor utama yang kurang menyerlah dari segi aktiviti PE. Melalui pelaburannya di Malaysia, Ekuinas berupaya memainkan peranan penting untuk menyemarakkan kembali sektor korporat dan juga ekonomi negara.



THE BOSTON CONSULTING GROUP

### PENULIS

- Vincent Chin adalah partner di pejabat BCG di Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel di [chin.vincent@bcg.com](mailto:chin.vincent@bcg.com)
- Dinesh Khanna adalah partner di pejabat BCG di Singapura. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel di [khanna.dinesh@bcg.com](mailto:khanna.dinesh@bcg.com)
- Carl Harris adalah perunding di pejabat BCG di Singapura. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel di [harris.carl@bcg.com](mailto:harris.carl@bcg.com)
- Sahil Mahtani adalah perunding di pejabat BCG di Jakarta. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel di [mahtani.sahil@bcg.com](mailto:mahtani.sahil@bcg.com)

MERREALISASIKAN BAKAT



ekuinas

## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

### EKUINAS – DARI KONSEP KE OPERASI

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, telah mengumumkan penubuhan Ekuiti Nasional Berhad pada bulan Julai 2009, sebagai salah satu langkah baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk meliberalisasikan ekonomi demi membolehkan Malaysia bersaing dalam pasaran global baru yang amat kompetitif, tanpa melupakan komitmen dan tekad ke arah pertumbuhan ekonomi yang lebih saksama.

Ekuiti diperkenalkan sebagai inisiatif baru yang inovatif untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi Malaysia secara saksama menerusi pendekatan pelaburan ekuiti persendirian berlandaskan prinsip ketelusan, mesra-pasaran dan berdasarkan merit seperti yang diutamakan oleh Kerajaan di dalam Model Baru Ekonomi (MBE).

Pendekatan ini bermatlamat mengenalpasti syarikat-syarikat bersaiz sederhana yang berpotensi tinggi untuk menerima pelaburan Ekuinas bagi tempoh tiga hingga lima tahun dengan tujuan membantu transformasi mereka menjadi peneraju pasaran di masa hadapan.

Sejak penubuhan Ekuinas, segalanya telah berlaku dengan pantas.

Dalam tempoh dua bulan selepas pengumuman YAB Perdana Menteri, Lembaga Pengarah Ekuinas telah dilantik dan dianggotai oleh individu-individu yang mempunyai pengalaman yang luas dan kepakaran yang tinggi di dalam pelbagai bidang, iaitu YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda sebagai Pengerusi, dan YBhg Tan Sri Mohamed Jawhar, YBhg Dato' Noriyah Ahmad dan YBhg Datuk Mohamed Azman Yahya sebagai Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif.





## PERISTIWA-PERISTIWA PENTING

### Julai 2009

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengumumkan penubuhan Ekuiti Nasional Berhad, sebuah institusi pelaburan baru.

### September 2009

Pelantikan Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas diumumkan secara rasmi.

Entiti rasmi Ekuiti Nasional Berhad dan Ekuinas Capital Sdn Bhd telah diperbadankan.

### Disember 2009

RM100 juta yang pertama daripada jumlah RM500 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 diterima.

Ekuinas mengadakan taklimat 'Request for Interest' bagi Program Penyumberan Luar, yang menarik minat lebih daripada 50 firma ekuiti persendirian tempatan dan cawangan firma ekuiti persendirian antarabangsa di Malaysia.

### Februari 2010

Baki RM400 juta daripada jumlah RM500 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 telah diterima.

Ekuinas mengumumkan pelaburan sulungnya di dalam Alliance Cosmetics Group, syarikat produk kecantikan dan penjagaan peribadi di Malaysia.

Ekuinas mengumumkan Dasar Pendedahan dan Rangka Kerja Pelaburannya.

Pada masa yang sama, rangka kerja rasmi bagi menjalankan operasi Ekuinas telah ditubuhkan di mana Yayasan Ekuiti Nasional bertindak sebagai Pemegang Amanah, Ekuiti Nasional Berhad sebagai Syarikat Pengurus Dana dan Ekuinas Capital Sdn Bhd sebagai Syarikat Modal Dana.

Model operasi dibentuk tidak lama selepas itu dan merangkumi dasar-dasar utama seperti Rangka Kerja Utama Pelaburan serta dasar tadbir urus korporat, perbendaharaan dan pendedahan, sejajar dengan komitmen Ekuinas sejak dari awal penubuhan untuk mematuhi standard tadbir urus tertinggi dan menepati penanda aras amalan-amalan terbaik firma ekuiti persendirian global.

Lebih kurang enam bulan selepas penubuhan, Ekuinas telah berjaya mengumumkan pelaburan langsung pertama Syarikat serta permulaan program penyumberan luar untuk memilih pengurus ekuiti persendirian pihak ketiga yang berperanan mengurus sebahagian daripada dana yang diperuntukkan. Sejak itu, Ekuinas telah berjaya mencapai kejayaan di dalam pelbagai aspek pelaburan, operasi dan tadbir urus. Saya berasa bertuah kerana mempunyai rakan-rakan sekerja yang berbakat lagi berdedikasi di Ekuinas pada peringkat awal ini dan dengan sukacitanya membentangkan Ulasan Operasi bagi tahun pertama kami untuk manfaat semua pihak berkepentingan.

## BEROPERASI DI DALAM PERSEKITARAN EKONOMI YANG BERKEMBANG TETAPI DIBELENGGU KETIDAKPASTIAN

Ekuinas ditubuhkan dan memulakan tahun pertama operasinya di dalam persekitaran di mana ekonomi Malaysia dan Asia beransur-ansur pulih daripada kegawatan ekonomi global yang melanda pada tahun 2009.

Seperti negara-negara ASEAN yang lain, ekonomi Malaysia berkembang pesat pada separuh tahun pertama 2010 dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun keseluruhan dijangka menjangkau 7%, sebahagian besarnya didorong oleh pertumbuhan eksport dan penggunaan dalam negeri, yang masing-masing meningkat 16.5% dan 7.2% sehingga mencecah RM302.5 bilion dan RM234.9 bilion.

Pertumbuhan ekonomi positif ini membantu mendorong pemulihan yang menggalakkan di dalam aktiviti penggabungan dan pemerolehan, atau *mergers & acquisitions* (M&A). Aktiviti M&A di Malaysia dan rantau ASEAN mencatat pemulihan kukuh pada tahun 2010 selepas penurunan mendadak pada tahun sebelumnya, ekoran tindakan pelabur merebut peluang daripada harga aset yang lebih rendah dan akses yang lebih mudah bagi mendapatkan pembiayaan.



**Jun 2010**

Ekuinas mengumumkan pelaburan kedua di dalam Tanjung Offshore Berhad, syarikat minyak dan gas Bumiputera.

**Julai 2010**

Tiga firma ekuiti persendirian dilantik sebagai Pengurus Dana *Outsource* (OFM) Ekuinas untuk Fasa 1 iaitu CIMB Private Equity, KFH Asset Management dan Navis Capital Partners.

**Oktober 2010**

Konsortium Logistik Berhad, syarikat perkhidmatan logistik bersepadu tempatan yang terkenal menjadi syarikat penerima pelaburan Ekuinas yang ketiga.

**November 2010**

Ekuinas memeterai perjanjian bersyarat untuk memperoleh kepentingan majoriti di dalam anak syarikat pendidikan Sapura Resources Berhad yang merangkumi Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)/Asia Pacific University College of Technology and Innovation (UCTI) dan Sapura Smart School.

Di negara Malaysia sahaja, urus niaga yang dianggarkan bernilai RM73.6 bilion disempurnakan pada tahun 2010 berbanding RM25 bilion yang dicatat pada tahun 2009, dengan urus niaga melibatkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan penswastaan syarikat tersenarai melonjakkan aktiviti ke tahap tertinggi dalam sejarah. Namun, pelaburan ekuiti persendirian di ASEAN dan Malaysia masih merangkumi sebahagian kecil jumlah aktiviti M&A dan menandakan kedudukannya sebagai industri yang baru berkembang.

Namun di masa akan datang, risiko yang tinggi masih wujud kerana pertumbuhan ekonomi di Malaysia dan di rantau ini masih dibelenggu ketidakpastian disebabkan ekonomi maju yang masih bergelumbang dengan krisis kredit dan kadar pengangguran yang tinggi. Pertumbuhan global diramal mencecah sekitar 4–4.5% pada tahun 2011 dan harga aset yang turun naik mungkin melemahkan permintaan swasta di pasaran domestik.

Selanjutnya, meskipun aktiviti M&A terus giat mewujudkan pasaran urus niaga yang rancak di Malaysia, kemungkinan besar risiko tetap wujud di mana pemilik perniagaan mengharapkan nilai aset yang lebih tinggi, lantas membangkitkan cabaran yang besar buat pelabur yang mementingkan nilai sampingan.

Namun, Ekuinas terus optimis dengan prospek ekonomi Malaysia, yang diramal berkembang pada kadar 5–6% pada tahun 2011, dan akan terus menjadi pasaran yang menyediakan pelbagai peluang pelaburan. Justeru itu, Ekuinas akan terus mengambil sikap konservatif dalam pendekatan penilaiannya dan menumpukan perhatian pada usaha mengenal pasti syarikat bersaiz sederhana yang berpotensi tinggi dan membantu mencipta nilai berkekalan menerusi transformasi syarikat-syarikat ini menjadi peneraju pasaran masa hadapan di dalam segmen industri masing-masing.



## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMBUNGAN)

### PERUNTUKAN MODAL BENIH DARI KERAJAAN

Ekuias ditubuhkan dengan komitmen jangka panjang di mana kerajaan Malaysia akan menyediakan modal sebanyak RM10 bilion untuk pelaburan. Ini selanjutnya diperhalusi dengan peruntukan terikat Kerajaan sebanyak RM5 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan seterusnya, Rancangan Malaysia Ke-10 sepanjang tempoh lima tahun hingga 2015.

Dengan jumlah ini, Ekuias telah membuat perancangan lima tahun untuk melaksanakan dua aktiviti pelaburan utamanya:-

- RM3.5 bilion diperuntukkan bagi pelaburan langsung, di mana Ekuias memperoleh kepentingan langsung majoriti di dalam syarikat-syarikat terpilih; dan
- RM1.0 bilion diperuntukkan untuk Program Penyumberan Luar, di mana Ekuias menyediakan dana bagi pengurus ekuiti persendirian pihak ketiga untuk diurus dan dilabur bersama-sama dengan dana modal dari sumber luaran lain.

Modal permulaan sebanyak RM500 juta telah diterima daripada pihak Kerajaan oleh Yayasan Ekuiti Nasional menjelang bulan Februari 2010. Jumlah ini telah digunakan sebagai modal benih bagi penubuhan dana pertama Ekuias, iaitu Ekuias Direct (Tranche 1) Fund untuk aktiviti Pelaburan Langsung dan Ekuias Outsourced (Tranche 1) Fund untuk Program Penyumberan Luar dengan jumlah modal terikat masing-masing sebanyak RM1 bilion dan RM400 juta.

### PELABURAN LANGSUNG – PRESTASI TAHUN PERTAMA YANG KUKUH

Ekuias Direct (Tranche 1) Fund telah mula beroperasi pada 1 Januari 2010. Pada tarikh Laporan Tahunan ini, Ekuias berjaya melaksanakan empat pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi berjumlah **RM482.7 juta**. Bersama dengan rakan pelabur swasta, empat pelaburan ini telah membolehkan kemasukan modal sebanyak **RM602.4 juta** secara terus ke dalam ekonomi Malaysia pada tahun 2010 dan membawa impak positif kepada negara.

Empat pelaburan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- **Alliance Cosmetics Group**  
Bersama-sama dengan Navis Capital Partners, sebuah firma ekuiti persendirian serantau yang terkemuka, Ekuias membuat pelaburan sebanyak RM39.9 juta bagi kepentingan efektif 20% di dalam salah sebuah syarikat produk kecantikan dan penjagaan peribadi yang ternama di Malaysia;



- **Tanjung Offshore Berhad**

Ekuinas membuat pelaburan sebanyak RM99.8 juta bagi kepentingan 24% di dalam syarikat Bumiputera yang menawarkan perkhidmatan pembekalan dan kejuruteraan luar pesisir di dalam sektor minyak & gas.

- **Konsortium Logistik Berhad**

Ekuinas membuat pelaburan sebanyak RM241.0 juta untuk memperoleh kepentingan majoriti sebanyak 65.9% di dalam perkhidmatan logistik bersepadu yang berpotensi tinggi.

- **Kumpulan Pendidikan APIIT/UCTI**

Ekuinas membuat pelaburan sebanyak RM102.0 juta untuk memperoleh kepentingan 51% di dalam kumpulan pendidikan yang bereputasi tinggi dalam penyediaan pendidikan bermutu kepada pelajar tempatan dan asing.

Kesemua pelaburan telah berjaya disempurnakan menjelang akhir tahun 2010 kecuali urus niaga di dalam Kumpulan Pendidikan APIIT/UCTI yang dilaksanakan pada bulan Februari 2011.

Pelaburan yang dilaksanakan merupakan gabungan urus niaga modal pertumbuhan, di mana Ekuinas memperoleh kepentingan minoriti untuk menyokong usahawan, dan urus niaga *buy-out*, di mana Ekuinas memperoleh kepentingan majoriti.

Empat pelaburan ini merupakan permulaan yang menggalakkan buat Ekuinas memandangkan tempoh operasi yang singkat sejak penubuhannya dan sifat intensif pelaburan ekuiti persendirian, di mana sebahagian besar firma PE global lazimnya hanya melaksanakan maksimum dua atau tiga pelaburan sahaja setahun.



## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMBUNGAN)



Lebih penting lagi, Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund telah mencatat pulangan kasar portfolio sebanyak RM55.3 juta bagi tahun pertama operasi, yang bersamaan dengan Kadar Pulangan Dalaman atau *Internal Rate of Return* (IRR) kasar sebanyak **53.1%** dan IRR bersih sebanyak **24.3%**. Angka ini melebihi pulangan minimum sasaran jangka panjang kami iaitu 12% IRR dan sasaran aspirasi 20% IRR, lantas mencerminkan permulaan yang kukuh buat Dana ini.

Namun, harus saya ingatkan bahawa pulangan ini dipengaruhi oleh tempoh pelaburan yang singkat di mana dua daripada tiga pelaburan adalah pelaburan syarikat tersenarai, yang mana nilai saksamanya ditentukan oleh harga pasaran pada akhir tahun, yang mungkin turun naik secara ketara.

Justeru itu, kami menjangkakan bahawa Prestasi Dana akan turun naik dari tahun ke tahun, bergantung kepada nilai pasaran aset, dan konsisten dengan pengalaman sebahagian besar firma ekuiti persendirian global. Lazimnya, dengan pelaburan ekuiti persendirian, prestasi kewangan sebenar sesuatu dana hanya dapat benar-benar diukur apabila semua pelaburan telah dilupuskan. Dengan itu, faktor utama dalam menentukan kejayaan mencapai pulangan yang menguntungkan adalah dengan memastikan tumpuan diberi terhadap usaha meningkatkan prestasi operasi dasar syarikat-syarikat penerima pelaburan.

Dalam hal ini, kami berbesar hati melaporkan bahawa prestasi operasi dasar syarikat-syarikat penerima pelaburan di bawah Ekuinas telah mencatatkan peningkatan yang menggalakkan. Meskipun hasil kolektif ketiga-tiga syarikat di dalam tahun pertama pemilikan Ekuinas menurun sebanyak 4% kepada RM964.2 juta ekoran kelembapan aktiviti di dalam sektor minyak dan gas pada tahun 2010, **EBITDA** kolektif telah meningkat 32.5% kepada **RM181.7 juta**.

Dengan model operasi pelaburan Ekuinas, Pelan Peningkatan Nilai dirancang terlebih dahulu bagi setiap pelaburan untuk mengenal pasti strategi utama yang perlu dilaksanakan untuk meningkatkan nilai pemegang saham. Kami berbangga dengan pencapaian yang dibuat di setiap syarikat penerima pelaburan kami dan akan terus memberikan tumpuan kepada pelaksanaannya di masa hadapan.

Pada masa yang sama, kami juga mencatat kemajuan yang membanggakan di dalam usaha memenuhi objektif sosial kami untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera secara saksama menerusi pelaburan kami.

Bagi tahun kewangan 2010, pelaburan Ekuinas telah meningkatkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak **RM483.2 juta**, iaitu **1.28 kali ganda modal** yang dilabur. Angka ini mencerminkan impak yang ketara, nyata dan boleh diukur di dalam usaha meningkatkan ekuiti Bumiputera selaras dengan aspirasi jangka panjang kami untuk mencatat nilai ekuiti yang bertambah sebanyak 2 kali ganda modal dilabur.

Dari segi peluang pekerjaan dan pengurusan pula, syarikat-syarikat penerima pelaburan kami kini secara kolektif menyediakan peluang pekerjaan kepada seramai 1,861 orang rakyat Malaysia di mana 83.9% merupakan golongan Bumiputera. Syarikat-syarikat tersebut juga kini mempunyai seramai 42 orang pengurus, dan 45.2% daripada mereka terdiri daripada Bumiputera.

Kami berharap untuk menambah bilangan ini di masa hadapan sejajar dengan objektif kami untuk menambah peluang pekerjaan bagi semua rakyat Malaysia, serta mewujudkan lebih ramai pengurusan kanan yang berwibawa dan memberi mereka peluang untuk berkongsi nilai yang dicipta di dalam syarikat mereka melalui skim ekuiti berdasarkan prestasi.

Kami sedar akan perjalanan kami yang masih jauh untuk mencapai objektif sosial ini. Namun kami sedar bahawa sebarang usaha untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera secara saksama di dalam syarikat-syarikat penerima pelaburan kami harus dilaksanakan dengan berhati-hati menerusi cara yang adil dan berasaskan merit demi memastikan keterangkuman dan manfaat bersama untuk semua. Hanya dengan cara sebegini barulah usaha sedemikian dapat membuahkan hasil yang berkekalan di dalam jangka masa panjang.

Butiran lanjut mengenai pelaburan langsung Ekuinas dibentangkan di dalam Ulasan Prestasi Pelaburan di halaman 48 hingga 65.

## PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Di dalam model pelaburannya, Ekuinas turut mengendalikan program penyumberan luar di mana dana diberi kepada pengurus dana ekuiti persendirian pihak ketiga untuk diurus dan dilabur bagi pihak Syarikat. Program Penyumberan Luar ini memperluaskan aktiviti Pelaburan Langsung dengan pelaburan tertumpu kepada saiz urus niaga lebih kecil, purata antara RM15 juta hingga RM50 juta, dan memperoleh kepentingan modal pertumbuhan minoriti di dalam perniagaan, agar dapat membantu usahawan mengembangkan perniagaan mereka dengan agresif ke tahap seterusnya.

Pengurus dana penyumberan luar atau *outsourced fund managers* (OFM) yang dipilih di bawah Program ini perlu mengumpul modal tambahan daripada sumber persendirian lain sekurang-kurangnya sebanyak 20 peratus daripada jumlah yang diperuntukkan oleh Ekuinas bagi menambah dana yang tersedia untuk pelaburan.

Dengan cara ini, Ekuinas dapat menarik modal swasta sejajar dengan hajat kerajaan untuk menggalakkan perkongsian awam-swasta. Syarat pelantikan setiap OFM turut merangkumi komitmen untuk mencapai objektif sosial Ekuinas menerusi insentif prestasi mengikut amalan pasaran.

Pada tahun 2010, Ekuinas berjaya melancarkan Program Penyumberan Luarnya dengan menubuhkan dana Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund yang mempunyai komitmen modal sebanyak RM400 juta. OFM yang telah dipilih perlu menjalani proses pemilihan rapi Ekuinas yang mematuhi amalan terbaik global dan melibatkan penyertaan kira-kira 51 buah firma ekuiti persendirian tempatan dan antarabangsa yang beroperasi di Malaysia.



## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMBUNGAN)



Proses penilaian ini berasaskan lima dimensi utama – rekod prestasi pelaburan yang mantap, pengalaman pasukan pelaburan yang mendalam, proses pelaburan yang kukuh, keupayaan mengumpul dana dan kesesuaian firma dengan keperluan serta garis panduan pelaburan Ekuinas. Akhirnya, tiga OFM dengan pengalaman dan rekod prestasi yang mantap telah dilantik pada bulan Julai 2010, iaitu CIMB Private Equity (CIMB PE), KFH Asset Management (KFHAM) dan Navis Capital Partners (Navis).

OFM yang dilantik kemudian memulakan aktiviti mengumpul dana untuk mendapatkan modal tambahan yang diperlukan dan kami berbangga untuk melaporkan bahawa menjelang akhir tahun, ketiga-tiga OFM telah berjaya mendapatkan jumlah sebanyak RM113 juta daripada sumber luaran yang melebihi jumlah minimum RM100 juta seperti yang ditetapkan oleh Program ini dan sebahagian besarnya telah diperolehi dari luar negara.

Dengan itu, jumlah minimum yang tersedia di bawah Program ini kini mencecah RM513 juta dan sedia untuk dilabur dengan serta-merta sepanjang tempoh tiga tahun akan datang di dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi.

Kami menjangkakan semua OFM yang dilantik akan memulakan aktiviti pelaburan mereka pada tahun 2011 dan kami berharap mereka dapat memainkan peranan yang penting bagi membantu Ekuinas mencapai objektif kewangan dan juga sosial pada tahun-tahun akan datang.



## MEMBINA ORGANISASI EKUITI PERSENDIRIAN YANG TERBILANG

Dari awal lagi, kami telah bertekad untuk menjadikan Ekuinas sebuah syarikat pengurus dana dengan model operasi yang setanding dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global terkemuka.

Pada masa yang sama, Ekuinas menyedari bahawa kos operasi perlu diurus dengan cekap bagi memastikan dana awam digunakan secara berhemat. Sama seperti firma PE lain, Ekuinas menerima fi pengurusan daripada Ekuinas Capital untuk menampung kos operasinya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, Ekuinas telah mencatat keuntungan selepas cukai sebanyak RM3.4 juta, yang mewakili lebihan kecil daripada kos operasinya. Lebih penting lagi, kami dengan sukacitanya memaklumkan bahawa nisbah perbelanjaan operasi atau *operating expenditure* (OPEX) kepada Dana di bawah Pengurusan atau *Funds under Management* (FuM) hanyalah 1.3%, dan nisbah yang rendah ini mencerminkan usaha Ekuinas untuk mengurus kos operasi syarikat dengan berkesan.

## MENINGKATKAN KESEDARAN

Sebagai entiti yang baru di dalam dunia korporat, Ekuinas menerapkan dasar interaksi yang aktif dengan pihak-pihak berkepentingan untuk memperkenalkan Syarikat dan menjelaskan bagaimana kami memainkan peranan tersendiri dalam membantu negara mencapai sesetengah matlamat sosio-ekonominya.

Bagi memastikan mereka memahami dengan jelas peranan Ekuinas di dalam usaha menyokong penciptaan ekonomi yang lebih terangkum, kami sering berinteraksi dengan pelbagai kumpulan pihak-pihak berkepentingan termasuk media aliran utama dan media baru, pihak-pihak berkepentingan Kerajaan termasuk Unit Perancang Ekonomi, Pejabat Perdana Menteri, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta agensi pelaburan seangkatan dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan atau *Government Linked Investment Companies* (GLIC).

Kami juga banyak meluangkan masa untuk berkomunikasi dan berbincang dengan pelbagai Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang tertumpu kepada bidang perniagaan untuk menjelaskan peranan Ekuinas serta menerima maklum balas tentang bagaimana kami dapat berusaha memenuhi jangkauan mereka.

Sejajar dengan komitmen kami untuk melaksanakan operasi dengan cara yang telus, Ekuinas telah mewujudkan Dasar Pendedahan komprehensif yang direka bentuk berdasarkan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global dan *sovereign wealth funds*.

Bagi mematuhi dasar ini, maklumat terkini mengenai aspek operasi dan pelaburan sepanjang tahun 2010 telah diumumkan menerusi wawancara bersemuka, persidangan akhbar dan juga siaran akhbar, selain dipaparkan di laman sesawang rasmi kami di [www.ekuinass.com.my](http://www.ekuinass.com.my).



Pada masa yang sama, Ekuinas turut menyedari bahawa para usahawan dan masyarakat perniagaan mungkin masih menganggap ekuiti persendirian sebagai bidang yang agak asing. Bagi menangani perkara ini, kami telah menghasilkan satu siri artikel di dalam sebuah akhbar tempatan bagi tujuan mendidik orang ramai mengenai konsep pelaburan ekuiti persendirian dan bagaimana ekuiti persendirian dapat membawa kesan positif kepada pertumbuhan sesebuah syarikat.

Artikel-artikel ini telah membariskan contoh sebenar di mana pelaburan ekuiti persendirian berjaya membantu merealisasikan potensi beberapa syarikat Malaysia yang berjaya. Harapan kami artikel-artikel ini dapat sedikit sebanyak meyakinkan para usahawan dan pengurus perniagaan agar mempertimbangkan ekuiti persendirian sebagai salah satu pilihan meningkatkan modal untuk tujuan mengembangkan syarikat masing-masing.

Kami menghargai kerjasama dan sokongan padu yang diterima daripada media aliran utama serta media elektronik dan dalam talian sepanjang tahun dan memaparkan beberapa keratan akhbar di halaman 98 dan 99 di dalam laporan ini. Kami juga berharap maklumat terperinci yang dibentangkan di dalam Laporan Tahunan ini mencerminkan komitmen kami terhadap perkara penting ini.

## ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (SAMBUNGAN)



### MODAL INSAN DAN KEBAJIKAN KOMUNITI

#### *Komitmen terhadap modal insan berkualiti*

Pasukan kami bermula dengan hanya 3 orang semasa penubuhan syarikat. Menjelang 31 Disember 2010, kakitangan kami telah bertambah kepada bilangan yang masih kecil iaitu 40 orang, di mana separuh daripadanya terdiri daripada pakar profesional di bidang pelaburan. Kami bertuah kerana dapat mengumpulkan pasukan yang begitu berbakat daripada latar belakang yang berbeza-beza termasuk perbankan pelaburan, ekuiti persendirian, kewangan, perundingan dan juga industri, yang benar-benar komited mendukung nilai teras dan juga aspirasi Ekuinas.

Bagi memastikan Ekuinas dapat terus mengekalkan, membangun dan menarik modal insan yang diperlukan untuk melaksanakan aktiviti kami, syarikat telah merangka Strategi Modal Insan yang menyeluruh dan merangkumi antara lainnya rangka kerja ganjaran berasaskan prestasi yang setanding syarikat lain dan juga rancangan jangka panjang berkaitan insentif dan pengekaln kakitangan.

Di masa akan datang, kami merancang untuk memantapkan lagi strategi modal insan kami dengan memberi tumpuan kepada program latihan dan pembangunan bagi semua kakitangan Syarikat. Pada masa yang sama, kami sering berusaha membangun dan meningkatkan keupayaan serta mutu pasukan pengurusan di dalam syarikat-syarikat penerima pelaburan kami untuk memastikan syarikat-syarikat ini berjaya melaksanakan pelan peningkatan nilai mereka.

#### *Komitmen terhadap tanggungjawab sosial korporat*

Sebagai entiti yang dibiayai oleh Kerajaan, Ekuinas terus mendukung mandat untuk mewujudkan generasi baru peneraju industri masa hadapan. Pada tahun pertama operasi, kami hanya menyediakan peruntukan yang kecil untuk menyokong sebilangan kecil NGO yang menyumbang ke arah pertumbuhan dan pembangunan usahawan, serta NGO yang menghulurkan bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik di dalam masyarakat, termasuk ibu tunggal, anak yatim dan mereka yang menghidap penyakit terminal.

Kami kini sedang membuat perbincangan dan pertimbangan untuk merangka sebuah program tanggungjawab sosial korporat Ekuinas sendiri dan berharap dapat melancarkannya pada tahun kewangan hadapan.

Berdasarkan pengalaman kami dalam menetapkan sasaran objektif sosial syarikat, Ekuinas turut melantik The Boston Consulting Group untuk menjalankan kajian bagi mengenalpasti metrik yang boleh digunakan oleh Kerajaan untuk mengukur penglibatan ekonomi setiap kumpulan etnik di Malaysia. Perbincangan ini telah sekian lama didominasi oleh satu pengukuran ekuiti sahaja.



Gambaran ringkas mengenai projek ini dibentangkan di halaman 100 hingga 105 laporan ini, dan kami berharap ia dapat menjadi pemangkin bagi mengadakan lebih banyak perbincangan mengenai perkara ini.

## **KESIMPULAN – PERMULAAN YANG SIBUK NAMUN MEMBANGGAKAN**

Tahun pertama operasi Ekuinas merupakan tahun yang sibuk di mana kami berusaha membina asas yang kukuh bagi Syarikat ke arah mencapai sasaran operasi utama yang ditetapkan. Kami menyedari tanggungjawab yang dipikul amat berat dan semua pihak berkepentingan menaruh harapan yang tinggi terhadap kami.

Sepanjang tempoh yang mencabar ini, saya dan seluruh warga kerja Ekuinas amat terhutang budi kepada Pengerusi kami, YM Raja Tan Sri Arshad, dan semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas, yang sentiasa bersedia untuk menghulurkan pandangan dan bimbingan yang bernilai bagi membantu kami menghadapi pelbagai cabaran yang menandatangani sepanjang tahun pertama kami beroperasi.

Kami juga amat berterima kasih kepada YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, dan semua pemegang amanah Yayasan Ekuiti Nasional yang dihormati di atas kepercayaan yang diberikan untuk merealisasikan wawasan yang ditetapkan.

Kepada semua pihak berkepentingan, syarikat-syarikat penerima pelaburan dan rakan-rakan perniagaan kami, kami merakamkan ucapan terima kasih di atas sokongan, kesabaran dan pertimbangan anda sepanjang tempoh ini di mana kami mencuba sedaya upaya mencipta nilai yang berkekalan di dalam operasi kami.

Dan saya akhiri dengan ucapan terima kasih kepada seluruh kakitangan yang telah memberikan Ekuinas usaha padu, komitmen dan dedikasi mereka, yang merupakan kekuatan sebenar Ekuinas. Saya berasa begitu bertuah kerana berpeluang berganding bahu dengan anda semua dan berharap kita dapat meneruskan usaha kita untuk mewujudkan organisasi ekuiti persendirian yang setanding dengan firma-firma terkemuka di dalam industri ini.

Namun, usah lupa bahawa kita masih di peringkat awal dan perjalanan ini baru bermula. Negara-negara barat kini masih menghadapi kelembapan ekonomi dan prospek ekonomi bagi tahun 2011 masih mencabar. Walau bagaimanapun, Syarikat optimis ekonomi Malaysia bakal pulih dan telah menetapkan sasaran yang tinggi bagi tahun hadapan.

Tertakluk kepada peruntukan dana selanjutnya, kami berharap dapat membantu pelaburan modal sebanyak RM600 juta hingga RM1 bilion ke dalam ekonomi negara pada tahun 2011, di mana pelaburan modal Ekuinas dijangka menyumbang kira-kira RM400 juta – RM600 juta. Pada masa yang sama, kami berharap dapat mewujudkan nilai tambahan di syarikat-syarikat penerima pelaburan kami, mencapai pulangan kewangan sasaran minimum dan terus membuat pencapaian lebih memuaskan di dalam usaha merealisasikan objektif sosial syarikat.

Ini adalah sasaran utama bagi tahun 2011 dalam usaha kami mewujudkan kesan positif yang berpanjangan di dalam ekonomi Malaysia.

**ABDUL RAHMAN AHMAD**  
Ketua Pegawai Eksekutif

## ULASAN PRESTASI PELABURAN

Sejak penubuhannya, Ekuinas telah menerima RM500 juta daripada pihak Kerajaan sebagai modal benih awal untuk memulakan operasi. Dengan jumlah ini, dua dana telah ditubuhkan:

1. Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund dengan saiz dana modal sebanyak RM1 bilion di bawah E-Cap (Internal) One Sdn Bhd; dan
2. Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund dengan modal terikat sebanyak RM400 juta di bawah E-Cap (External) One Sdn Bhd.

### 1 EKUINAS DIRECT (TRANCHE 1) FUND

#### Tinjauan Dana

Pada tahun 2010, Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund telah ditubuhkan dengan modal terikat sebanyak RM1 bilion untuk melaksanakan aktiviti Pelaburan Langsung. Dana ini mempunyai tempoh pelaburan selama tiga hingga lima tahun untuk membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia di peringkat pertumbuhan yang berpotensi tinggi. Dana berdomisil di Malaysia dengan tarikh penutupan pada 1 Januari 2010 dengan tempoh selama lima tahun, dan tempoh lanjutan selama dua tahun.

NAMA DANA	EKUINAS DIRECT (TRANCHE 1) FUND
Tahun Permulaan ( <i>Vintage Year</i> )	2010
Modal Terikat	RM1 bilion
Tempoh	5 Tahun (+ 2 Tahun)
Tempoh pelaburan	3 – 5 tahun
Bentuk & struktur rasmi	Satu pengurus dana dan satu pelabur. Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad
Tumpuan pelaburan	Tertumpu di Malaysia
Tumpuan pelaburan mengikut peringkat	Dana Modal Pertumbuhan
Tumpuan pelaburan mengikut industri	<ul style="list-style-type: none"> <li>– Pendidikan</li> <li>– Minyak &amp; Gas</li> <li>– Barangan Pengguna Laris (FMCG)</li> <li>– Peruncitan &amp; Percutian</li> <li>– Penjagaan Kesihatan</li> <li>– Perkhidmatan</li> </ul>

## Pelaburan yang Dilaksanakan

Pada tahun kewangan 2010 dan setakat tarikh Laporan Tahunan ini dikeluarkan, Dana telah melaksanakan empat (4) pelaburan berjumlah RM482.7 juta. Kesemua urusan niaga ini, termasuk jumlah pelaburan bersama daripada rakan pelabur, telah membolehkan pelaburan sebanyak RM602.4 juta dibuat ke dalam ekonomi Malaysia. Sejalan dengan aspirasi Kerajaan, ini mencerminkan perkongsian awam-swasta yang teguh di dalam operasi pelaburan Ekuinas.

Tiga (3) daripada empat (4) pelaburan yang dilaksanakan telah berjaya disempurnakan menjelang akhir tahun, manakala pemerolehan APIIT telah disempurnakan pada bulan Februari 2011.

### Rajah 1

	Nama	Sektor	Kategori	Kepentingan	Modal Dilabur oleh Ekuinas RM juta	Modal Dilabur oleh Pihak Lain RM juta	Jumlah RM juta
1	Alliance Cosmetics Group	FMCG	II (Buy-out Syarikat Malaysia)	20%	39.9	119.7	159.6
2	Tanjung Offshore Berhad	Minyak & Gas	I (Pelaburan di dalam syarikat Bumiputera)	24%	99.8	–	99.8
3	Konsortium Logistik Berhad	Perkhidmatan	II (Buy-out Syarikat Malaysia dengan Pengurusan Bumiputera)	66%	241.0	–	241.0
4	Kumpulan Pendidikan APIIT/UCTI	Pendidikan	Hybrid I + III (Pemerolehan aset bukan teras PLC Bumiputera)	51%	102.0	–	102.0
<b>JUMLAH</b>					<b>482.7</b>	<b>119.7</b>	<b>602.4</b>

Pelaburan yang dilaksanakan mempunyai ciri-ciri berikut:

- Semua pelaburan adalah di dalam empat daripada enam sektor yang dikenalpasti sebagai sektor tumpuan Ekuinas, iaitu barangan pengguna laris (FMCG), minyak dan gas, perkhidmatan dan pendidikan.
- Pelaburan yang dibuat berada di dalam ketiga-tiga (3) kategori pelaburan yang disasarkan oleh Ekuinas dari mula, iaitu pelaburan di dalam syarikat Bumiputera yang kukuh untuk mempercepatkan pertumbuhan, pelaburan di dalam syarikat Malaysia yang mantap dan merancang untuk berkembang ke peringkat seterusnya dan *buy-out* aset bukan teras milik syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat awam tersenarai (PLC) atau syarikat multinasional (MNC).
- Ekuinas berjaya memastikan gabungan ideal yang menyeimbangkan pelaburan modal pertumbuhan, di mana Ekuinas memegang kepentingan minoriti untuk membantu usahawan, dan urusan niaga *buy-out*, di mana Ekuinas memperoleh kepentingan majoriti.
- Kesemua pelaburan ini semuanya dibuat di dalam syarikat-syarikat Malaysia dengan pemegang saham yang berbeza-beza iaitu dua (2) pelaburan di dalam syarikat tersenarai dan dua (2) lagi di dalam syarikat persendirian.

**ULASAN PRESTASI  
PELABURAN (SAMBUNGAN)**

**Nilai Aset Bersih (NAB) Dana Pada 31 Disember 2010**

	2010 RM juta
Modal Dilabur	403.53
<b>Campur pertambahan pada Nilai Aset Bersih:</b>	
Pendapatan Dividen	23.82
Keuntungan belum direalisasi atas Nilai Saksama pelaburan	31.51
<b>Jumlah Pulangan Kasar Portfolio</b>	<b>55.33<sup>1</sup></b>
<b>Tolak pengurangan pada Nilai Aset Bersih:</b>	
Jumlah Perbelanjaan Operasi	(31.87) <sup>1</sup>
<b>Pertambahan Bersih pada Nilai Aset Bersih</b>	<b>23.46</b>
<b>Nilai Aset Bersih</b>	<b>426.99</b>
<b>Nilai Aset Bersih merangkumi:</b>	
Pelaburan – pada harga kos	380.64
Keuntungan belum direalisasi atas Nilai Saksama pelaburan	31.51
<b>Pelaburan dibawa pada Nilai Saksama</b>	<b>412.15</b>
Tambah: Modal kerja	14.84
<b>Bersamaan Nilai Aset Bersih</b>	<b>426.99<sup>2</sup></b>
<b>IRR Kasar</b>	<b>53.09%</b>
<b>IRR Bersih</b>	<b>24.28%</b>

<sup>1</sup> jumlah ini termasuk perbelanjaan sebanyak RM3.86 juta yang ditanggung di peringkat subsidiari

<sup>2</sup> jumlah ini merangkumi:-

Dana Pemegang Saham	356.13
Pinjaman	70.86
<b>Jumlah Nilai Aset Bersih</b>	<b>426.99</b>

**Prestasi Dana**

Berdasarkan tiga (3) pelaburan yang disempurnakan setakat 31 Disember 2010 yang berjumlah RM380.6 juta, Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund berjaya mencatat keuntungan kasar portfolio sebanyak RM55.3 juta, bersamaan dengan Kadar Pulangan Dalaman atau *Internal Rate of Return* (IRR) kasar tahunan sebanyak 53.1%. Selepas ditolak fi pengurusan yang perlu dibayar kepada Ekuinas sebagai syarikat pengurus dana, Dana telah meraih IRR bersih tahunan sebanyak 24.3%. Ini menandakan permulaan yang baik bagi prestasi Dana dalam tahun pertama operasi dan melebihi sasaran pulangan jangka panjang sebanyak 12% dan sasaran aspirasi sebanyak 20%.

Walau bagaimanapun, Dana masih lagi di peringkat awal dan pulangan tahun pertama dipengaruhi tempoh pelaburan yang pendek dan hakikat bahawa dua (2) daripada pelaburan yang dibuat adalah di dalam syarikat tersenarai, di mana nilai saksama pelaburan ditentukan oleh harga saham penutup akhir tahun berdasarkan keperluan piawaian perakaunan.

## Rajah 2: Prestasi Portfolio pada 31 Disember 2010

Syarikat	Tarikh Pelaburan		Kos Pelaburan RM juta	Pelaburan Bersama RM juta	Nilai Saksama pada 31 Dis'10 RM juta	Jumlah Keuntungan dalam Portfolio RM juta	IRR Kasar %
	Awal	Kepentingan %					
ACG	04 Jan 10	20.00	39.88	119.64	412.15	55.33	53.09
TOFF	26 Jul 10	24.00	99.80	-			
KLB	18 Okt 10	65.91	240.96	-			
Jumlah			380.64	119.64	IRR Bersih		24.28

Nota: Jumlah keuntungan dalam portfolio termasuk keuntungan belum direalisasi pada nilai saksama pelaburan dan pendapatan dividen. IRR kasar dihitung selepas ditolak perbelanjaan faedah sebagai perbelanjaan pelaburan.

## Prestasi Syarikat Penerima Pelaburan

Secara amnya, semua syarikat penerima pelaburan telah mencatat prestasi dasar yang membanggakan pada tempoh tahun pertama di bawah pemilikan Ekuinas. Meskipun hasil kolektif menurun 4% kepada RM964.2 juta ekoran aktiviti yang lembap di dalam sektor minyak dan gas, EBITDA kolektif syarikat-syarikat penerima pelaburan meningkat 32.5% sehingga mencecah RM181.7 juta.

## Rajah 3

	Jumlah Hasil RM juta			EBITDA RM juta		
	2009	2010	% pertumbuhan	2009	2010	% pertumbuhan
Jumlah untuk kesemua Syarikat Penerima Pelaburan	1,004.8	964.2	(4.0%)	137.1	181.7	32.5%



## ALLIANCE COSMETICS GROUP

Jenis Pelaburan	: Buy-out Syarikat Malaysia
Status	: Syarikat persendirian
Sektor	: Barangan pengguna laris
Tarikh Pemerolehan	: Januari 2010
Modal Dilabur	: RM39.9 juta
Pemilikan	: Efektif 20.0%
Pelabur Bersama	: Navis Capital Partners
Jumlah Pelaburan Bersama	: RM119.6 juta

## ULASAN PRESTASI PELABURAN (SAMBUNGAN)

### Profil Syarikat

- Syarikat kosmetik dan haruman pasaran umum yang terkemuka di Malaysia, Singapura dan Brunei.
- Syarikat memasarkan, mengedar dan menjual pelbagai jenama kosmetik dan produk kecantikan termasuk Silkygirl, Silky White, SG Men, Revlon, Pierre Fabre dan Elancyl. Jenama sendiri iaitu Silkygirl menguasai pasaran di Malaysia bagi rangkaian kosmetik untuk pasaran umum.

### Rasional Pelaburan

- Syarikat pertumbuhan tinggi dengan operasi di Malaysia, Singapura dan Brunei.
- Pasukan pengurusan yang mantap dan terbukti.
- Jenama tempatan yang terkemuka.
- Berpeluang untuk berkembang di rantau ini terutamanya di Indonesia.

### Asas penilaian

Penggunaan gandaan EV/EBITDA daripada gandaan purata berasaskan pasaran telah digunakan di dalam penilaian pasaran bagi syarikat tersenarai terpilih ke atas EBITDA ACG bagi tempoh 12 bulan terakhir, selaras dengan Garis Panduan Penilaian Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka Antarabangsa.



**Maklumat Utama Kewangan**

	2009 (diaudit) Indeks	2010 (tidak diaudit) Indeks	Pertumbuhan %
Hasil	100.0	110.3	10.3
EBITDA	100.0	114.5	14.5
Keuntungan selepas cukai	100.0	115.7	15.7

\* bagi melindungi sensitiviti perniagaan dan permintaan pihak rakan pelabur, keputusan ACG dilaporkan dalam bentuk indeks

- Hasil melonjak 10.3% berikutan jualan yang meningkat terutamanya di Singapura dan didorong oleh pertumbuhan jualan asas (*sell-out*) yang mantap dengan peruncit utama.
- EBITDA meningkat tinggi sebanyak 14.5% dengan pertumbuhan pendapatan dan *margin* operasi yang lebih tinggi ekoran kawalan kos yang ketat.
- Rancangan ACG untuk meluaskan operasi ke Indonesia berjalan lancar – produk-produk utama telah didaftarkan dengan pihak berkuasa tempatan dan jualan awal, meskipun sedikit, telah berjaya diperolehi.



## ULASAN PRESTASI PELABURAN (SAMBUNGAN)



### TANJUNG OFFSHORE BERHAD

Jenis Pelaburan	: Pelaburan di dalam Syarikat Bumiputera
Status	: Syarikat tersenarai
Sektor	: Minyak dan Gas (O&G)
Tarikh Pemerolehan	: Julai 2010
Modal Dilabur	: RM99.8 juta
Pemilikan	: 24.0%

#### Profil Syarikat

- Salah satu syarikat penyedia perkhidmatan minyak dan gas luar pesisir tempatan yang terkemuka.
- Memiliki dan mengendalikan 16 kapal bekalan luar pesisir, menyediakan perkhidmatan tenaga kerja, kejuruteraan dan penyelenggaraan, serta menjual dan mengilang peralatan untuk industri minyak dan gas luar pesisir.

#### Rasional Pelaburan

- Sektor minyak dan gas yang pesat berkembang.
- Syarikat Bumiputera tempatan dengan pengalaman luas di dalam sektor O&G.
- Keupayaan unik menawarkan penyelesaian ujian telaga dan *marginal field*.

#### Asas penilaian

Pelaburan tersenarai – penilaian berdasarkan harga saham pasaran penutup.





### Maklumat Utama Kewangan

	2009 (diaudit) RM juta	2010 (tidak diaudit) RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	649.7	541.8	- 16.6
EBITDA	48.9	76.7	56.9
Keuntungan selepas cukai (selepas ditolak Kepentingan Minoriti)	3.1	7.0	> 100

- Hasil menurun 16.6% berbanding tahun sebelumnya ekoran pendapatan lebih rendah daripada segmen perniagaan Kejuruteraan kerana aktiviti yang agak lembap di dalam sektor O&G pada tahun 2009/2010.
- Peningkatan ketara dalam EBITDA dicatat berbanding tahun sebelumnya, di mana keputusan terjejas oleh kerugian yang ditanggung oleh subsidiari luar negara yang diperolehi oleh Syarikat. Kerugian ini berkurangan dengan ketara pada tahun 2010 susulan pelan pemulihan yang berjaya dilaksanakan.
- Melangkah ke hadapan, Syarikat akan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan prestasi perniagaan kejuruteraannya dan merebut peluang yang timbul daripada aktiviti yang semakin rancak di dalam sektor O&G sejajar dengan strategi syarikat minyak negara untuk memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan pengeluaran domestik.



## ULASAN PRESTASI PELABURAN (SAMBUNGAN)



### KONSORTIUM LOGISTIK BERHAD

Jenis Pelaburan	: Buy-out Syarikat Malaysia untuk menyokong Pengurusan
Status	: Syarikat tersenarai
Sektor	: Perkhidmatan
Tarikh Pemerolehan	: Oktober 2010
Modal Dilabur	: RM241.0 juta
Pemilikan	: 65.9%

#### Profil Syarikat

- Syarikat penyedia perkhidmatan logistik bersepadu dengan perkhidmatan yang merangkumi pengangkutan kontena, pengangkutan pukal kering, pergudangan dan pengedaran, penghantaran kargo dan pelepasan kastam.
- Syarikat mengkhusus di dalam penyediaan penyelesaian logistik bagi sektor automotif dan perkapalan batu arang.

#### Rasional Pelaburan

- Syarikat penyedia perkhidmatan logistik bersepadu yang terkenal dengan kedudukan pasaran yang kukuh, khususnya di bidang automotif, perkapalan batu arang dan pengangkutan.
- Peluang untuk merealisasi nilai daripada Lembaran Imbangan yang tidak dimaksimumkan.
- Keupayaan menjana aliran tunai yang kukuh.

#### Asas penilaian

Pelaburan tersenarai – penilaian berdasarkan harga saham pasaran penutup.



### Maklumat Utama Kewangan

	2009 (diaudit) RM juta	2010 (tidak diaudit) RM juta	Pertumbuhan %
Hasil	239.1	294.4	23.1%
EBITDA (tidak termasuk perkara luar biasa)	54.1	65.9	21.8%
Keuntungan selepas cukai (selepas Kepentingan Minoriti dan tidak termasuk perkara luar biasa)	25.0	33.8	35.2%
Keuntungan selepas cukai (selepas ditolak Kepentingan Minoriti)	25.0	- 24.2	- 96.8%

- Mencatat pertumbuhan hasil yang menggalakkan pada 23.1% yang dipacu oleh permintaan lebih tinggi di dalam perniagaan Pengangkutan dan kontrak baru di Bahagian Automotif dan Projek.
- EBITDA melonjak 21.8% berpunca daripada pendapatan lebih tinggi yang diperolehi dan *margin* operasi yang bertambah baik susulan peningkatan kecekapan dan kawalan kos yang ketat.
- Namun, keuntungan selepas cukai menurun ekoran peruntukan bukan tunai tidak berulang dan hapus kira berjumlah RM58 juta sebagai sebahagian daripada langkah terancang merasionalisasikan lembaran imbalan.
- Aliran tunai yang tinggi dijana dengan jumlah dividen diisytiharkan kepada pemegang saham bagi tahun 2010 berjumlah RM50.4 juta.



## ULASAN PRESTASI PELABURAN (SAMBUNGAN)



### KUMPULAN PENDIDIKAN APIIT/UCTI

Jenis Pelaburan	: Pemerolehan aset bukan teras secara perkongsian dengan PLC Bumiputera
Status	: Syarikat persendirian
Sektor	: Pendidikan
Tarikh Pemerolehan	: Februari 2011
Modal Dilabur	: RM102.0 juta
Pemilikan	: 51.0%

#### Profil Syarikat

- Syarikat penyedia pendidikan terkenal yang terlibat di peringkat pendidikan rendah dan menengah serta pengajian tinggi.
- Kolej Universiti APIIT/UCTI, yang telah banyak memenangi anugerah, menawarkan program-program pengajian tinggi yang bermutu tinggi khususnya di bidang Teknologi, Kejuruteraan dan Perniagaan bagi pelajar tempatan dan asing.

#### Rasional Pelaburan

- Pasukan Pengurusan yang mantap dengan rekod prestasi terbukti dalam mencapai pertumbuhan.
- Platform teguh untuk meningkatkan penglibatan di dalam industri pendidikan yang pesat berkembang.
- Potensi cerah untuk mengembangkan operasi dan menambah bilangan pelajar.

#### Asas penilaian

Penggunaan gandaan EV/EBITDA daripada gandaan purata berasaskan pasaran telah digunakan di dalam penilaian pasaran bagi syarikat tersenarai terpilih ke atas EBITDA APIIT/UCTI bagi tempoh 12 bulan terakhir, selaras dengan Garis Panduan Penilaian Ekuiti Persendirian dan Modal Teroka Antarabangsa.

#### Maklumat Utama Kewangan

Pelaburan di dalam APIIT diumumkan pada 4 November 2010 dan telah disempurnakan pada bulan Februari 2011.

Oleh itu, maklumat utama kewangan Syarikat hanya akan disediakan pada tahun 2011 dan tidak dimuatkan di dalam keputusan kewangan Ekuinas bagi tahun 2010.



## PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

EkuiNAS turut mencatat prestasi membanggakan dari aspek pencapaian objektif sosialnya untuk meningkatkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama di dalam empat dimensi utama iaitu pemilikan ekuiti, kumpulan pengurusan, peluang pekerjaan dan rantaian bekalan.

Sepanjang tempoh tinjauan sehingga tarikh laporan Tahunan ini, EkuiNAS menerusi pelaburannya, berjaya melonjakkan nilai ekuiti Bumiputera sebanyak RM483.2 juta, daripada RM313.1 juta yang dicatat pada tarikh kemasukan syarikat kepada RM726.0 juta pada akhir tahun<sup>1</sup>. Ini merupakan gandaan 1.28 kali jumlah modal dilabur EkuiNAS sebanyak RM380.6 juta.

Pada masa yang sama, pelaburan EkuiNAS meningkatkan nilai ekuiti bagi semua pemegang saham sebanyak RM483.2 juta, iaitu gandaan 1.28 kali jumlah modal dilabur, yang mencerminkan kesan positif kemasukan EkuiNAS.

Selain itu, tiga syarikat penerima pelaburan secara kolektif menyediakan peluang pekerjaan buat seramai 1,861 orang, yang mana 83.9% daripadanya merupakan golongan Bumiputera. Syarikat-syarikat tersebut turut menggaji seramai 42 orang pengurus, yang mana 45.2% daripadanya adalah Bumiputera.

Di masa akan datang, EkuiNAS berharap dapat menambah bilangan pengurus dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia melalui pertumbuhan syarikat-syarikat penerima pelaburannya.

### Rajah 4: Pemilikan Ekuiti setakat 31 Disember 2010

Jumlah untuk kesemua Syarikat Penerima Pelaburan	Bumiputera				Jumlah Syarikat			
	Sebelum Kemasukan	Pada 31 Dis 2010	Peningkatan Nilai Bumiputera <sup>1</sup>	Gandaan bagi Modal Dilabur EkuiNAS	Sebelum Kemasukan	Pada 31 Dis 2010	Nilai Ekonomi yang Dicipta <sup>2</sup>	Gandaan bagi Modal Dilabur EkuiNAS
Pemilikan Ekuiti (RM juta)	313.1	726.0	483.2	1.28x	865.7	1,066.7	582.1	1.53x

1 Jumlah ini termasuk RM70.3 juta bahagian Bumiputera

2 Nilai Ekonomi yang Dicipta = (Modal dilabur + Peningkatan dalam nilai ekuiti yang dicipta)

### Rajah 5: Bilangan Pengurusan dan Keseluruhan Kakitangan setakat 31 Disember 2010

Jumlah untuk kesemua Syarikat Penerima Pelaburan	Bilangan Bumiputera	Keseluruhan Kakitangan	% Bumiputera berbanding Keseluruhan Kakitangan
Pengurusan	19	42	45.2%
Bilangan Kakitangan	1,562	1,861	83.9%

**ULASAN PRESTASI  
PELABURAN (SAMBUNGAN)**

**2 EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND**

**Tinjauan Dana**

Bagi tahun 2010, Ekuinas berjaya melancarkan program penyumberan luarnya di bawah Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund dengan modal terikat sebanyak RM400 juta yang akan diperuntukkan kepada pengurus dana ekuiti persendirian (OFM) pihak ketiga yang dilantik untuk diurus dan dilaburkan.

Dana ditubuhkan sebagai dana modal pertumbuhan di mana 70% daripada modal perlu diperuntukkan bagi pelaburan kepentingan minoriti di dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi. OFM terpilih juga dikehendaki mengumpul modal minimum sebanyak 20% daripada Jumlah Saiz Dana daripada sumber swasta bagi menambah modal yang tersedia untuk pelaburan, sejajar dengan seruan Kerajaan untuk menggalakkan perkongsian awam-swasta.

Dana mempunyai tempoh selama enam (6) tahun, dengan tempoh lanjutan selama satu tahun lagi, jika perlu.

NAMA DANA	EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I) FUND
Tahun Permulaan (Vintage Year)	2011
Modal Terikat	RM400 juta
Tempoh	6 Tahun (+ 1 Tahun)
Tempoh pelaburan	3.5 Tahun
Bentuk & struktur rasmi	Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur. Disumber luar kepada dana/pengurus dana seperti berikut: 1) Dana: CIMB National Equity Fund Ltd.P. Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd 2) Dana: MK-One Fund (Labuan) Limited Pengurus Dana: Kuwait Finance House (Labuan) Berhad 3) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund 1, L.P. Pengurus Dana: Navis MGO 1 GP Ltd
Tumpuan pelaburan	Tertumpu di Malaysia
Tumpuan pelaburan mengikut peringkat	Dana Modal Pertumbuhan
Tumpuan pelaburan mengikut Industri	Am kecuali sektor-sektor terlarang Ekuinas


\* Untuk mengetahui sektor-sektor terlarang Ekuinas, sila rujuk halaman 73.

## PROSES PEMILIHAN

Pemilihan OFM telah dilaksanakan melalui proses penilaian yang rapi dan menyeluruh, sejajar dengan amalan terbaik global dan dibantu oleh The Boston Consulting Group, sebuah firma perunding global terkemuka.

Proses pemilihan bagi Program Penyumberan Luar bermula dengan taklimat *Request for Interest* (RFI) pada bulan Disember 2009 yang dihadiri lebih 50 firma PE tempatan dan antarabangsa. 21 buah firma kemudiannya menghantar cadangan pelaburan masing-masing dan daripada kumpulan tersebut, tujuh firma telah disenarai pendek.

**Rajah 6: Proses Pemilihan OFM Ekuinas**



Lima dimensi penilaian utama yang digunakan di dalam proses tersebut dipaparkan di bawah.

### Rajah 7: Dimensi Utama yang Digunakan di dalam Proses Pemilihan OFM





Tujuh (7) daripada firma-firma yang menyerahkan cadangan telah disenarai pendek dan seterusnya menjalani proses ketekunan wajar atau *due diligence* terperinci di mana pendekatan holistik 360° telah digunakan, seperti yang dipaparkan di dalam rajah di bawah.

**Rajah 8: Pendekatan 360° yang digunakan untuk menilai OFM**



### Pelantikan OFM

Pada bulan Julai 2010, Ekuinas telah mengumumkan pelantikan tiga buah firma PE yang memenuhi semua kriteria pemilihan berdasarkan dimensi utama yang dikenalpasti. Ketiga-tiga buah firma tersebut menunjukkan rekod prestasi pelaburan yang kukuh, pengalaman yang luas di pihak pasukan pelaburan, proses pelaburan yang kukuh, keupayaan mengumpul dana, dan memenuhi keperluan serta garis panduan pelaburan Ekuinas.

Tiga firma yang dilantik sebagai OFM Ekuinas bagi Fasa 1 adalah CIMB Private Equity (CIMB PE), KFHAM Asset Management (KFHAM) dan Navis Capital Partners (Navis). Bersama-sama dengan tiga firma PE terkemuka di Malaysia ini, Ekuinas bermatlamat mempercepatkan pertumbuhan syarikat Malaysia dan Bumiputera yang dinamik agar berupaya menjadi peneraju pasaran di masa hadapan.

## Penutupan Pertama Dana Penyumberan Luar

Selepas pelantikan mereka, ketiga-tiga OFM telah berjaya mengumpul modal swasta tambahan minimum seperti yang dikehendaki.

Menjelang akhir tahun 2010, ketiga-tiga OFM berjaya mengumpul modal swasta sebanyak RM113 juta, yang melebihi keperluan minimum RM100 juta seperti yang ditetapkan di dalam syarat pelantikan mereka, dan sebahagian besarnya diperolehi dari luar negara.


Dengan itu, jumlah sebanyak RM513 juta kini sedia dilabur di dalam syarikat bersaiz kecil dan sederhana bagi tempoh dua hingga tiga tahun akan datang di bawah Program ini.

	Tarikh Penutupan pertama	Saiz Dana	Komitmen Ekuinas	Modal Swasta
<b>OFM:</b>				
<b>Navis Capital Partners</b>	1 Dis-10			
<b>KFH Asset Management</b>	1 Dis-10	RM513 juta	RM400 juta	*RM113 juta
<b>CIMB Private Equity</b>	12 Jan-11			

*Daripada jumlah RM113 juta, RM88 juta adalah modal asing.*


## Profil OFM Yang Dilantik

Profil ringkas OFM yang dilantik untuk Ekuinas Outsourced (Tranche I) Fund adalah seperti di bawah.




**CIMB Private Equity**

Sebagai anak syarikat Kumpulan CIMB yang terlibat di dalam aktiviti modal teroka dan ekuiti persendirian, CIMB PE menguruskan dana pihak ketiga bernilai RM1 bilion untuk melabur di dalam syarikat-syarikat dari pelbagai industri, antara lainnya perkilangan, peruncitan, pendidikan, perkhidmatan, pertanian dan teknologi. Dengan tumpuan kepada pelaburan jangka sederhana dan panjang di Malaysia dan sekitar rantau Asia Tenggara, syarikat kini mempunyai lebih 40 buah syarikat penerima pelaburan kesemuanya.



**KFH Asset Management**

KFH Asset Management Sdn Bhd merupakan anak syarikat milik penuh Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad yang menyediakan perkhidmatan pengurusan aset dan dana merangkumi ekuiti persendirian, pelaburan alternatif dan unit amanah. Firma menjalankan operasi secara berasingan dan mempunyai kumpulan pengurus dana ekuiti persendirian (PE) yang memiliki pengalaman luas di dalam industri PE serantau. Pada tahun 2008, dana ekuiti persendirian sulungnya untuk Asia Pasifik iaitu Al Faiz Fund I telah dilancarkan dan ia berjaya mengumpul lebih AS\$97 juta modal persendirian.



**Navis Capital Partners**


Diasaskan pada tahun 1998 dan beroperasi di ibu pejabatnya di Kuala Lumpur, firma Navis Capital Partners adalah antara firma ekuiti persendirian yang paling berpengalaman dan memiliki rekod prestasi yang mantap dari segi pelaburan dalam pembelian syarikat-syarikat berpotensi tinggi di Malaysia dan juga negara-negara lain di Asia Tenggara, serta India, China dan Australia. Firma kini menguruskan lebih kurang ASD\$3 bilion modal persendirian.

## EKUITI NASIONAL BERHAD – SYARIKAT PENGURUS DANA

Ekuinas telah ditubuhkan sebagai syarikat pengurus dana yang berperanan mengurus dana yang diperuntukkan oleh Yayasan Ekuiti Nasional (YEN) kepada Ekuinas Capital Sdn Bhd (Ekuinas Capital), yang berperanan sebagai syarikat modal dana.

Perjanjian pengurusan dana ini tertakluk kepada Perjanjian Pengurusan Dana Global (GFMA) yang ditandatangani oleh Ekuinas, YEN dan Ekuinas Capital. Di bawah GFMA, Ekuinas dibayar fi pengurusan sebagai sebahagian daripada keuntungan pelaburan selepas direalisasi. Fi pengurusan yang diterima secara amnya digunakan oleh Ekuinas untuk menampung perbelanjaan operasinya (OPEX). Justeru itu, Ekuinas sendiri tidak akan mencatat tahap keuntungan yang tinggi di dalam operasinya.

### Rajah 9



Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, Ekuinas dibayar fi pengurusan sebanyak RM20 juta kerana melaksanakan pengurusan dana bagi pihak Ekuinas Capital. Ini menghasilkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM3.4 juta selepas ditolak OPEX berjumlah RM17.9 juta.

OPEX yang ditanggung sebahagian besarnya digunakan untuk membayar gaji dan kos penghunian, kos urus niaga dan pembinaan keupayaan kerana Ekuinas berhasrat untuk membina sebuah organisasi ekuiti persendirian yang setanding dengan firma PE global yang terbilang. Ini bermakna nisbah OPEX kepada Dana di bawah Pengurusan (FuM) adalah sebanyak 1.3%, iaitu kadar kecekapan menguruskan kos yang berkesan dan setanding dengan amalan global semasa.

### Rajah 10

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurus Dana)	2009 RM	2010 RM
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	N/A	1.4 bilion
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	3.1 juta	17.9 juta
(Kerugian)/Keuntungan selepas Cukai	(3.1 juta)	3.4 juta
Nisbah OPEX kepada FuM	N/A	1.3%

MERREALISASIKAN SINERGI



ekuinas

## MODEL OPERASI

### MODEL OPERASI

Model operasi Ekuinas mencakupi semua fungsi penting yang membentuk asas bagi perniagaan Syarikat. Dasar-dasar utama telah pun diperkenalkan dan digunapakai bagi memastikan Ekuinas berupaya menjalankan operasi pelaburan ekuiti persendirian yang setanding dengan standard dan amalan terbaik global. Dasar-dasar tersebut merangkumi rangka kerja dan garis panduan pelaburan langsung dan juga penyumberan luar, rangka kerja tadbir urus, rangka kerja pendedahan dan dasar perbendaharaan (lihat Rajah 1).

Jumlah RM500 juta yang diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan jumlah RM4.5 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 bakal dilaburkan menerusi tiga dana sepanjang tempoh lima tahun bagi Pelaburan Langsung serta Program Penyumberan Luar. Dana pertama bagi tahun 2010 memperuntukkan RM1 bilion untuk Pelaburan Langsung dan RM400 juta untuk Program Penyumberan Luar.

#### Rajah 1: Model Operasi Ekuinas

Sejak penubuhannya pada tahun 2009, Ekuinas berjaya membentuk model operasinya:



Dasar penting yang berjaya dibentuk:

- Rangka Kerja & Garis Panduan Pelaburan Langsung
- Rangka Kerja Penyumberan Luar
- Rangka Kerja Pendedahan
- Dasar Perbendaharaan
- Rangka Kerja Tadbir Urus

RM5 bilion diperuntukkan untuk pelaburan melalui 3 Dana Pelaburan Langsung & 3 Dana Penyumberan Luar sepanjang tempoh 5 tahun – Dana Pertama untuk setiap satu telah diwujudkan:

	Pelaburan Langsung	Penyumberan Luar
<b>Nama Dana:</b>	Ekuinas Direct (Tranche 1) Fund	Ekuinas Outsourced (Tranche 1) Fund
<b>Komitmen Modal Ekuinas:</b>	RM1 bilion	RM400 juta
<b>Jangka masa:</b>	5 + 2 tahun	6 + 1 tahun
<b>Tempoh Pelaburan:</b>	3 hingga 5 tahun	3.5 tahun
<b>Tumpuan Pelaburan:</b>	Malaysia	Malaysia
<b>Keutamaan Sektor:</b>	Minyak & Gas, Pendidikan, FMCG, Peruncitan & Percutian, Penjagaan Kesihatan & Perkhidmatan	

## TUMPUAN PELABURAN

Kerajaan Malaysia telah menubuhkan pelbagai agensi, institusi dan program pelaburan yang bermatlamat menyokong pembangunan dan pertumbuhan perniagaan serta syarikat baru di dalam negara (Rajah 2).

Justeru itu, untuk mengelakkan pertindihan, Ekuinas tidak dimandatkan untuk membantu syarikat di peringkat permulaan atau masih di peringkat awal, yang lebih sesuai bagi pelaburan modal teroka. Sebaliknya, tumpuan Ekuinas lebih menjurus kepada syarikat-syarikat pertumbuhan yang telah beroperasi selama beberapa tahun.

## SEKTOR TUMPUAN

Ekuinas boleh membuat pelaburan di dalam mana-mana sektor tetapi enam sektor tumpuan telah dikenalpasti iaitu Minyak & Gas, Pendidikan, Barangan Pengguna Laris (FMCG) termasuk Makanan & Minuman (F&B), Peruncitan & Percutian, Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan.

### Rajah 2: Tumpuan Pelaburan

Ekuinas dimandatkan untuk menyokong syarikat Malaysia bersaiz sederhana hingga besar yang berada di peringkat PERTUMBUHAN – lazimnya syarikat sedemikian mempunyai sedikit sebanyak rekod prestasi operasi dan berupaya mengenal pasti peluang untuk berkembang ke peringkat seterusnya.

Kitaran Hayat Perniagaan	Syarikat Baru & Perusahaan Mikro	Peringkat Pembangunan	Peringkat Pertumbuhan	Peringkat Matang
<b>Ciri-ciri Syarikat Sasaran</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat baru</li> <li>Masih di peringkat idea</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Operasi komersial secara kecil-kecilan</li> <li>Keuntungan sedikit/negatif</li> <li>Saiz pelaburan &lt; RM50 juta, purata RM10 juta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Prestasi operasi/rekod keuntungan yang baik</li> <li>Merancang untuk berkembang ke peringkat seterusnya</li> <li>Saiz pelaburan ~ RM50 juta</li> <li>Tempoh pelaburan 3 – 5 tahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Syarikat besar berkedudukan kukuh dalam pasaran, dengan beberapa subsidiari/bisnes utama</li> <li>Saiz pelaburan ~ RM500 juta</li> </ul>
<b>Institusi/Program Sedia Ada</b>	<b>Contoh institusi dan program sedia ada termasuk:</b>			<b>Contoh institusi termasuk:</b>
	<b>Geran</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Program Pelaburan 'Cradle'</li> <li>SME Corp</li> <li>CRDF</li> <li>BiotechCorp</li> </ul> <b>Ekuiti &amp; Pinjaman</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>PUNB</li> <li>MARA</li> </ul>	<b>Ekuiti contohnya:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>MAVCAP</li> <li>MTDC</li> <li>PNS</li> <li>PUNB</li> </ul> } Tempoh Pelaburan 5 – 10 tahun <b>Pinjaman contohnya:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>MDV</li> <li>SME Bank</li> <li>PNS</li> </ul> <b>Geran contohnya:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>TechnoFund</li> </ul>		<ul style="list-style-type: none"> <li>Khazanah</li> <li>1MDB</li> <li>PNB</li> <li>LTAT</li> <li>KWSP</li> <li>Unit Amanah lain</li> </ul> } pemegang jangka panjang

Sumber: Laman web syarikat, analisis dalaman

Walau bagaimanapun, Syarikat telah menggariskan beberapa sektor terlarang iaitu perjudian, arak, atau aktiviti lain yang haram/tidak beretika; dana lindung nilai, derivatif atau komoditi; hartanah dan pembinaan; dan syarikat yang tidak menyumbang kepada ekonomi Malaysia.

## JENIS PELABURAN

Pemilihan pelaburan Ekuinas boleh mempertimbangkan syarikat Malaysia bersaiz sederhana hingga besar di dalam kategori berikut:

**KATEGORI I** – pelaburan di dalam syarikat Bumiputera bagi mempercepatkan pertumbuhan;


**KATEGORI II** – pelaburan di dalam syarikat Malaysia yang berpotensi tinggi untuk menjadi peneraju pasaran; dan

**KATEGORI III** – pemerolehan *buy-out* aset bukan teras milik syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat awam tersenarai (PLC) atau syarikat multinasional (MNC).

## STRATEGI PELABURAN

Strategi pelaburan kami berlandaskan prinsip bahawa Ekuinas akan meneliti semua peluang untuk membuat pelaburan di dalam syarikat-syarikat Malaysia bersaiz sederhana dengan tujuan mentransformasikan dan membantu syarikat-syarikat tersebut menjadi peneraju pasaran yang besar dan berupaya menjana keuntungan yang tinggi. Setelah matlamat ini dicapai, Ekuinas akan melupuskan pelaburannya di dalam syarikat tersebut. Rajah 3 di bawah memaparkan unsur-unsur utama di dalam proses pelaburan kami.

**Rajah 3: Strategi Pelaburan – Penekanan Tesis Pelaburan Ekuinas**





## RANGKA KERJA PELABURAN

Ekuinas melaksanakan pelaburannya melalui dua operasi serentak:

1. **Pelaburan Langsung** – pelaburan sebahagian besarnya tertumpu kepada *buy-out* dan saiz urus niaga melebihi RM50 juta; memperoleh saham berkepentingan mengawal sekurang-kurangnya 20% agar dapat melaksanakan perubahan besar dan menjadi pemegang saham aktif yang dapat mencipta nilai.
2. **Program Penyumberan Luar** – Ekuinas melaksanakan pelaburan menerusi firma ekuiti persendirian pihak ketiga sebagai pengurus dana yang dipertanggungjawabkan mengumpul sekurang-kurangnya 20% daripada modal luar mereka sendiri untuk melengkapkan peruntukan Ekuinas yang tidak melebihi 80%.

Untuk mengelakkan pertindihan, setiap operasi pelaburan mempunyai tumpuan yang berbeza sepertimana digariskan di dalam Rajah 4 di bawah.

**Rajah 4: Dua Operasi Pelaburan Ekuinas Mempunyai Tumpuan Berbeza**



## PELABURAN LANGSUNG

Aktiviti Pelaburan Langsung Ekuinas mempunyai beberapa proses penting yang bermula dari peringkat awal iaitu mengenalpasti pelaburan yang berpotensi, kepada peringkat akhir di mana saranan dibuat kepada Jawatankuasa Pelaburan dan Lembaga Pengarah, sehingga pemerolehan disempurnakan. Selain itu, Ekuinas juga akan berganding bahu dengan syarikat penerima pelaburan untuk mewujudkan Pelan Peningkatan Nilai atau *Value Creation Plan* (VCP), yang kemudian dilaksanakan selepas pemerolehan selesai. Matlamat VCP antara lainnya adalah untuk membantu syarikat berkembang dan mencatat peningkatan di dalam pelbagai aspek perniagaannya dengan harapan dapat melonjakkan syarikat ke peringkat seterusnya.

Proses-proses penting tersebut digariskan di dalam Rajah 5 di bawah.

**Rajah 5: Tujuh Proses Pelaburan Penting bagi Pelaburan Langsung**



## PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

Untuk melengkapkan aktiviti Pelaburan Langsung, Ekuinas juga mengendalikan program Penyumberan Luar dengan matlamat membangunkan dan mengurus program yang melibatkan Pengurus Dana Penyumberan Luar, atau *Outsourced Fund Managers (OFM)*, pihak ketiga yang berkebolehan untuk memacu dan mendorong pencapaian sasaran kewangan dan kualitatif Ekuinas. Rangka kerja dan garis panduan program dipaparkan di dalam Rajah 6 di bawah:

**Rajah 6: Program Penyumberan Luar Ekuinas – Rangka Kerja Dan Garis Panduan**

<b>Sasaran Kewangan</b>	Sama seperti Pelaburan Langsung <ul style="list-style-type: none"> <li>• 12% setahun sebagai sasaran minimum</li> <li>• 20% setahun sasaran aspirasi</li> </ul>	<b>Tumpuan Sektor</b>	Terbuka kepada semua sektor kecuali <b>sektor-sektor terlarang</b> :- <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perjudian, arak, hartanah, pembinaan</li> <li>• Syarikat yang tidak mempunyai penyertaan rakyat Malaysia</li> </ul>
<b>Sasaran Sekunder</b>	Memandangkan kawalan terbatas, usaha tertumpu kepada peningkatan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilikan ekuiti</li> <li>• Pengurusan Kanan</li> <li>• Pekerjaan</li> </ul> <i>Pencapaian digalakkan dengan menawarkan bahagian keuntungan lebih tinggi jika sasaran dicapai</i>	<b>Pegangan Ekuiti</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjurus ke arah penyediaan modal pertumbuhan iaitu kepentingan minoriti untuk menyokong usahawan/syarikat sedia ada</li> <li>• Cenderung kepada kepentingan &lt; 50% dan tumpuan kepada modal baru</li> <li>• Tetapi kepentingan minimum sekurang-kurangnya 20% untuk membolehkan penyertaan aktif</li> </ul>

### Garis Panduan Pelaburan Penyumberan Luar Penting yang Lain

Saiz Dana	Saiz Pelaburan	Modal Luaran	Tempoh Pelaburan	Peringkat Pertumbuhan Syarikat	Ganjaran	Pelupusan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara <b>RM120 juta hingga RM250 juta</b> untuk memudahkan saiz urus niaga yang mencukupi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Antara <b>RM15 juta hingga RM50 juta</b></li> <li>• Tidak boleh kurang daripada RM15 juta</li> <li>• Tidak boleh melebihi 20% daripada Saiz Dana</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• OFM perlu mengumpul sekurang-kurangnya <b>20%</b> daripada Dana dari pelabur pihak ketiga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 hingga 5 tahun untuk memudahkan penciptaan nilai</li> <li>• Tiada pelaburan kurang daripada 1 tahun atau melebihi 7 tahun</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tumpuan kepada syarikat pertumbuhan</li> <li>• Tiada syarikat baru atau syarikat di peringkat pembangunan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ekuinas bertekad membayar fi pengurusan dan bahagian keuntungan tahap industri untuk memastikan prestasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melupuskan pelaburan menerusi pelbagai cara termasuk penyenaaran dan penjualan syarikat</li> </ul>

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah Ekuinas percaya bahawa tadbir urus korporat yang mantap membentuk asas organisasi yang berjaya kerana ia berfungsi memelihara kepentingan pihak-pihak berkepentingan selain meningkatkan prestasi dan kebertanggungjawaban korporat.

Sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Ekuinas komited untuk mencapai tahap tertinggi dalam tadbir urus korporat dan dengan itu, telah mewujudkan dasar dan prosedur penting dan amalan tadbir urus yang mantap agar dilaksanakan oleh semua syarikat pelaburan.

Rangka kerja tadbir urus yang pragmatik telah dihasilkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah, bagi memperkukuhkan penciptaan nilai jangka panjang dan mencapai keseimbangan antara risiko dan pulangan.

Rangka kerja ini bertujuan menggalakkan inovasi dan keusahawanan dalam Syarikat melalui rangka kerja pengawasan dan pengurusan risiko yang cekap.

Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat Ekuinas			
Penyata Tadbir Urus Yang Baik		Penyata Kawalan Dalaman	
Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga	Peranan dan Tanggungjawab Pengarah	Sistem & Kawalan Dalaman	Rangka Kerja Audit Dalaman
Pengurusan Pihak Berkepentingan	Kebertanggungjawaban dan Audit	Rangka Kerja Pengurusan Risiko	Rangka Kerja Audit Luaran
Kod Etika			
Kod Etika Pengarah	Kod Etika Kakitangan	Kod Etika Rakan Perniagaan dan Perkhidmatan	
Dasar Penipuan & <i>Whistle Blowing</i>			
Pendedahan & Urusan dalam Sekuriti			

Penyata ini menghuraikan bagaimana Ekuinas menerapkan prinsip-prinsip utama yang dibentangkan di dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Dipinda 2007) (Kod) dan tahap pematuhannya terhadap amalan terbaik yang terkandung di dalam Kod sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

## LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah meluluskan piagam tadbir urus yang menggariskan prinsip-prinsip tadbir urus penting yang perlu digunapakai oleh Lembaga Pengarah. Selaras dengan piagam ini, ahli-ahli Lembaga Pengarah perlu melaksanakan kewajipan mereka dengan penuh integriti, kejujuran dan dengan cara yang profesional selaras dengan undang-undang sewaktu berkhidmat demi kepentingan pemegang sahamnya. Antara lainnya, Piagam merangkumi hal-hal berikut:-

- Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah;
- Kod Kelakuan;
- Komposisi Lembaga Pengarah;
- Mesyuarat dan Sokongan Lembaga Pengarah;
- Jawatankuasa Lembaga;
- Pengasingan Kuasa;
- Perwakilan Kuasa;
- Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-pihak Berkepentingan; dan
- Kawalan Dalaman dan Proses Audit.

### Komposisi dan Keseimbangan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah pada masa ini dianggotai oleh lima (5) orang ahli, yang terdiri daripada Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif, seorang (1) Pengarah Eksekutif yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan tiga (3) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Majoriti ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, justeru itu mereka boleh mengambil kedudukan yang tidak berat sebelah terhadap isu yang dipertimbangkan. Pengarah-pengarah Bebas Bukan Eksekutif bukan sahaja bersikap saksama tetapi turut mendalami keputusan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah, malah mampu menyediakan input yang mantap dan bernilai bagi mencapai keputusan tersebut.

Saiz dan komposisi Lembaga disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran, demi memastikan saiz Lembaga Pengarah sesuai untuk melakukan perbincangan dan membuat keputusan, dan bahawa Lembaga Pengarah mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang optimum di kalangan para Pengarah, dan mengelakkan potensi konflik kepentingan.

### Mewujudkan Lembaga Pengarah yang Bebas, Mantap dan Berkesan

Komposisi Lembaga Pengarah mengandungi perkadaran lebih tinggi daripada minimum satu pertiga pengarah bebas yang ditetapkan oleh Kod dan Keperluan Penyenaraian Papan Utama Bursa Securities (Keperluan Penyenaraian Bursa). Struktur semasa Lembaga Pengarah dan kewibawaan setiap Pengarah individu memastikan tidak ada sebarang individu atau kumpulan yang menguasai proses membuat keputusan.

Lembaga Pengarah diterajui oleh ahli-ahli yang aktif dan berpengalaman, dengan latar belakang profesional yang pelbagai termasuk industri dan komersial, perakaunan dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini memantapkan hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas sambil ia mengorak langkah menjadi firma ekuiti persendirian yang terkemuka.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

Pengarah-pengarah bebas bukan eksekutif, yang semuanya merupakan individu yang berkelayakan tinggi dan terbilang, berkongsi pengetahuan mendalam tentang bidang masing-masing. Mereka tidak turut serta di dalam operasi harian dan tidak terlibat di dalam sebarang urusan niaga perniagaan atau perhubungan lain dengan Ekuinas bagi memastikan mereka mampu melaksanakan pertimbangan mereka tanpa berat sebelah dan bertindak demi kepentingan Ekuinas.

Profil ahli-ahli Lembaga Pengarah dimuatkan di halaman 7 dan 9 Laporan Tahunan ini.

### Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan memikul tanggungjawab bagi perkara-perkara berikut:-

- menyediakan bimbingan strategik untuk Ekuinas dan menentukan matlamat Ekuinas serta bagaimana untuk mencapainya;
- menambah nilai jangka panjang untuk pihak-pihak berkepentingan dan memelihara serta melindungi nilai dasar Ekuinas demi manfaat mereka;
- mengawas pengurusan Ekuinas dengan berkesan, termasuk sistem kawalan dan kebertanggungjawabannya;
- melantik dan menyingkirkan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO);
- meratifikasi pelantikan dan, di mana sesuai, meluluskan penyingkiran Pengurusan Kanan (berdasarkan saranan CEO);
- memastikan kemajuan dan perancangan penggantian bagi Lembaga Pengarah dan juga Pengurusan Kanan;
- memberikan input dan meluluskan strategi korporat dan belanjawan tahunan Syarikat;
- meluluskan dan memantau perkembangan perbelanjaan modal besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan dengan semua kewajipan undang-undang, cukai dan kawal selia;
- menyemak dan meratifikasi sistem pengurusan risiko dan pematuhan serta kawalan dalaman, tatasusila kod kelakuan, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang dan dasar korporat penting lain;
- memantau prestasi Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, sambil memastikan ketersediaan sumber yang memadai;
- meluluskan dan memantau laporan kewangan dan laporan lain kepada pasaran, pekerja dan pihak berkepentingan lain; dan
- meluluskan pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luar.

Ekuinas turut menetapkan Had Bidang Kuasa (LOA) – had pemberian kuasa dan kelulusan bagi keputusan penting, perbelanjaan operasi dan modal, perolehan barangan dan perkhidmatan, dan pemerolehan serta pelupusan pelaburan. Selain daripada hal-hal yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah secara khusus, di mana ia merangkumi urusan niaga yang melebihi had tertentu, Lembaga Pengarah mewakili kuasa kepada pihak Pengurusan untuk membuat keputusan tentang hal-hal lain untuk mengoptimumkan kecekapan operasi.

## Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan oleh Pengurusan tentang prestasi, rancangan dan cadangan Syarikat. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada akhir tahun kewangan untuk mempertimbangkan dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun berikutnya.

Lembaga Pengarah juga bermesyuarat untuk mempertimbangkan dan meluluskan cadangan pelaburan dan isu-isu lain yang berbangkit. Sekurang-kurangnya sekali setahun, mesyuarat turut diadakan antara Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan syarikat-syarikat pelaburan untuk membincangkan hal-hal strategik, prestasi atau sebarang isu berkaitan dengan bidang perniagaan tertentu.

## Kehadiran di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga

Rekod kehadiran para Pengarah di Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Lembaga Pengarah	NRC	AC
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	7/7	3/3	3/3
Tan Sri Mohamed Jawhar	7/7	3/3	3/3
Dato' Noriyah Ahmad	6/7	–	2/3
Datuk Mohamed Azman Yahya	7/7	3/3	–
Dato' Abdul Rahman Ahmad	7/7	–	–

Nota:

1. NRC – Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran
2. AC – Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun selaras dengan bidang tugasnya. Hanya tiga (3) mesyuarat diadakan pada tahun 2010 memandangkan tahun tersebut adalah tahun pertama Syarikat beroperasi.

## Pembahagian Tugas dan Tanggungjawab antara Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

Bagi memastikan keseimbangan kuasa yang sewajarnya, kedudukan Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) tidak dipegang oleh seorang individu. Pengasingan yang jelas berkenaan peranan ini menggalakkan perdebatan dan perbincangan yang membina di peringkat Lembaga Pengarah. Jika kedua-dua jawatan ini digabungkan, sikap berat sebelah mungkin timbul dan ini boleh menjejaskan keupayaan dan kesanggupan Pengarah-pengarah Bebas untuk membuat pertimbangan secara bebas. Di Ekuinas, Pengerusi dan CEO tiada kaitan antara satu sama lain.

Pengerusi, yang bersifat bukan eksekutif, menerajui dan memudahkan usaha Lembaga Pengarah semasa bermesyuarat dan bertanggungjawab di atas kepimpinan Lembaga Pengarah, kecekapan dan juga fungsinya selain memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah sentiasa terpelihara.

CEO bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan strategi, dasar serta pengendalian operasi Ekuinas bagi pihak Lembaga Pengarah.

## **PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)**

### **Penyediaan Maklumat**

Bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasnya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan kewangan yang menyeluruh secara tetap. Lazimnya, agenda mesyuarat bersama-sama dengan kertas Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat berkenaan perkara-perkara yang akan dipertimbangkan semasa mesyuarat diserahkan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Dengan itu, ahli-ahli Lembaga Pengarah mempunyai masa yang cukup untuk menyemak, mempertimbangkan dan memahami isu-isu yang berbangkit dengan lebih mendalam sebelum mesyuarat diadakan, agar perbincangan akan lebih tertumpu kepada soalan yang ingin mereka ajukan tentang mana-mana isu tersebut.

Kertas Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten dan tepat yang memberikan maklumat kuantitatif dan kualitatif bagi membolehkan keputusan terbaik dibuat. Kertas Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya, minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah serta hal-hal yang berbangkit daripada mesyuarat tersebut, laporan mesyuarat semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah termasuk perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah, prestasi kewangan dan laporan pelaburan suku tahun Syarikat dan perkembangan penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan. CEO, Pengarah Urusan Pelaburan dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan dari ahli Lembaga Pengarah.

### **Akses kepada Sumber dan Nasihat Bebas**

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas yang tersedia kepada CEO, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luar pada setiap masa. Lembaga Pengarah boleh meminta nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, jika dianggap perlu, bagi memastikan maklumat dan nasihat yang lengkap sudah tersedia sebelum keputusan penting dibuat.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga menyediakan agenda mesyuarat dan mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, memastikan aliran maklumat yang berkesan di Lembaga Pengarah dan juga jawatankuasanya. Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap di dalam Syarikat.

### **Pelantikan dan Pemilihan Semula Pengarah**

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran Ekuinas menentukan dan menyemak profil yang dikehendaki bagi ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah, dengan sokongan daripada Yayasan Ekuiti Nasional.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau dikehendaki bersara daripada jawatannya mengikut giliran, atau Pengarah baru perlu dilantik, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri anggota dan komposisi Lembaga Pengarah. Jawatankuasa tersebut kemudian akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyediakan senarai pendek calon yang mempunyai profil yang bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Apabila perlu, Jawatankuasa boleh meminta nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.



## Latihan Pengarah

Belanjawan khusus bagi latihan Pengarah disediakan setiap tahun untuk menggalakkan Pengarah menghadiri latihan yang berkaitan dan berguna bagi membantu mereka menjalankan tugas dengan berkesan.

Pengarah sering dimaklumkan mengenai perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik berkaitan dengan bidang atau industri tertentu. Pengarah-pengarah juga menghadiri latihan untuk memastikan mereka mengetahui tentang perkembangan semasa serta pematuhan dan kawal selia yang terbaru.

## JAWATANKUASA LEMBAGA

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga (Jawatankuasa Lembaga) telah ditubuhkan, seperti berikut:-

- Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;
- Jawatankuasa Audit; dan
- Jawatankuasa Pelaburan.

Bidang Tugas serta prosedur bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga ditakrifkan dengan jelas dan di mana perlu, mematuhi saranan Kod. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskinikan.

Kepelbagaian pengalaman dan kemahiran yang sesuai dipertimbangkan bersama-sama dengan keperluan untuk mengekalkan keseimbangan di kalangan Jawatankuasa Lembaga. Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga dicatat dan direkodkan. Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini digabungkan ke dalam minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga dibentangkan di bawah:-

### (a) Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

**Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran** dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, semuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang perhubungan perniagaan atau perhubungan lain yang mampu menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:-

Pengerusi: Tan Sri Mohamed Jawhar  
Ahli: Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda  
Datuk Mohamed Azman Yahya

Tiga (3) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan dan rekod kehadiran setiap ahli dinyatakan di dalam jadual di halaman 77.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

### ***Bidang Tugas***

Tanggungjawab utama NRC selaras dengan bidang tugasnya adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dengan fungsi berikut:-

#### ***a. Fungsi Utama***

Berhubung dengan pelantikan, tanggungjawabnya merangkumi:

- mencalonkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah, calon-calon yang akan dilantik sebagai Pengarah Syarikat;
- semasa membuat saranannya, mempertimbangkan calon bagi jawatan pengarah yang dicadangkan oleh CEO atau oleh mana-mana eksekutif kanan atau pengarah atau pemegang saham;
- menyarankan kepada Lembaga Pengarah calon-calon pengarah untuk menganggotai Jawatankuasa Lembaga;
- membantu Lembaga Pengarah membuat semakan tahunannya berhubung dengan gabungan kemahiran dan pengalaman yang diperlukan dan ciri-ciri lain, termasuk keupayaan teras yang harus dimiliki oleh pengarah bukan eksekutif sebagai anggota Lembaga Pengarah; dan
- membantu Lembaga Pengarah melaksanakan program penilaian tahunan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga dan pengarah individu.

Berkaitan dengan ganjaran, tanggungjawabnya merangkumi:

- menentukan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja atau dasar meluas bagi pakej ganjaran CEO Syarikat, dan mana-mana ahli Pengurusan lain yang harus dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah;
- mewujudkan prosedur yang rasmi dan telus untuk merangka dasar tentang jumlah pakej ganjaran individu bagi CEO dan ahli Pengurusan lain yang ditetapkan, termasuk, di mana sesuai, bonus, insentif dan opsyen saham;
- merangka pakej ganjaran untuk CEO dan ahli Pengurusan lain yang ditetapkan, dengan matlamat menarik dan mengekalkan Pengurusan berkaliber tinggi yang berupaya meraih kejayaan untuk pemegang saham dan mendukung standard perkhidmatan yang tinggi untuk pihak-pihak berkepentingan, dengan mengambil kira persekitaran perniagaan di mana Syarikat beroperasi. Apabila selesai, saranan akan dibuat kepada Lembaga Pengarah untuk mendapatkan kelulusan;
- menyemak dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah tentang sebarang penambahbaikan pada dasar dan pakej ganjaran Pengurusan yang ditetapkan, dan isu-isu lain berkaitan ganjaran untuk Pengurusan setiap tahun;
- menyemak sebarang perubahan ketara pada struktur ganjaran pekerja di seluruh Syarikat, dan jika dianggap wajar, membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk menerima perubahan sedemikian; dan
- menyemak dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah tentang rangka kerja bagi skim insentif tahunan Syarikat. Rangka kerja ini merangkumi:-
  - Kenaikan gaji berasaskan merit;
  - Bonus berasaskan merit; dan
  - Insentif pengekalan dan ganjaran.

*b. Bidang Kuasa*

Bagi melaksanakan tanggungjawabnya berkaitan dengan isu ganjaran:-

- NRC diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk meminta sebarang maklumat yang diperlukan olehnya daripada mana-mana kakitangan Syarikat untuk melaksanakan tugasnya; dan
- NRC diberikan kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mendapatkan sebarang nasihat undang-undang atau profesional dari luar termasuk nasihat perunding ganjaran bebas, dengan kos ditanggung oleh Syarikat, dan memastikan kehadiran penasihat luar semasa mesyuaratnya jika dianggap perlu, dan mendapatkan maklumat terkini yang boleh dipercayai tentang ganjaran yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat lain.

NRC mempunyai kuasa penuh untuk mengarahkan sebarang laporan atau tinjauan dibuat yang dianggapnya perlu untuk membantunya memenuhi kewajipannya.

*c. Komposisi Ahli*

NRC dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) pengarah bukan eksekutif, semuanya bukan ahli kumpulan Pengurusan dan tiada sebarang perhubungan perniagaan atau perhubungan lain yang boleh menjejaskan pertimbangan bebas mereka. Salah seorang pengarah bebas boleh dilantik menjadi Pengerusi NRC.

*d. Setiausaha*

Setiausaha dan/atau Setiausaha-setiausaha Syarikat bertindak sebagai Setiausaha NRC.

*e. Mesyuarat*

- Mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila perlu.
- Notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari untuk mengadakan mesyuarat NRC diberikan kepada ahli-ahli NRC yang berada di Malaysia.
- Mana-mana dua orang ahli yang hadir dikira memenuhi korum.
- Pengerusi mesyuarat mempunyai undi pemutus apabila bilangan undi adalah sama.
- Setiausaha bertanggungjawab menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan merekodkan minit mesyuarat.
- Resolusi yang ditandatangani oleh semua ahli NRC berfungsi sebagai resolusi yang diluluskan semasa mesyuarat NRC yang diadakan dan boleh merangkumi beberapa dokumen dalam bentuk yang serupa, yang mana setiap satunya ditandatangani oleh seorang atau lebih daripada seorang ahli NRC.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)

### (b) Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif iaitu:-

Pengerusi: Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda  
Ahli: Tan Sri Mohamed Jawhar  
Dato' Noriyah Ahmad

Butiran lanjut mengenai terma rujukan dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan dibentangkan di dalam Laporan Jawatankuasa Audit di halaman 90 – 95 Laporan Tahunan ini.

### (c) Jawatankuasa Pelaburan

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan seorang pengarah bebas bukan eksekutif iaitu, Datuk Mohamed Azman Yahya, yang mempengerusikan Jawatankuasa Pelaburan. Strukturnya merupakan amalan lazim dalam sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan pengawasan yang memadai, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban di pihak kakitangan profesional Syarikat yang membuat pelaburan. Jawatankuasa Pelaburan secara amnya bertanggungjawab menyemak semua urusan niaga pelaburan yang dicadangkan, dan jika berdaya maju, untuk membuat saranan bagi kelulusan muktamad oleh Lembaga Pengarah. Semua keputusan pelaburan dibuat oleh Lembaga Pengarah.

## GANJARAN PENGARAH

Matlamat dasar Syarikat mengenai ganjaran Pengarah adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah yang berkualiti tinggi yang amat diperlukan untuk memimpin Syarikat dengan jayanya. Bagi Pengarah Eksekutif, unsur-unsur komponen ganjaran dirangka agar ganjaran berkait rapat dengan prestasi syarikat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif, tahap imbuhan berdasarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC menyarankan rangka kerja bagi pakej ganjaran Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab muktamad untuk meluluskan ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butir-butir ganjaran agregat Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010, dikategorikan ke dalam komponen yang berkenaan, adalah seperti berikut:-

Ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
Fi	–	283,500
Gaji dan imbuhan lain		
• Tetap (termasuk KWSP dan elaun)	887,040	–
• Tidak tetap	605,168	–

Ganjaran yang dibayar kepada Pengarah-pengarah sepanjang tahun, dikategorikan dalam julat setiap RM50,000 serta mematuhi keperluan pendedahan di bawah Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia adalah seperti berikut:-

Julat Ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
RM50,000 – RM100,000	–	4
RM1,450,001 – RM1,500,000	1	–

## HUBUNGAN DENGAN PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas perlu berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memainkan peranan dan memenuhi matlamatnya sebagai syarikat pengurus dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan. Dalam perkara ini, Syarikat sedar akan kepentingan memelihara ketelusan dan kebertanggungjawaban bagi memastikan hubungan dengan pihak berkepentingan Syarikat sentiasa baik dan produktif. Komitmen penuh untuk mengekalkan ketelusan dan kebertanggungjawaban adalah sebahagian daripada amalan terbaik tadbir urus korporat Ekuinas di samping memastikan keperluan kawal selia dipatuhi dengan sewajarnya.

### Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak Berkepentingan

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk orang awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya.

Ekuinas amat menitikberatkan komunikasi dan interaksi dengan pihak-pihak berkepentingan dan ini dilakukan melalui komunikasi secara proaktif dengan mereka tentang isu-isu penting untuk memahami kebimbangan dan harapan mereka dengan lebih mendalam. Dengan ini, Syarikat berharap dapat memberikan maklum balas yang sesuai dan sewajarnya.

### Laporan Tahunan

Selain membuat pengumuman media, Syarikat juga menyediakan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan tentang perniagaan, kewangan dan aktiviti utama lain di dalam Laporan Tahunan Syarikat. Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk mengemukakan pendedahan yang jelas dan menyeluruh di dalam Laporan Tahunan, selaras dengan Dasar Pendedahannya dan prinsip yang termaktub di dalam Keperluan Penyenaian Bursa dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

## **PENYATA TADBIR URUS KORPORAT (SAMBUNGAN)**

### **Kod Etika Kakitangan**

Kod Etika Syarikat memastikan semua kakitangan mematuhi dan mengekalkan standard perniagaan beretika tinggi dari segi kejujuran dan integriti di dalam semua aspek operasi Syarikat. Kod menekankan isu-isu penting untuk membantu kakitangan menjalankan tugas mereka sejajar dengan standard syarikat misalnya memastikan persekitaran kerja yang selamat, mengurus aset dan harta Syarikat dengan berkesan, memelihara maklumat sulit dan empunya syarikat serta cara berurusan dengan pihak luar seperti pelanggan, syarikat pelaburan, vendor, kontraktor, media, pesaing dan agensi kerajaan.

### **Pengumuman Akhbar**

Syarikat turut membuat pengumuman melalui siaran akhbar dan mengadakan sidang media untuk memaklumkan kemajuan syarikat, perkembangan korporat penting dan inisiatif perniagaan.

### **Pendedahan Urusan dalam Sekuriti**

Sejajar dengan komitmen Syarikat untuk memperkukuhkan standard perniagaan beretika tinggi, Dasar Dagangan Dalaman dan Pendedahan telah digunakan. Kakitangan Ekuinas diwajibkan menandatangani Akujanji Perilaku Profesional yang mengandungi garis panduan tentang larangan pendedahan maklumat sulit, konflik kepentingan dan larangan dagangan dalaman sepanjang berkhidmat dengan Syarikat. Satu senarai yang mengandungi maklumat tentang syarikat-syarikat tersenarai tertentu yang mana kakitangan tidak boleh membuat pelaburan diedarkan secara tetap kepada semua kakitangan.

### **Kod Etika Rakan Perniagaan dan Perkhidmatan**

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan rakan perniagaan dan perkhidmatan haruslah berlandaskan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban dan benar-benar menentang sebarang bentuk rasuah atau sogokan. Bersandarkan matlamat ini, kod menghendaki semua penyedia perkhidmatan utama termasuk perunding, penasihat profesional dan pembekal utama agar mematuhi kod etika kelakuan ini semasa berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan yang perlu apabila berlaku kemungkiran Kod ini, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penamatan dan pengecualian daripada menyediakan sebarang perkhidmatan untuk Ekuinas bagi satu tempoh yang ditetapkan.

### **Dasar Pencegahan Penipuan**

Buku Panduan Pencegahan Penipuan digunakan dengan matlamat menghalang penipuan dan memastikan platform yang saksama dan telus disediakan bagi kakitangan untuk melaporkan penipuan atau sebarang aktiviti tidak jujur dalam Syarikat. Buku Panduan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Dasar Pencegahan Penipuan dan Dasar Pemberi Maklumat (*Whistle-Blowing*), yang menggariskan bila, bagaimana dan kepada siapa kebimbangan tertentu dapat dibangkitkan dengan sewajarnya dan membolehkan pelapor penyelewengan membangkitkan kebimbangan kepada pegawai lebih kanan daripada pegawai atasan terdekat mereka.

## **AKAUNTABILITI DAN AUDIT**

### **Laporan Kewangan**

Lembaga Pengarah ingin memberikan dan mengemukakan penilaian yang seimbang dan bermakna tentang prestasi kewangan Syarikat dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Dibantu oleh Jawatankuasa Audit, Lembaga Pengarah mengawasi proses laporan kewangan dan mutu laporan kewangan, serta menyemak dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah turut menyemak kesesuaian dasar perakaunan Syarikat dan perubahan pada dasar tersebut dan memastikan penyata kewangan mematuhi keperluan perakaunan dan kawal selia serta amalan tadbir urus korporat.

### **Kawalan Dalaman**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mampu menjamin operasi yang cekap dan berkesan, dengan mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Kawalan Dalaman, yang memberi gambaran keseluruhan kawalan dalaman Syarikat, dimuatkan di halaman 88 – 89 Laporan Tahunan ini.

### **Hubungan dengan Juruaudit Luar**

Melalui Jawatankuasa Audit, Lembaga Pengarah telah menjalin hubungan yang rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat. Jawatankuasa Audit bermesyuarat secara tetap dengan juruaudit dalaman dan luar untuk membincangkan dan mengkaji semula rancangan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang hasil audit, dan membuat saranan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Pada tahun 2010, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan, sejajar dengan keperluan amalan terbaik.

Laporan oleh Jawatankuasa Audit dibentangkan di halaman 90 – 95 Laporan Tahunan ini.

Penyata Tadbir Urus Korporat ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 10 Mac 2011.

## PENYATA PENGURUSAN RISIKO

### DASAR DAN RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO KESELURUHAN

**Lembaga Pengarah Ekuinas telah meluluskan Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat pada tahun kewangan 2010. Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko ini menerangkan dengan jelas akauntabiliti dan tanggungjawab bagi proses pengurusan risiko, termasuk mengenal pasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjejaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.**

Pengurusan risiko adalah sebahagian daripada aktiviti perniagaan, fungsi dan proses penting Syarikat. Aspek pengurangan dan kawalan risiko dirangka dan dilaksanakan dengan cara yang dapat menjamin pencapaian matlamat strategik Syarikat.

Pengurusan risiko merupakan tanggungjawab Lembaga Pengarah, dan ia mencakupi struktur tadbir urus atau pengawasan Syarikat dan penghasilan rangka kerja kawalan dalaman yang sesuai. Pihak Pengurusan pula bertanggungjawab mengurus risiko bagi pihak Lembaga Pengarah dan melaksanakan kajian semula risiko dengan lebih rapi bagi sebarang cadangan atau urus niaga strategik khusus dan memastikan isu-isu risiko dikenalpasti, dianalisis, ditetapkan keutamaannya dan diurus dengan cara yang konsisten.

### STRATEGI PENGURANGAN RISIKO

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Masih ada risiko lain yang wujud namun risiko pelaburan dianggap risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.

Syarikat telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, yang dipengerusikan oleh CEO, untuk memantau perubahan di dalam persekitaran risiko, menyemak laporan risiko daripada Pengurusan dan membuat laporan kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit setiap suku tahun dan setiap tahun.

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat berfungsi sebagai panduan yang pragmatik, bagi mengenalpasti dan mengurus risiko-risiko utama yang penting dalam pencapaian matlamat strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko turut disemak dan diperbaiki secara sistematik.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Sebarang risiko kewangan ketara, misalnya kecairan, penggearing, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan secara tetap kepada Lembaga Pengarah. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan risiko *counterparty* dan pembiayaan Syarikat.



Risiko operasi, yang wujud dalam semua aktiviti perniagaan, merupakan risiko kerugian kewangan yang mungkin timbul akibat kegagalan kawalan, proses atau sistem dalaman yang menyokongnya. Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Justeru itu, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan mewujudkan dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang didokumenkan dan rangka kerja laporan tetap yang mencakupi laporan operasi dan kewangan.

Bagi mengurangkan risiko pelaburan pula, Syarikat memastikan bahawa keputusan pelaburan dibuat dengan berpandukan garis panduan pelaburan yang terkandung di dalam Rangka Kerja Pelaburan Syarikat. Rangka Kerja ini telah didokumenkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah demi memastikan urus niaga yang dilaksanakan memenuhi kriteria pelaburan penting di mana sektor-sektor utama dikenalpasti berdasarkan pendekatan penapisan yang telus. Rangka kerja ini terkandung di dalam semua proses pelaburan dan urus niaga pelaburan yang bakal dilaksanakan.

Rangka kerja pelaburan Ekuinas menggabungkan pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urus niaga strategik dan khusus, bagi memastikan risiko dikenalpasti, dikaji, ditetapkan keutamaannya dan diurus dengan cara yang konsisten.

Semua pelaburan diteliti dengan rapi, untuk memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat, mencapai kadar pulangan yang sesuai dan mengambil kira semua faktor risiko lain yang berkaitan, misalnya risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang dibentangkan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

## **KAWALAN PELABURAN**

Dalam sebahagian besar pelaburan yang dibuat, kakitangan kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat-syarikat pelaburan agar dapat menyumbang secara aktif di dalam proses menetapkan hala tuju strategik, membuat keputusan penting dan bidang operasi utama syarikat-syarikat tersebut.

Ekuinas menjalin hubungan erat dengan pengurusan syarikat pelaburan dan turut terlibat dalam proses operasi utama bagi memenuhi inisiatif penciptaan nilai dan menggalakkan tadbir urus serta amalan terbaik yang mantap.

## PENYATA KAWALAN DALAMAN

### TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah mendukung tanggungjawab utama untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh, bagi memastikan kecukupan dan integriti sistem melalui proses semakan, pemantauan dan jaminan. Namun, sistem ini hanya mampu memberikan jaminan wajar, bukannya jaminan mutlak, terhadap sebarang kerugian material, penipuan, salah pernyataan atau pelanggaran undang-undang atau peraturan. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan pihak Pengurusan memainkan peranan penting dalam merangka dan melaksanakan dasar Lembaga Pengarah mengenai risiko dan kawalan.

Lembaga Pengarah sentiasa mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko ketara yang mungkin dihadapi oleh Syarikat. Pihak Pengurusan pula berperanan membantu Lembaga Pengarah melaksanakan dasar dan prosedur mengenai risiko dan kawalan, dengan mengenalpasti dan menilai risiko yang dihadapi, dan merangka, melaksana serta memantau kawalan dalaman yang sesuai untuk mengurangkan dan mengawal risiko ini.

### CIRI-CIRI UTAMA KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:-

- **Jawatankuasa Audit**

Jawatankuasa Audit dianggotai keseluruhannya oleh ahli Lembaga Pengarah Bebas dan Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun. Jabatan Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko (CGRM), iaitu fungsi audit dalaman Syarikat, pula melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit.

- **Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**

Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar tersebut disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi.

- **Had Kuasa Yang Didokumenkan**

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendalikan operasi harian, membuat keputusan pelaburan, pemerolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- **Dasar dan Prosedur Sumber Manusia**

Syarikat telah menetapkan garis panduan yang wajar bagi penggajian dan pemberhentian kakitangan, program latihan untuk kakitangan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur lain yang berkaitan untuk memastikan kakitangan sentiasa kompeten dan cukup terlatih untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

- **Kod Etika**

Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika mengenalpasti bidang dan situasi di mana keyakinan dan kepercayaan awam mungkin terjejas atau pelanggaran undang-undang mungkin berlaku dan menekankan tahap perilaku wajar yang berkait rapat dengan amalan perniagaan beretika. Semua kakitangan dikehendaki memahami Kod, mengaku menerima dan menandatangani borang akuan.

- **Proses Belanjawan**

Semua jabatan dalam Syarikat dikehendaki menyediakan belanjawan setiap tahun bagi membentuk belanjawan dan rancangan keseluruhan Syarikat yang perlu diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Sistem laporan telah diwujudkan untuk menilai prestasi sebenar berbanding belanjawan, justeru sebarang percanggahan ketara yang dikesan akan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah.

- **Buku Panduan Pencegahan Penipuan dan Dasar *Whistle Blowing***

Buku panduan dan dasar ini adalah sebahagian daripada budaya Syarikat dan membuktikan komitmen Syarikat dalam mencegah penipuan. Di samping itu, persekitaran yang telus dan terbuka dipupuk agar penipuan dalam Syarikat dapat dilaporkan.

- **Kod Etika Rakan Perniagaan dan Perkhidmatan**

Kod ini perlu dipatuhi oleh pembekal utama, kontraktor, perunding dan penasihat yang berurusan dengan Ekuinas dan memberi panduan tentang perhubungan perniagaan yang beretika tinggi berdasarkan prinsip integriti, kejujuran, kebertanggungjawaban dan pematuhan undang-undang dan peraturan.

- **Pengurusan Prestasi**

Syarikat komited untuk menarik dan mengekalkan kakitangan yang berkebolehan, berdedikasi dan berbakat. Pengurusan prestasi dan pembangunan modal insan terus ditekankan melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif demi memastikan pekerja mempamerkan mutu dan kemahiran yang wajar. Bagi menyemai budaya kerja berprestasi tinggi, semakan prestasi dan ganjaran dikait rapat dengan himpunan penunjuk prestasi penting sejajar dengan wawasan dan misi Syarikat.

- **Penilaian dan Pengurusan Risiko**

Syarikat telah merangka dan melaksana dasar dan rangka kerja Pengurusan Risiko sepanjang tahun 2010. Semakan risiko yang rapi dilaksanakan bagi sebarang cadangan dan urus niaga strategik atau penting di mana isu-isu risiko dikenalpasti, dikaji, ditentukan keutamaannya dan diurus dengan cara yang konsisten.

## **SEMAKAN PENYATA KAWALAN DALAMAN OLEH JURUAUDIT LUAR**

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan di dalam laporan tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang telah sampai kepada perhatian mereka yang boleh menyebabkan mereka menganggap bahawa penyata ini tidak konsisten dengan kefahaman mereka tentang proses yang digunapakai oleh Lembaga Pengarah semasa menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman.

**Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan mengenai Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.**

### **PENUBUHAN DAN KOMPOSISI JAWATANKUASA AUDIT**

Jawatankuasa Audit ditubuhkan pada tahun 2010 sejajar dengan Kod Tadbir Urus Malaysia dan Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia. Ahli-ahli Jawatankuasa Audit dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:-

- dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti adalah pengarah bebas;
- semua ahli adalah bukan eksekutif;
- sekurang-kurangnya seorang ahli hendaklah menganggotai persatuan perakaunan; dan
- pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa audit.

Komposisi Jawatankuasa Audit disenaraikan di bawah:-

<b>Nama Pengarah</b>	<b>Status</b>	<b>Kehadiran di Mesyuarat</b>
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda (Pengerusi Jawatankuasa Audit)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3/3
Tan Sri Mohamed Jawhar	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3/3
Dato' Noriyah Ahmad	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	2/3

### **MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT**

Jawatankuasa Audit bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, atau lebih kerap sekiranya perlu. Memandangkan Jawatankuasa Audit Syarikat ditubuhkan pada tahun kewangan 2010 iaitu tahun pertama Syarikat beroperasi, tiga (3) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan, dan rekod kehadiran setiap ahli dibentangkan di atas. Namun, melangkah ke hadapan, Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun.

CEO, Pengarah Urusan Pelaburan, Ketua Pegawai Kewangan, Pengarah CGRM dan wakil-juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. Jawatankuasa Audit turut mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan.

Minit-minit mesyuarat diambil dan diedarkan kepada setiap ahli Jawatankuasa Audit serta ahli-ahli Lembaga Pengarah lain. Pengerusi Jawatankuasa Audit membuat laporan mengenai setiap mesyuarat kepada Lembaga Pengarah.

## OBJEKTIF

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit adalah untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab berkanun dan tanggungjawab lain berkaitan dengan kawalan dalaman, hal-hal kewangan dan perakaunan, pematuhan dan pengurusan risiko.

### Bidang Tugas

Dalam melaksanakan tugas dan memenuhi tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit memenuhi keperluan Bidang Tugas seperti berikut:-

#### Komposisi Ahli

Jawatankuasa hendaklah dilantik dari kalangan Pengarah-pengarah dan memenuhi keperluan berikut:-

- Jawatankuasa Audit mesti dianggotai oleh tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli;
- majoriti ahli mesti terdiri daripada pengarah bebas dan semua ahli mestilah ahli bukan eksekutif; dan
- sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit,
  - adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
  - jika bukan ahli MIA, beliau hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dan:
    - Beliau telah lulus peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
    - Beliau merupakan ahli salah satu persatuan akauntan seperti yang termaktub di dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.
- Pengerusi mestilah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit;
- sekiranya sebarang kekosongan di dalam Jawatankuasa Audit menyebabkan ketidakpatuhan dengan keperluan di atas, Syarikat hendaklah mengisi kekosongan tersebut dalam masa tiga (3) bulan; dan
- Setiausaha Syarikat bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Audit.

#### Skop

- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk menyiasat sebarang aktiviti Syarikat dan anak-anak syarikatnya, dan semua pekerja diarahkan agar memberi kerjasama sepertimana diminta oleh ahli-ahli Jawatankuasa;
- Jawatankuasa Audit diberi kuasa untuk melantik mana-mana individu yang mempunyai kebolehan khusus apabila perlu untuk membantu Jawatankuasa menjalankan tanggungjawabnya;
- Jawatankuasa Audit hendaklah membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab fidusiarinya, khususnya berkaitan dengan etika perniagaan, dasar dan kawalan pengurusan kewangan;
- Jawatankuasa Audit hendaklah memastikan komunikasi langsung diwujudkan antara Lembaga Pengarah, Juruaudit Luar, Juruaudit Dalaman dan Pengurusan melalui mesyuarat yang telah ditetapkan;

## LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT (SAMBUNGAN)

- Jawatankuasa Audit akan terus menitikberatkan fungsi audit dengan meningkatkan objektiviti dan kebebasan Juruaudit Luar dan Dalam dan menyediakan forum perbincangan yang berasingan daripada pihak Pengurusan;
- Jawatankuasa Audit boleh mempelawa mana-mana individu untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu Jawatankuasa Audit membuat keputusan dan ia juga boleh bermesyuarat sesama sendiri sahaja apabila perlu; dan
- dakwaan serius terhadap mana-mana kakitangan syarikat yang mempunyai implikasi kewangan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Audit agar penyiasatan dapat dijalankan.

### Bidang Kuasa

Jawatankuasa Audit mempunyai bidang kuasa berikut seperti yang diamanahkan oleh Lembaga Pengarah:

- kuasa untuk menyasiat sebarang perkara dalam lingkungan bidang tugasnya;
- akses kepada sebarang sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya;
- akses penuh, bebas dan tidak terbatas kepada sebarang maklumat, rekod, harta dan kakitangan Syarikat serta sebarang anak syarikat lain (jika ada) atau syarikat seinduk;
- saluran komunikasi langsung dengan juruaudit luar dan mereka yang melaksanakan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau nasihat lain; dan
- boleh mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman bersama-sama dengan ahli-ahli Lembaga Pengarah lain yang bebas dan bukan eksekutif, tanpa kehadiran mana-mana pengarah eksekutif, sekurang-kurangnya sekali setahun atau apabila dianggap perlu.

### Mesyuarat

- Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun untuk membincangkan sebarang perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit semasa menjalankan fungsi mereka. Korum bagi mesyuarat Jawatankuasa Audit adalah dua (2) orang ahli;
- sekurang-kurangnya sekali setahun, keseluruhan Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli Lembaga Pengarah eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengurusan Kanan;
- Setiausaha bertanggungjawab menyelaras butir-butir pentadbiran termasuk memanggil mesyuarat, mengundi dan mengambil minit mesyuarat;
- selain ahli-ahli Jawatankuasa Audit, Ketua Pegawai Kewangan dan Pengarah CGRM dijemput menghadiri setiap mesyuarat. Ketua syarikat/jabatan dan pasukan pengurusan masing-masing akan hadir apabila laporan audit mengenai syarikat/jabatan mereka dikemukakan untuk perbincangan. Juruaudit Luar akan diminta hadir apabila perlu;
- Pengerusi akan mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Audit, di atas permintaan Juruaudit Luar, untuk mempertimbangkan sebarang perkara yang dipercayai oleh Juruaudit Luar harus dibawa kepada perhatian pengarah atau pemegang saham; dan
- juruaudit berhak hadir dan bersuara di sebarang mesyuarat Jawatankuasa Audit dan akan hadir di mesyuarat Jawatankuasa Audit apabila dikehendaki berbuat demikian.

### Tugas dan Tanggungjawab

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit berkenaan kumpulan-kumpulan tertentu adalah seperti berikut:-

#### (a) *Lembaga Pengarah*

- Mendapatkan jawapan yang memuaskan daripada pihak Pengurusan mengenai laporan yang dibuat oleh juruaudit dalaman dan juruaudit luar untuk laporan kepada Lembaga Pengarah:
  - Mengenal pasti fakta penting dan kesan laporan audit tentang operasi;
  - Pertimbangan dan keputusan yang dibuat di peringkat Jawatankuasa Audit dengan menitikberatkan isu dan resolusi penting yang telah diselesaikan oleh Jawatankuasa Audit, secara tetap; dan
  - Ringkasan kebimbangan dan kelemahan ketara yang diperhatikan sepanjang tahun dalam persekitaran yang berkenaan dan langkah-langkah sepadan yang diambil untuk menangani isu tersebut.
- menyelia fungsi jabatan CGRM dan membuat laporan kepada Lembaga Pengarah tentang perubahan ketara dalam perniagaan dan persekitaran luar yang mempengaruhi risiko-risiko utama;
- di mana semakan di laporan audit anak syarikat dan sebarang syarikat berkaitan turut terangkum di dalam bidang kuasa Jawatankuasa Audit, semua fungsi di atas juga hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit secara selaras dengan Lembaga Pengarah anak syarikat dan syarikat berkaitan;
- menyemak prosedur yang diwujudkan oleh Pengurusan dalam usaha mematuhi sebarang keperluan, undang-undang kecil dan peraturan laporan kawal selia atau keperluan laporan luar lain, berhubung dengan operasi Syarikat; dan
- mempertimbangkan bidang lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah.

#### (b) *Juruaudit Luar*

- Mempertimbangkan pelantikan juruaudit luar, fi audit dan sebarang persoalan mengenai perletakan jawatan atau pemecatan;
- Berbincang dengan juruaudit luar mengenai bidang kuasa dan skop audit sebelum audit dimulakan, dan melaksanakan langkah penyelarasan apabila audit dilakukan oleh lebih daripada satu firma audit;
- Membincangkan dengan juruaudit luar tentang laporan audit dan penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman; dan
- Menyemak penyata kewangan suku tahun dan akhir tahun Syarikat, dan memberi tumpuan khususnya terhadap:
  - sebarang perubahan pada dasar dan amalan perakaunan;
  - pelarasan ketara yang berbangkit daripada audit;
  - andaian usaha berterusan; dan
  - pematuhan dengan piawaian perakaunan dan keperluan perundangan lain.

**LAPORAN  
JAWATANKUASA AUDIT  
(SAMBUNGAN)**

*(c) Juruaudit Dalaman*

- Membincangkan masalah dan kebimbangan yang berbangkit daripada audit luaran, dan sebarang perkara yang ingin dibincangkan oleh juruaudit;
- Menyelia fungsi audit dalaman dengan:
  - Menyemak kecukupan skop, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman, dan mempunyai kuasa yang memastikan ianya bersesuaian untuk menjalankan tugas;
  - Mengkaji, menyemak program dan proses audit dalaman, hasil program atau proses audit dalaman atau siasatan yang dijalankan dan memastikan tindakan yang sesuai diambil susulan daripada saranan oleh fungsi audit dalaman;
  - Menyemak sebarang penilaian terhadap prestasi ahli-ahli fungsi audit dalaman;
  - Menetapkan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tentang bidang kuasa fungsi audit dalaman, termasuk imbuhan Pengarah CGRM;
  - Meluluskan pelantikan atau pelucutan jawatan ahli pengurusan kanan dalam fungsi audit dalaman;
  - Mengemaskinikan maklumat tentang perletakan jawatan ahli kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada ahli kakitangan yang meletak jawatan untuk memberikan sebab-sebab perletakan jawatan;
  - Memastikan Audit Dalaman sentiasa mempunyai sumber yang cukup dan kompeten;
  - Memantau dengan rapi sebarang percanggahan ketara antara Audit Dalaman dan Pengurusan, tidak kira sama ada percanggahan ini telah diselesaikan atau tidak; dan
  - Mempertimbangkan isu-isu penting daripada siasatan dalaman dan tindakan pihak Pengurusan.

*(d) Urus Niaga Pihak Berkaitan*

- Mempertimbangkan sebarang urus niaga pihak berkaitan yang mungkin berbangkit dalam Syarikat termasuk sebarang urus niaga, prosedur atau perilaku yang membangkitkan persoalan tentang integriti Pengurusan.



## AKTIVITI

Sejajar dengan bidang tugas Jawatankuasa Audit, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan:-

- Menyemak dan meluluskan pelan audit oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja mereka bagi tahun kewangan tersebut yang masing-masing disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar;
- Menyemak laporan Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar dan mempertimbangkan isu-isu dan pelan tindakan;
- Menyemak dan meluluskan Piagam Audit Dalaman Syarikat;
- Menyemak laporan suku tahun dan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak cadangan dasar dan prosedur penting yang ingin diterapkan oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak dasar dan rangka kerja pengurusan risiko yang ingin diterapkan oleh Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan;
- Menyemak yuran juruaudit luar; dan
- Menyemak laporan mengenai Jawatankuasa Audit, Penyata Kawalan Dalaman, Penyata Tadbir Urus Korporat dan Penyata Pengurusan Risiko, sebelum dimuatkan di dalam Laporan Tahunan Syarikat.

## FUNGSI AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman Syarikat dilaksanakan oleh jabatan CGRM. Pengarah CGRM melapor terus kepada Jawatankuasa Audit dan kepada CEO bagi aspek pentadbiran. Fungsi audit dalaman mempunyai Piagam yang diluluskan, yang memastikan kebebasannya semasa menilai dan membuat laporan mengenai kecukupan, integriti dan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat, berlandaskan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin.

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman dengan sumber yang mencukupi untuk membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah mengekalkan sistem kawalan dalaman dan keseluruhan amalan tadbir urus yang cekap.

Semakan dan inisiatif peningkatan kawalan yang dilaksanakan oleh CGRM ditetapkan dalam rancangan audit tahunan yang disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan. Memandangkan tahun 2010 merupakan tahun pertama Syarikat, sebahagian besar inisiatif sepanjang tahun tertumpu kepada usaha merangka dan memperluas rangka kerja tadbir urus dalam Syarikat, antaranya pembentukan piagam tadbir urus, rangka kerja dasar dan prosedur keseluruhan, dasar dan prosedur yang ingin digunakan di dalam proses-proses penting, had kuasa yang didokumenkan, kod etika, dasar dan rangka kerja pengurusan risiko, kod etika rakan perniagaan dan perkhidmatan, buku panduan *whistle blowing* dan pencegahan penipuan dan dasar dagangan dalaman.

CGRM turut berinteraksi dengan Pengurusan syarikat pelaburan untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan terbaik yang mantap.

Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 10 Mac 2011.

## DASAR PENDEDAHAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian yang dimandatkan untuk mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas merupakan entiti awam yang beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami benar-benar menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Oleh itu, Syarikat telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.

Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, seperti garis panduan *Walker Guidelines Monitoring Group 2007*, sebuah kumpulan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan *European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006*. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara atau *sovereign wealth funds* dan dana lindung nilai terkemuka di seluruh dunia.


Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada sekadar menyediakan maklumat minimum seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat asas syarikat di laman sesawang rasmi, atau maklumat mengenai strategi dan matlamat syarikat, pemerolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun, penanda aras yang dipilih oleh Ekuinas adalah pertubuhan seperti **3i plc** yang bertempat di UK dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, yang mendedahkan sepenuhnya semua pemegangan dan pemilikan portfolio, latar belakang mengenai pasukan pengurusan, profil portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.

Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang mencukupi dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi kepada orang ramai disebarkan menurut keperluan undang-undang dan kawalselia.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:

- Dibentuk mengikut penanda aras amalan industri ekuiti persendirian dan *sovereign wealth funds* yang terkemuka;
- Maklumat penting harus didedahkan dengan mencukupi dan menyeluruh kepada orang ramai melalui laporan tahunan dan disebarkan dengan meluas melalui media massa;
- Bersikap responsif terhadap permintaan daripada pihak berkepentingan utama dan pada masa yang sama turut mematuhi peraturan serta garis panduan dasar pendedahan ini; dan
- Sekiranya kami tidak dapat mendedahkan sebarang maklumat di atas permintaan rakan pelaburan bersama atau sekiranya pendedahan dapat menjejaskan pelan peningkatan nilai, kami akan memberikan penjelasan yang sewajarnya.

## RANGKA KERJA PENDEDAHAN EKUINAS



# EKUINAS' FULL DISCLOSURE POLICY

Company to provide details of investments and how they perform

By ANN HUI

**PERALIAN JAYA**, Consortium-linked private equity fund manager company EkuiNAS National Berhad (EkuiNAS) unveiled its Full Disclosure Policy and Awarded Investment Framework and disclosed the details of its investment strategy, investment and shareholding, and the target sector it will focus on.

"EkuiNAS will be automatically driven and led by our investment strategy and target sectors of all our investment portfolio, but we will also be able to invest in other sectors if we see an opportunity," said EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju.

"We will also be able to invest in other sectors if we see an opportunity," said EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju.

EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju said the company will be automatically driven and led by our investment strategy and target sectors of all our investment portfolio, but we will also be able to invest in other sectors if we see an opportunity.

"We will also be able to invest in other sectors if we see an opportunity," said EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju.

# EkuiNAS is now substantial shareholder in Konsortium

EkuiNAS National Berhad (EkuiNAS) has become a substantial shareholder in the newly formed Konsortium Nasional Berhad (Konsortium) after the consortium's initial general meeting.

EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju said the company's investment in Konsortium is a strategic move to support the government's vision of becoming a global financial hub.

"We are pleased to see the consortium's success in securing a substantial investment from EkuiNAS," said Tan Sri Anand Raju.

EkuiNAS National Berhad (EkuiNAS) has become a substantial shareholder in the newly formed Konsortium Nasional Berhad (Konsortium) after the consortium's initial general meeting.

EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju said the company's investment in Konsortium is a strategic move to support the government's vision of becoming a global financial hub.

# Bantu

EkuiNAS buka ruang kepada...  
 EkuiNAS National Berhad (EkuiNAS) has opened up opportunities for investors to participate in its investment portfolio.

# EKUINAS teroka bidang pendidikan

Cadang beli pegangan majoriti 51 peratus saham Kumpulan Pendidikan AMPHUTACT

EkuiNAS National Berhad (EkuiNAS) has announced its intention to acquire a 51% stake in AMPHUTACT Education Group.

EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju said the acquisition is part of the company's strategy to diversify its investment portfolio into the education sector.



Challenged by the education sector, EkuiNAS is looking to expand its investment portfolio into this high-growth industry.

EkuiNAS National Berhad (EkuiNAS) has announced its intention to acquire a 51% stake in AMPHUTACT Education Group.

EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju said the acquisition is part of the company's strategy to diversify its investment portfolio into the education sector.

# EkuiNAS to buy 20pc Tanjung Offshore stake

Fund management company to add 'oil, property and construction' sectors

EkuiNAS National Berhad (EkuiNAS) has announced its intention to acquire a 20% stake in Tanjung Offshore.

EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju said the investment is part of the company's strategy to diversify its investment portfolio into the oil and gas sector.

EkuiNAS National Berhad (EkuiNAS) has announced its intention to acquire a 20% stake in Tanjung Offshore.

EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju said the investment is part of the company's strategy to diversify its investment portfolio into the oil and gas sector.



Tan Sri Anand Raju, Chairman of EkuiNAS, is seen speaking at a press conference.

# 國家股權公司 年底宣佈新投資計劃

國家股權公司 (National Equity Company) has announced its investment plan for the end of the year.

The company's Chairman said the plan includes investments in various sectors, including technology, healthcare, and infrastructure.

# Tawar peluang syarikat bumi berkembang

EkuiNAS National Berhad (EkuiNAS) has announced its intention to invest in the growing land services sector.

EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju said the investment is part of the company's strategy to diversify its investment portfolio into the land services sector.

# EkuiNAS sasar IRR 12%

Pelaburan dibuat dalam syarikat kukuh, miliki rekod prestasi baik satu hingga tiga tahun

EkuiNAS National Berhad (EkuiNAS) has set a target Internal Rate of Return (IRR) of 12% for its investment portfolio.

EkuiNAS Chairman Tan Sri Anand Raju said the target is based on the company's investment strategy and the performance of its investment portfolio.



Tan Sri Anand Raju, Chairman of EkuiNAS, is seen speaking at a press conference.

Jumlah kena dibayar kepada syarikat berkaitan	12	1,124,998	–
		<b>4,707,509</b>	<b>3,087,810</b>
<b>ASET SEMASA BERSIH</b>			
		<b>7,513,169</b>	<b>4,895,070</b>
		<b>10,214,488</b>	<b>6,810,269</b>
<b>DIBIYAI OLEH:</b>			
Modal saham	11	9,900,002	9,900,002
Perolehan tertahan/(kerugian terkumpul)		314,486	(3,089,733)
		<b>10,214,488</b>	<b>6,810,269</b>

	Nota	Saham biasa diterbitkan dan berbayar sepenuhnya pada RM1 setiap satu		Boleh agih	Jumlah RM
		Bilangan saham	Modal saham RM	Perolehan tertahan/ (kerugian terkumpul) RM	
Pada 1 Januari 2010		9,900,002	9,900,002	(3,089,733)	6,810,269
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		–	–	3,404,219	3,404,219
<b>Pada 31 Disember 2010</b>		<b>9,900,002</b>	<b>9,900,002</b>	<b>314,486</b>	<b>10,214,488</b>
Pada 13 Ogos 2009 (tarikh pemerbadanan)		2	2	–	2
Terbitan saham sepanjang tempoh kewangan	11	9,900,000	9,900,000	–	9,900,000
Jumlah kerugian komprehensif bagi tempoh kewangan		–	–	(3,089,733)	(3,089,733)
<b>Pada 31 Disember 2009</b>		<b>9,900,002</b>	<b>9,900,002</b>	<b>(3,089,733)</b>	<b>6,810,269</b>

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

bagi tahun kewangan berakhir  
 31 Disember 2010



Nota	Tahun kewangan berakhir 31.12.2010 RM	Tempoh kewangan dari 13.8.2009 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2009 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	3,404,219	(3,089,733)
Pelarasan untuk:		
Susut nilai harta, loji dan peralatan	564,559	3,241
Pendapatan faedah	(275,831)	(30,381)
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja	3,692,947	(3,116,873)
Perubahan modal kerja:		
Pelbagai Penghutang, deposit dan prabayaran	(180,461)	(252,639)
Jumlah kena dibayar kepada syarikat berkaitan	256,618	(2,000)
Jumlah kena dibayar daripada yayasan induk	(688)	-
Pelbagai Pemiutang dan akruan	494,701	3,087,810
Wang tunai dijana daripada/(digunakan dalam) operasi	4,263,117	(283,702)
Cukai dibayar	(415,498)	-
Aliran tunai bersih dijana daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi	3,847,619	(283,702)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pembelian harta, loji dan peralatan	(1,350,679)	(1,918,440)
Faedah diterima	213,050	30,381
Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(1,137,629)	(1,888,059)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Hasil daripada terbitan saham	-	9,900,002
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti pembiayaan	-	9,900,002
<b>PERTAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI SEPANJANG TAHUN/TEMPOH KEWANGAN</b>	<b>2,709,990</b>	<b>7,728,241</b>
<b>TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN KEWANGAN/TARIKH PEMERBADANAN</b>	<b>7,728,241</b>	<b>-</b>
<b>TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN/TEMPOH KEWANGAN</b>	<b>10,438,231</b>	<b>7,728,241</b>

## PENYATA ALIRAN TUNAI

bagi tahun kewangan berakhir  
 31 Disember 2010

Dasar perakaunan berikut telah digunakan dengan konsisten sewaktu menangani perkara yang dianggap material berkaitan dengan penyata kewangan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

## A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan, Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh MASB di Malaysia bagi Entiti-Entiti Selain Daripada Entiti-Entiti Swasta.

Penyata kewangan telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah melainkan sepertimana didedahkan di dalam ringkasan dasar penting perakaunan ini.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan menghendaki penggunaan anggaran dan andaian perakaunan tertentu yang penting, yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tempoh pelaporan. Pengarah-pengarah juga dikehendaki melaksanakan pertimbangan mereka semasa menerapkan dasar perakaunan Syarikat. Meskipun anggaran dan pertimbangan ini dibuat berdasarkan pengetahuan terbaik Pengarah-pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

(a) Piawaian, pindaan pada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuat kuasa

Piawaian perakaunan baru, pindaan dan pembaikan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan pentafsiran yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan Syarikat bermula pada atau selepas 1 Januari 2010 adalah seperti berikut:

- FRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan” dan Pindaan yang berkaitan
- FRS 8 “Segmen Operasi”
- FRS 101 (dipinda) “Pembentangan Penyata Kewangan”
- FRS 123 “Kos Peminjaman”
- FRS 139 “Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran” dan Pindaan yang berkaitan
- Pindaan pada FRS 1 “Penerapan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan” dan FRS 127 “Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan: Kos Pelaburan dalam Anak Syarikat, Entiti Yang Dikawal Bersama atau Syarikat Bersekutu”
- Pindaan pada FRS 132 “Instrumen Kewangan: Pembentangan” dan FRS 101 (dipinda) “Pembentangan Penyata Kewangan” – Instrumen kewangan boleh jual dan obligasi yang terbangkit semasa pembubaran

## RINGKASAN DASAR PENTING PERAKAUNAN

bagi tahun kewangan berakhir  
31 Disember 2010

## A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (BERSAMBUNG)

- (b) Piawaian, pindaan pada piawaian yang telah diterbitkan dan pentafsiran piawaian sedia ada yang diguna pakai terhadap Syarikat tetapi belum berkuat kuasa

Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan pada piawaian dan pentafsiran berikut bagi tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2011:

- FRS 124 berpinda “Pendedahan pihak berkaitan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2012) menyingkirkan pengecualian untuk mendedahkan urusan niaga antara entiti berkaitan kerajaan dan kerajaan, dan semua entiti berkaitan kerajaan lain. Pendedahan baru berikut kini diperlukan bagi entiti berkaitan kerajaan:
  - Nama entiti berkaitan kerajaan dan sifat perhubungan mereka;
  - Sifat dan jumlah setiap urusan niaga yang penting secara individu; dan
  - Tahap sebarang urusan niaga yang penting secara kolektif, dari segi kualitatif dan kuantitatif.

Di samping keperluan pembentangan dan pendedahan baru yang diterangkan, Syarikat tidak menjangka wujudnya sebarang kesan lain terhadap penyata kewangan yang berbangkit apabila pindaan ini diguna pakai.

- Pindaan pada FRS 7 “Instrumen kewangan: Pendedahan” dan FRS 1 “Penerapan kali pertama piawaian pelaporan kewangan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2011) menghendaki pendedahan yang lebih menyeluruh tentang pengukuran nilai saksama dan risiko mudah tunai. Khususnya, pindaan menghendaki pendedahan pengukuran nilai saksama menurut peringkat hierarki pengukuran nilai saksama.

Syarikat telah menerapkan peruntukan peralihan yang mengecualikan entiti daripada mendedahkan kesan yang mungkin berbangkit daripada penerapan kali pertama pindaan ini terhadap penyata kewangan Syarikat.

Pembaikan pada FRS:

- FRS 101 “Pembentangan penyata kewangan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2011) menjelaskan bahawa sesuatu entiti hendaklah membentangkan analisis pendapatan komprehensif lain bagi setiap komponen ekuiti, sama ada di dalam penyata perubahan dalam ekuiti atau nota-nota mengenai penyata kewangan.

## RINGKASAN DASAR PENTING PERAKAUNAN

bagi tahun kewangan berakhir  
31 Disember 2010 (sambungan)

### B HARTA, LOJI DAN PERALATAN

Harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang kerugian penjejasan terkumpul. Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung disebabkan oleh perolehan aset dan sebarang kos lain yang secara langsung berpunca daripada langkah memastikan aset berada di dalam keadaan yang sesuai untuk kegunaannya yang dirancang, dan kos menanggalkan dan memindahkan aset dan memulihkan tapak di mana terletaknya aset tersebut. Apabila bahagian-bahagian penting dalam sesuatu harta, loji dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berbeza, bahagian-bahagian ini dijelaskan sebagai butiran berasingan (komponen utama) harta, loji dan peralatan.

Kos seterusnya terangkum di dalam nilai bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, di mana berkenaan, hanya apabila kemungkinan besar manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan diterima oleh Syarikat dan kos aset dapat diukur dengan cara yang boleh dipercayai. Nilai bawaan bahagian yang digantikan akan dinyahiktiraf terhadap keuntungan atau kerugian. Semua kos pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj kepada keuntungan atau kerugian sepanjang tahun kewangan di mana ia ditanggung.

Harta, loji dan peralatan disusut nilai mengikut asas garis lurus untuk menghapus kira aset, atau jumlah penilaian semulanya, kepada nilai sisa sepanjang anggaran hayat berguna masing-masing, yang diringkaskan seperti berikut:

Kenderaan bermotor	5 tahun
Perabot dan kelengkapan	5 tahun
Peralatan pejabat	5 tahun
Pengubahsuaian	5 tahun
Peralatan komputer	3 tahun

Kaedah susut nilai, hayat berguna dan nilai sisa disemak semula dan dilaraskan jika sesuai pada akhir tempoh laporan.

Pada akhir setiap tempoh laporan, Syarikat menilai sama ada terdapat sebarang petanda penjejasan. Jika petanda tersebut wujud, analisis dilaksanakan untuk menilai sama ada nilai bawaan boleh pulih semula sepenuhnya. Penurunan nilai dibuat jika nilai bawaan melebihi jumlah boleh pulih. Rujuk dasar perakaunan Nota C mengenai penjejasan aset bukan kewangan.

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil pelupusan dengan nilai bawaan dan dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian daripada operasi di dalam tahun kewangan apabila aset dinyahiktiraf.

## C PENJEJASAN ASET BUKAN KEWANGAN

Aset bukan kewangan disemak semula bagi penjejasan apabila peristiwa atau perubahan keadaan menandakan bahawa nilai bawaan mungkin tidak boleh pulih. Jika petanda sedemikian wujud, jumlah aset yang boleh ditebus semula akan dianggarkan. Bagi tujuan pengujian penjejasan, aset dikumpul menjadi kumpulan-kumpulan aset terkecil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan, yang sebahagian besarnya adalah berasingan daripada aliran masuk tunai aset lain atau kumpulan aset lain (unit yang menjana tunai). Kerugian penjejasan diiktiraf menurut jumlah sebanyak mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih. Jumlah boleh pulih adalah jumlah yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam penggunaan. Bagi tujuan menilai penjejasan, aset dikumpul pada tahap terendah di mana aliran tunai dapat dikenal pasti secara berasingan (unit yang menjana tunai).

Kerugian penjejasan dicaj kepada keuntungan atau kerugian dan sebarang peningkatan jumlah boleh pulih selepas itu diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian. Sebarang balikan dikreditkan kepada keuntungan atau kerugian setakat kerugian penjejasan yang diiktiraf sebelumnya.

## D ASET KEWANGAN

### (i) Klasifikasi

#### Pinjaman dan Penghutang

Pinjaman dan Penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif. Pinjaman dan Penghutang dimasukkan di dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang melebihi dua belas (12) bulan selepas akhir tempoh laporan. Ini diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan Penghutang Syarikat terdiri daripada 'pelbagai penghutang' dan 'tunai dan kesamaan tunai' di dalam penyata kedudukan kewangan.

### (ii) Pengiktirafan dan pengukuran permulaan

Aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dicampur kos urus niaga bagi semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

### (iii) Pengukuran seterusnya – keuntungan dan kerugian

Pinjaman dan Penghutang kemudiannya dibawa pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

### (iv) Pengukuran seterusnya – penjejasan aset kewangan

Pada akhir tempoh laporan, Syarikat menilai sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas dan kerugian penjejasan ditanggung hanya jika terdapat bukti objektif tentang penjejasan disebabkan satu atau lebih daripada satu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan permulaan aset (peristiwa kerugian) dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian tersebut membawa kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan cara yang boleh dipercayai.

## RINGKASAN DASAR PENTING PERAKAUNAN

bagi tahun kewangan berakhir  
31 Disember 2010 (sambungan)

### E TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI

Tunai dan kesamaan tunai merangkumi wang tunai di bank dan dalam tangan, deposit dan pelaburan mudah cair yang sedia diubah kepada jumlah wang tunai yang diketahui tanpa risiko perubahan nilai yang ketara.

### F PENGIKTIRAFAN PERUNTUKAN

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif sedia ada akibat daripada peristiwa lepas, apabila aliran keluar sumber mungkin diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang boleh dipercayai dapat dibuat terhadap jumlah tersebut.

### G LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diklasifikasi menurut teras pengaturan kontrak yang dimasuki dan takrifan liabiliti kewangan.

Menurut skop FRS 139, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontraktual dalam instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasi sama ada sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian atau liabiliti kewangan lain.

### H MODAL SAHAM

Saham biasa diklasifikasi sebagai ekuiti. Saham lain diklasifikasi sebagai ekuiti dan/atau liabiliti menurut teras ekonomi instrumen tersebut.

Penggajian kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai instrumen ekuiti dicaj secara terus kepada ekuiti.

### I PENGIKTIRAFAN HASIL

- (i) Fi pengurusan dan fi perbendaharaan

Fi pengurusan dan fi perbendaharaan diiktiraf atas dasar akruan apabila perkhidmatan diberikan.

- (ii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa, dengan mengambil kira jumlah prinsipal belum dijelaskan dan kadar efektif sepanjang tempoh hingga matang, apabila diputuskan bahawa pendapatan sedemikian akan terakru kepada Syarikat.

## **J CUKAI PENDAPATAN**

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang pencukaian Malaysia dan termasuk semua cukai yang berdasarkan keuntungan boleh cukai.

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, terhadap perbezaan sementara yang berbangkit antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan.

Kadar cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tempoh pelaporan digunakan untuk menentukan cukai pendapatan tertunda.

Aset cukai tertunda diiktiraf pada tahap untung boleh cukai masa hadapan yang berkemungkinan diperolehi dan boleh digunakan untuk mengimbangi perbezaan sementara.

## **K MANFAAT PEKERJA**

### (i) Manfaat jangka pendek pekerja

Upah, gaji, bonus dan manfaat bukan kewangan terakru dalam tempoh apabila perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Syarikat.

### (ii) Pelan sumbangan tetap

Syarikat membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja iaitu pelan sumbangan tetap bersama. Setelah sumbangan dibayar, Syarikat tidak mempunyai obligasi pembayaran selanjutnya. Sumbangan Syarikat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dicaj kepada keuntungan atau kerugian dalam tahunan kewangan yang berkaitan.

## NOTA-NOTA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir  
31 Disember 2010

### 1 MAKLUMAT AM

Aktiviti utama Syarikat adalah menyediakan perkhidmatan pengurusan pelaburan, kewangan, korporat dan nasihat pengurusan kepada dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan yang bertujuan meningkatkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan berkekalan menerusi pengwujudan generasi baru syarikat peneraju di Malaysia. Tiada sebarang perubahan ketara yang berlaku terhadap sifat aktiviti ini sepanjang tahun kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah:

Tingkat 12, Bangunan Setia 1,  
15 Lorong Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.

Tempat perniagaan utama Syarikat adalah:

Aras 13, Surian Tower,  
No 1, Jalan PJU 7/3 Mutiara Damansara,  
47810 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

### 2 INSTRUMEN KEWANGAN

#### (a) Matlamat dan dasar pengurusan risiko kewangan

Program pengurusan risiko kewangan keseluruhan Syarikat tertumpu kepada sifat pasaran kewangan yang sukar diduga dan cuba mengurangkan potensi kesan mudarat terhadap prestasi kewangan Syarikat. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui semakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah menyemak risiko ini secara tetap dan meluluskan dasar perbendaharaan dan pelaburan, yang mencakupi pengurusan risiko ini.

Syarikat tidak mengalami pendedahan ketara terhadap risiko kewangan kecuali risiko kadar faedah dan risiko kredit.

#### (b) Risiko kadar faedah

Pendapatan dan aliran tunai operasi Syarikat sebahagian besarnya tidak bergantung kepada perubahan pada kadar faedah pasaran. Pendedahan kadar faedah terbatas kepada kesan perubahan kadar terhadap asetnya yang berfaedah misalnya deposit dengan institusi kewangan berlesen.



## 2 INSTRUMEN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

(b) Risiko kadar faedah (bersambung)

Jadual di bawah meringkaskan pendedahan Syarikat terhadap risiko kadar faedah. Dirangkum di dalam jadual tersebut adalah aset dan liabiliti Syarikat pada nilai bawaan penuh, dikategorikan menurut tarikh penentuan harga kontrak atau tarikh matang, yang mana lebih awal, di mana sesuai.

	Berfaedah	Tanpa faedah	Jumlah RM
	Kurang dari 1 tahun RM	Kurang dari 1 tahun RM	
<b>Pada 31 Disember 2010</b>			
<u>Aset kewangan</u>			
Tunai dan baki bank	–	1,315,310	1,315,310
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	9,122,921	–	9,122,921
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran	–	495,881	495,881
Jumlah kena dibayar daripada yayasan induk	–	688	688
Jumlah kena dibayar daripada syarikat berkaitan	–	870,380	870,380
<b>Jumlah aset kewangan</b>	<b>9,122,921</b>	<b>2,682,259</b>	<b>11,805,180</b>
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Jumlah kena dibayar kepada syarikat berkaitan	–	3,582,511	3,582,511
Pelbagai pemiutang dan akruan	–	1,124,998	1,124,998
<b>Jumlah liabiliti kewangan</b>	<b>–</b>	<b>4,707,509</b>	<b>4,707,509</b>
<b>Jurang kepekaan faedah bersih</b>	<b>9,122,921</b>		

## 2 INSTRUMEN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

(b) Risiko kadar faedah (bersambung)

	Berfaedah	Tanpa faedah	Jumlah RM
	Kurang dari 1 tahun RM	Kurang dari 1 tahun RM	
<u>Pada 31 Disember 2009</u>			
<u>Aset kewangan</u>			
Tunai dan baki bank	–	728,241	728,241
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	7,000,000	–	7,000,000
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran	–	252,639	252,639
Jumlah kena dibayar daripada syarikat berkaitan	–	2,000	2,000
<b>Jumlah aset kewangan</b>	<b>7,000,000</b>	<b>982,880</b>	<b>7,982,880</b>
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Pelbagai pemiutang dan akruan	–	3,087,810	3,087,810
<b>Jumlah liabiliti kewangan</b>	<b>–</b>	<b>3,087,810</b>	<b>3,087,810</b>
<b>Jurang kepekaan faedah bersih</b>	<b>7,000,000</b>		

Analisis kepekaan risiko kadar faedah

Analisis kepekaan nilai saksama untuk instrumen kadar tetap

Syarikat tidak mengiktiraf sebarang aset kewangan kadar tetap pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Oleh itu, perubahan pada kadar faedah pada akhir tempoh laporan tidak akan menjejaskan keuntungan atau kerugian.

## 2 INSTRUMEN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

### (c) Risiko kredit

Syarikat bermatlamat melabur aset tunai dengan selamat dan menguntungkan. Syarikat juga cuba mengawal risiko kredit dengan menetapkan had *counterparty* dan memastikan bahawa pelaburan dibuat di dalam institusi kewangan berlesen dengan sejarah kredit yang sesuai. Syarikat menganggap bahawa risiko berlakunya kerugian material sekiranya *counterparty* kewangan tidak melaksanakan obligasinya adalah rendah.

Jadual berikut membentangkan keamatan risiko kredit Syarikat:

	Tunai dan baki bank RM	Deposit dengan institusi kewangan berlesen RM	Aset kewangan lain RM	Jumlah RM
<b>Pada 31 Disember 2010</b>				
Tunai dan kesamaan tunai	1,315,310	9,122,921	–	10,438,231
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran	–	–	495,881	495,881
Jumlah kena dibayar daripada yayasan induk	–	–	688	688
Jumlah kena dibayar daripada syarikat berkaitan	–	–	870,380	870,380
<b>Jumlah</b>	<b>1,315,310</b>	<b>9,122,921</b>	<b>1,366,949</b>	<b>11,805,180</b>
<b>Pada 31 Disember 2009</b>				
Tunai dan kesamaan tunai	728,241	7,000,000	–	7,728,241
Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran	–	–	252,639	252,639
Jumlah kena dibayar daripada syarikat berkaitan	–	–	2,000	2,000
<b>Jumlah</b>	<b>728,241</b>	<b>7,000,000</b>	<b>254,639</b>	<b>7,982,880</b>

### (d) Pengurusan modal

Matlamat Syarikat dalam mengurus modal adalah untuk memelihara keupayaan Syarikat bagi meneruskan perniagaan sebagai usaha berterusan agar dapat memberikan pulangan kepada pemegang saham dan mengekalkan struktur modal optimum untuk mengurangkan kos modal. Syarikat tidak tertakluk kepada sebarang keperluan modal yang dikenakan oleh pihak luar.

## NOTA-NOTA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir  
31 Disember 2010 (sambungan)

## 2 INSTRUMEN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

### (e) Nilai saksama instrumen kewangan

Instrumen kewangan merangkumi aset kewangan dan liabiliti kewangan. Nilai saksama ialah jumlah di mana aset kewangan boleh ditukar atau liabiliti kewangan boleh diselesaikan, antara pihak-pihak yang berpengetahuan dan bersedia, dalam urusan niaga tulus. Maklumat yang dibentangkan di dalam ini merupakan anggaran nilai saksama dalam tempoh pelaporan.

Jika boleh diperolehi, harga pasaran yang disebut dan dalam pemerhatian digunakan sebagai pengukur nilai saksama. Di mana harga pasaran disebut dan dalam pemerhatian sedemikian tidak boleh diperolehi, nilai saksama dianggarkan berdasarkan rangkaian metodologi dan andaian berhubung dengan ciri-ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai masa hadapan dan faktor lain. Perubahan di dalam ketidakpastian dan andaian dapat menjejaskan anggaran ini dengan ketara dan anggaran nilai saksama yang berkaitan.

Di samping itu, maklumat nilai saksama untuk aset dan liabiliti bukan kewangan dikecualikan kerana maklumat sedemikian tidak jatuh ke dalam skop FRS 132 "Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan" yang menghendaki maklumat nilai saksama didedahkan.

Satu rangkaian metodologi dan andaian telah digunakan untuk mendapatkan nilai saksama instrumen kewangan Syarikat dalam tempoh pelaporan.

#### Pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran

Anggaran nilai saksama pelbagai penghutang, deposit dan prabayaran yang dikenal pasti sebagai instrumen kewangan hampir sama dengan nilai bawaannya kerana instrumen ini relatifnya bersifat jangka pendek.

#### Jumlah kena dibayar daripada/(kepada) syarikat berkaitan dan jumlah kena dibayar daripada yayasan induk

Nilai saksama jumlah kena dibayar daripada/(kepada) syarikat berkaitan dan jumlah kena dibayar daripada yayasan induk hampir sama dengan nilai bawaannya kerana baki tersebut perlu dibayar balik apabila dituntut.

#### Tunai dan kesamaan tunai

Bagi tunai dan kesamaan tunai dengan tempoh matang kurang daripada satu tahun, nilai bawaan adalah anggaran yang munasabah terhadap nilai saksama.

#### Pelbagai pemiutang dan akruan

Anggaran nilai saksama pelbagai pemiutang dan akruan yang dikenal pasti sebagai instrumen kewangan hampir sama dengan nilai bawaannya kerana instrumen ini relatifnya bersifat jangka pendek.

### 3 PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG PENTING

Penyediaan penyata kewangan Syarikat menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilapor pada tarikh laporan. Namun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini boleh menghasilkan keputusan yang mungkin memerlukan pelarasan ketara pada jumlah bawaan aset atau liabiliti yang terjejas di masa hadapan.

Sewaktu menerapkan dasar perakaunan Syarikat, Pengarah-pengarah dan pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut, selain daripada yang melibatkan anggaran, yang membawa kesan paling ketara terhadap jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan:

#### Liabiliti cukai tertunda

Pada akhir tempoh laporan, Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti cukai tertunda sebanyak RM350,000 berbangkit daripada perbezaan sementara boleh cukai berkaitan dengan harta, loji dan peralatan, kerana berdasarkan anggaran Pengarah-pengarah dan pengurusan, perbezaan sementara tersebut akan diterbalikkan pada tempoh pengecualian cukai yang didedahkan dalam Nota 6.

### 4 KOS MANFAAT PEKERJA

	Tahun kewangan berakhir 31.12.2010 RM	Tempoh kewangan dari 13.8.2009 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2009 RM
Upah dan gaji	5,317,698	513,815
Pelan sumbangan tetap	705,082	84,424
Manfaat lain pekerja	4,440,543	88,504
	<b>10,463,323</b>	<b>686,743</b>

Turut dirangkum di dalam upah dan gaji adalah imbuhan Pengarah-pengarah berjumlah RM1,492,208 (2009: RM228,189).

## 5 KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM CUKAI

	Tahun kewangan berakhir 31.12.2010 RM	Tempoh kewangan dari 13.8.2009 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2009 RM
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai dihitung selepas dicajkan:		
Imbuan juruaudit		
– Audit berkanun	(20,000)	(6,000)
– Perkhidmatan lain	(30,000)	–
Susut nilai harta, loji dan peralatan	(564,559)	(3,241)
Sewa premis	(641,516)	(35,988)

## 6 PENCUKAIAN

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan hasil keuntungan/(kerugian) perakaunan didarab dengan kadar cukai Malaysia adalah seperti berikut:

	Tahun kewangan berakhir 31.12.2010 RM	Tempoh kewangan dari 13.8.2009 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2009 RM
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai	3,404,219	(3,089,733)
Cukai dikira pada kadar 25%	851,055	(772,433)
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(501,055)	–
Perbelanjaan tidak dikenakan cukai	–	772,433
Kesan perbezaan sementara yang tidak diiktiraf *	(350,000)	–
<b>Perbelanjaan cukai</b>	<b>–</b>	<b>–</b>

\* Tiada liabiliti cukai tertunda diiktiraf berhubung dengan perbezaan sementara yang berbangkit daripada harta, loji dan peralatan, kerana berdasarkan anggaran Pengarah-pengarah dan pihak pengurusan, perbezaan sementara akan diterbalikkan pada tempoh pengecualian cukai yang diterangkan di bawah.

Pada 9 April 2010, Syarikat memohon pengecualian cukai daripada Kementerian Kewangan untuk Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitannya, yang terdiri daripada Ekuinas Capital Sdn Bhd (ECap), E-Cap (Internal) One Sdn Bhd (E-Cap Internal) dan E-Cap (External) One Sdn Bhd (E-Cap External).

Pada 26 November 2010, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan dan memberikan pengecualian cukai pendapatan bagi semua pendapatan perniagaan berkanun bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun taksiran 2009 hingga 2013 untuk Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitannya seperti yang disebut di dalam perenggan sebelum ini.

### NOTA-NOTA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir  
 31 Disember 2010 (sambungan)

## 7 HARTA, LOJI DAN PERALATAN

Kos	Kenderaan bermotor RM	Perabot dan kelengkapan RM	Peralatan pejabat RM	Pengubahsuaian RM	Peralatan komputer RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2010	–	688,195	106,694	931,973	191,578	1,918,440
Pertambahan sepanjang tahun kewangan	276,179	15,300	3,278	21,030	1,034,892	1,350,679
<b>Pada 31 Disember 2010</b>	<b>276,179</b>	<b>703,495</b>	<b>109,972</b>	<b>953,003</b>	<b>1,226,470</b>	<b>3,269,119</b>
Susut nilai terkumpul						
Pada 1 Januari 2010	–	–	210	–	3,031	3,241
Caj untuk tahun kewangan	54,953	128,718	20,869	174,701	185,318	564,559
<b>Pada 31 Disember 2010</b>	<b>54,953</b>	<b>128,718</b>	<b>21,079</b>	<b>174,701</b>	<b>188,349</b>	<b>567,800</b>
<u>Nilai buku bersih</u>						
Pada 31 Disember 2010	221,226	574,777	88,893	778,302	1,038,121	2,701,319

**NOTA-NOTA MENGENAI  
 PENYATA KEWANGAN**

bagi tahun kewangan berakhir  
 31 Disember 2010 (sambungan)

**7 HARTA, LOJI DAN PERALATAN (BERSAMBUNG)**

	Perabot dan kelengkapan RM	Peralatan pejabat RM	Pengubahsuaian RM	Peralatan komputer RM	Jumlah RM
<i>Kos</i>					
Pada 13 Ogos 2009 (tarikh pemerbadanan)	–	–	–	–	–
Pertambahan sepanjang tempoh kewangan	688,195	106,694	931,973	191,578	1,918,440
Pada 31 Disember 2009	688,195	106,694	931,973	191,578	1,918,440
<i>Susut nilai terkumpul</i>					
Pada 13 Ogos 2009 (tarikh pemerbadanan)	–	–	–	–	–
Caj untuk tempoh kewangan	–	210	–	3,031	3,241
Pada 31 Disember 2009	–	210	–	3,031	3,241
<i>Nilai buku bersih</i>					
Pada 31 Disember 2009	688,195	106,484	931,973	188,547	1,915,199



## 8 PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYARAN

	2010 RM	2009 RM
Pelbagai penghutang	158,276	–
Deposit	229,343	194,120
Prabayaran	108,262	58,519
	<b>495,881</b>	<b>252,639</b>

## 9 TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI

	2010 RM	2009 RM
Tunai dan baki bank	1,315,310	728,241
Deposit dengan institusi kewangan berlesen	9,122,921	7,000,000
	<b>10,438,231</b>	<b>7,728,241</b>

Baki bank adalah deposit yang dipegang/dipanggil (*held at call*) dengan institusi kewangan berlesen.

Kadar faedah efektif purata wajaran setahun bagi deposit dengan institusi kewangan berlesen pada 31 Disember 2010 adalah 3.11% (31 Disember 2009 : 2.15%) dengan tempoh matang purata 128 hari (31 Disember 2009 : 4 hari).

## 10 PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2010 RM	2009 RM
Pelbagai pemiutang	23,557	10,874
Akruan	3,558,954	3,076,936
	<b>3,582,511</b>	<b>3,087,810</b>

## 11 MODAL SAHAM

	2010 RM	2009 RM
Dibenarkan:		
Saham biasa pada RM1 setiap satu:		
Pada 31 Disember	100,000,000	100,000,000
Diterbitkan dan berbayar sepenuhnya:		
Saham biasa pada RM1 setiap satu:		
Pada 1 Januari 2010/13 Ogos 2009 (tarikh pemerbadanan)	9,900,002	2
Terbitan saham sepanjang tahun/tempoh kewangan	–	9,900,000
Pada 31 Disember	9,900,002	9,900,002

### NOTA-NOTA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir  
 31 Disember 2010 (sambungan)

Syarikat diperbadankan pada 13 Ogos 2009 dengan modal saham dibenarkan sebanyak RM100,000,000, terdiri daripada 100,000,000 saham biasa pada RM1 setiap satu yang diterbitkan, dan modal berbayar sebanyak RM2 yang terdiri daripada dua (2) saham biasa pada RM1 setiap satu. Sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2009, Syarikat menerbitkan 9,900,000 saham biasa pada nilai tara RM9,900,000 bagi tujuan modal kerja. Saham tersebut telah berbayar sepenuhnya secara tunai. Tiada saham diterbitkan oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

## 12 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING

Pihak-pihak dianggap berkaitan jika pihak tersebut mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak satu lagi atau mempunyai pengaruh ketara terhadap pihak satu lagi semasa membuat keputusan kewangan atau operasi.

- (a) Pihak-pihak yang berkaitan dengan Syarikat dan perhubungan mereka dengan Syarikat adalah seperti berikut:

<u>Pihak berkaitan</u>	<u>Perhubungan</u>
Yayasan Ekuiti Nasional	Yayasan induk
Ekuinas Capital Sdn Bhd	Syarikat berkaitan
E-Cap (Internal) One Sdn Bhd	Syarikat berkaitan

### Kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama Syarikat termasuk semua Pengarah Syarikat yang membuat keputusan penting berkaitan dengan hala tuju strategik Syarikat.

- (b) Kakitangan pengurusan utama

	Tahun kewangan berakhir 31.12.2010 RM	Tempoh kewangan dari 13.8.2009 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2009 RM
Imbuan Pengarah-pengarah	1,492,208	228,189

## 12 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING (BERSAMBUNG)

### (c) Urus niaga pihak berkaitan yang penting

Di samping pendedahan pihak berkaitan yang disebut di bahagian lain di dalam penyata kewangan, urus niaga pihak berkaitan lain yang penting dibentangkan di bawah.

	Tahun kewangan berakhir 31.12.2010 RM	Tempoh kewangan dari 13.8.2009 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2009 RM
<u>E-Cap (Internal) One Sdn Bhd</u> Pendapatan fi pengurusan	20,000,000	–
<u>Ekuiņas Capital Sdn Bhd</u> Pendapatan fi perbendaharaan	1,054,383	–

Urus niaga yang diterangkan di atas telah dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat yang dirunding.

### (d) Baki pihak berkaitan yang penting

Dirangkum di dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat adalah baki pihak berkaitan yang penting seperti berikut yang berbangkit daripada urus niaga perniagaan lazim:

	2010 RM	2009 RM
Jumlah kena dibayar daripada Yayasan Ekuiti Nasional	688	–
Jumlah kena dibayar daripada Ekuinās Capital Sdn Bhd	870,380	2,000
Jumlah kena dibayar kepada Ekuinās Capital Sdn Bhd	(1,124,998)	–

Semua baki belum dijelaskan di atas dijangka dijelaskan secara tunai oleh pihak berkaitan.

## 13 ANGKA PERBANDINGAN

Angka perbandingan Syarikat di dalam penyata pendapatan komprehensif, penyata aliran tunai dan nota-nota mengenai penyata kewangan yang berkaitan tidak dapat dibandingkan kerana angka tersebut adalah bagi tempoh kewangan selama 5-bulan berakhir 31 Disember 2009.

## 14 KEBENARAN BAGI PENGELUARAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah.

# Penyata Kewangan

## **E-CAP (INTERNAL) ONE SDN BHD**

148	Laporan Pengarah
152	Kenyataan oleh Pengarah
153	Akuan Berkanun
154	Laporan Juruaudit Bebas
156	Penyata Pendapatan Komprehensif
157	Penyata Kedudukan Kewangan
158	Penyata Perubahan dalam Ekuiti
159	Penyata Aliran Tunai
160	Ringkasan Dasar Penting Perakaunan
165	Nota-nota mengenai Penyata Kewangan

Pengarah-pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama-sama dengan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010 (tarikh pemerbadanan) hingga 31 Disember 2010.

## AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah untuk menjalankan perniagaan syarikat pemegang pelaburan, iaitu untuk membuat pelaburan ekuiti persendirian dan memperoleh saham atau melabur di dalam mana-mana syarikat. Tiada sebarang perubahan ketara yang berlaku terhadap sifat aktiviti ini sepanjang tempoh kewangan.

## KEPUTUSAN KEWANGAN

Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	RM 23,454,067
--	------------------

## DIVIDEN

Tiada dividen yang dibayar, diisytihar atau dicadangkan sejak tarikh pemerbadanan. Pengarah-pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen muktamad bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010 (tarikh pemerbadanan) hingga 31 Disember 2010.

## TERBITAN SAHAM

Syarikat telah diperbadankan pada 23 Mac 2010 dengan modal saham dibenarkan sebanyak RM100,090,000, yang dibahagikan masing-masing kepada 100,000,000 saham biasa pada RM1.00 setiap satu dan 9,000,000 saham keutamaan boleh tebus pada RM0.01 setiap satu. Saham berikut telah diterbitkan oleh Syarikat sepanjang tempoh kewangan dari 23 Mac 2010 (tarikh pemerbadanan) hingga 31 Disember 2010:

Tarikh terbitan	Jenis saham	Tujuan terbitan	Bilangan saham	Nilai tara (RM)	Premium (RM)	Terma terbitan
23 Mac 2010 (tarikh pemerbadanan)	Biasa	Saham pengasas	2	1	–	Tunai, pada nilai tara
30 Ogos 2010	Keutamaan	Modal kerja	552,309	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 Ogos 2010	Biasa	Modal kerja	13	1	–	Tunai, pada nilai tara
10 November 2010	Keutamaan	Modal kerja	1,065,834	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
10 November 2010	Biasa	Modal kerja	40	1	–	Tunai, pada nilai tara
30 Disember 2010	Keutamaan	Modal kerja	1,708,604	0.01	99.99	Tunai, pada RM100
30 Disember 2010	Biasa	Modal kerja	98	1	–	Tunai, pada nilai tara

## LAPORAN PENGARAH

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
(tarikh pemerbadanan) hingga  
31 Disember 2010

## TERBITAN SAHAM (BERSAMBUNG)

Saham biasa baru yang diterbitkan sepanjang tempoh kewangan ditarafkan *pari passu* dari semua segi dengan saham biasa sedia ada Syarikat.

Tidak ada perubahan lain dalam modal dibenarkan, terbit dan berbayar Syarikat sepanjang tempoh kewangan.

## RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pemindahan yang material kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tempoh kewangan kecuali apa yang didedahkan dalam penyata kewangan dan nota-nota mengenai penyata kewangan.

## PENGARAH-PENGARAH

Pengarah-pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh pemerbadanan adalah seperti berikut:

Dato' Noriyah binti Ahmad	(Pengarah Pertama)
Abdul Rahman bin Ahmad	(Pengarah Pertama)
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda	(Dilantik pada 2 Ogos 2010)

Selaras dengan Artikel 66 Tataurusian Pertubuhan Syarikat, semua Pengarah akan bersara daripada Lembaga Pengarah pada Mesyuarat Agung Tahunan pertama akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula.

## KEPENTINGAN PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Menurut Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang disimpan oleh Syarikat selaras dengan Seksyen 134 Akta Syarikat, 1965, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan yang memegang sebarang kepentingan dalam saham, waran, opsi saham dan debentur Syarikat atau perbadanan yang berkaitan sepanjang tempoh kewangan.

## MANFAAT PENGARAH

Sepanjang dan pada akhir tempoh kewangan, tiada pengaturan yang wujud yang mana Syarikat adalah pihak padanya, iaitu pengaturan dengan matlamat membolehkan Pengarah-pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain.

Sejak tarikh pemerbadanan, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima manfaat disebabkan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah tersebut adalah ahlinya, atau dengan syarikat di mana Pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

## MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, Pengarah-pengarah telah mengambil langkah munasabah:

- (a) untuk memastikan bahawa tindakan yang wajar telah diambil berkaitan dengan langkah menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa tidak ada hutang lapuk yang diketahui yang telah dihapus kira dan bahawa peruntukan tidak perlu dibuat untuk hutang ragu; dan
- (b) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin, dalam urusan biasa perniagaan, merealisasi nilai mereka seperti yang dipaparkan dalam rekod perakaunan Syarikat telah diturunkan nilainya kepada jumlah yang dijangka dapat direalisasi.

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:

- (a) yang boleh menyebabkan jumlah yang dihapus kira untuk hutang lapuk atau jumlah peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat menjadi tidak mencukupi pada sebarang tahap yang ketara; atau
- (b) yang boleh menyebabkan kesilapan pada nilai yang diberikan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat; atau
- (c) yang berbangkit yang menyebabkan kaedah sedia ada bagi penilaian aset atau liabiliti Syarikat tidak patut atau tidak wajar dipatuhi.

Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah dikuat kuasakan atau berkemungkinan akan dikuat kuasakan dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas akhir tempoh kewangan yang mana, menurut pendapat Pengarah-pengarah, akan atau boleh menjejaskan dengan ketara keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasi mereka seperti yang dikehendaki.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (a) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang berbangkit sejak akhir tempoh kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana orang lain; atau
- (b) sebarang liabiliti luar jangka Syarikat yang berbangkit sejak akhir tempoh kewangan.

## LAPORAN PENGARAH

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
(tarikh pemerbadanan) hingga  
31 Disember 2010



## MAKLUMAT BERKANUN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (BERSAMBUNG)

Pada tarikh laporan ini, Pengarah-pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan, selain daripada yang dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan, yang mungkin menyebabkan sebarang kesilapan pada jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat Pengarah-pengarah:

- (a) keputusan operasi Syarikat bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010 (tarikh pemerdanaan) hingga 31 Disember 2010 tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan
- (b) tiada berbangkit, di antara akhir tempoh kewangan dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa yang bersifat material atau luar biasa yang berkemungkinan akan menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Syarikat bagi tempoh kewangan apabila laporan ini dibuat.

## SYARIKAT INDUK TERDEKAT DAN YAYASAN INDUK MUKTAMAD

Pengarah-pengarah menganggap Ekuinas Capital Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia sebagai syarikat induk terdekat. Pengarah-pengarah menganggap Yayasan Ekuiti Nasional, sebuah yayasan yang diperbadankan di Malaysia, sebagai yayasan induk muktamad Syarikat.

**151** | ekuiti nasional berhad  
laporan tahunan 2010


## PERISTIWA BERIKUTAN

Peristiwa penting berikutan tempoh laporan didedahkan dalam Nota 13.

## JURUAUDIT


Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka.



ABDUL RAHMAN BIN AHMAD  
PENGARAH


Kuala Lumpur  
10 Mac 2011



RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD  
BIN RAJA TUN UDA  
PENGARAH

Kami, Abdul Rahman bin Ahmad dan Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda, dua daripada Pengarah-pengarah E-Cap (Internal) One Sdn Bhd, menyatakan bahawa, pada pendapat Pengarah-pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 156 hingga 175 telah disediakan dengan wajar untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang hal ehwal Syarikat pada 31 Disember 2010 dan keputusan dan aliran tunai Syarikat bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan, Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh MASB di Malaysia untuk Entiti-Entiti Selain Daripada Entiti-Entiti Swasta dan mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka.



ABDUL RAHMAN BIN AHMAD  
PENGARAH

Kuala Lumpur  
10 Mac 2011




RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD  
BIN RAJA TUN UDA  
PENGARAH

## KENYATAAN OLEH PENGARAH

Selaras dengan Seksyen 169(15)  
Akta Syarikat, 1965


Saya, Mazhairul Jamaludin, Pegawai yang bertanggungjawab terutamanya bagi pengurusan kewangan E-Cap (Internal) One Sdn Bhd, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 156 hingga 175, pada pendapat saya, adalah betul dan saya membuatakuan bersungguh-sungguh ini dengan sepenuh kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.



MAZHAIKUL JAMALUDIN  
KETUA PEGAWAI KEWANGAN

Ditandatangani dan diakui dengan sesungguhnya oleh Mazhairul Jamaludin yang dinamakan di atas di Kuala Lumpur di hadapan saya, pada 10 Mac 2011.

**153** | ekuiti nasional berhad  
laporan tahunan 2010



PESURUHJAYA SUMPAAH

Unit No 50-8-1, Tkt 10  
Wisma UOA Damansara  
50 Jalan Dungun  
Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur

**AKUAN  
BERKANUN**  
Selaras dengan Seksyen 169(16)  
Akta Syarikat, 1965

## LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan E-Cap (Internal) One Sdn Bhd, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2010, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tempoh kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, serta ringkasan dasar penting perakaunan dan nota-nota penjelasan lain, seperti yang dibentangkan di halaman 156 hingga 175.

### Tanggungjawab Pengarah kepada Penyata Kewangan

Para pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab di dalam penyediaan dan pembentangan yang saksama penyata kewangan menurut Piawaian Perakaunan diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti-Entiti Selain Daripada Entiti-Entiti Swasta dan Akta Syarikat 1965. Tanggungjawab ini termasuk; merangka, melaksana dan memastikan kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama yang bebas daripada kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan; memilih dan menggunakan dasar perakaunan yang bersesuaian; dan dalam keadaan tertentu membuat anggaran perakaunan yang munasabah.

### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan berdasarkan audit kami. Kami telah melaksanakan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami mematuhi tuntutan etika dan merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara.

Sesuatu audit melibatkan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko kenyataan-kenyataan salah nyata yang ketara pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mengambilkira kawalan dalaman yang bersesuaian dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Sesuatu audit juga termasuk penilaian kesesuaian prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami.

## LAPORAN MENGENAI PENYATA KEWANGAN (BERSAMBUNG)

### Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan diluluskan MASB di Malaysia untuk Entiti-Entiti Selain Daripada Entiti-Entiti Swasta dan Akta Syarikat 1965 untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2010 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

## LAPORAN MENGENAI LAIN-LAIN KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN BADAN PENGAWASAN

Menurut keperluan dalam Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa, pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain, serta daftar-daftar yang wajib disimpan di bawah Akta telah disimpan dengan sempurna selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

## LAIN-LAIN HAL

Laporan ini disediakan khas untuk Syarikat, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Seksyen 174 Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada lain-lain pihak untuk kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS  
(No. AF: 1146)  
Akauntan Bertauliah



DATO' AHMAD JOHAN BIN MOHAMMAD RASLAN  
(No. 1867/09/12 (J))  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur  
10 Mac 2011

	Nota	Tempoh kewangan dari 23.03.2010 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2010 RM
<b>HASIL</b>		
Pendapatan dividen		3,997,278
<b>PENDAPATAN LAIN</b>		
Keuntungan belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan		
– pelaburan dalam anak syarikat		33,060,152
– pelaburan dalam syarikat bersekutu		14,408,032
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>		<b>51,465,462</b>
<b>PERBELANJAAN</b>		
Fi pengurusan		(20,000,000)
Fi perundingan		(2,157,593)
Perbelanjaan lain		(5,853,802)
Keuntungan sebelum cukai	4	23,454,067
Pencukaian	5	–
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan</b>		<b>23,454,067</b>

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

bagi tempoh kewangan dari  
 23 Mac 2010  
 (tarikh pemerbadanan)  
 hingga 31 Disember 2010

	Nota	2010 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>		
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	6	207,890,737
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	7	154,087,784
		<b>361,978,521</b>
<b>ASET SEMASA</b>		
Jumlah kena dibayar daripada syarikat induk terdekat	11	676,027
Tunai dalam tangan		2
		<b>676,029</b>
<b>LIABILITI SEMASA</b>		
Jumlah kena dibayar kepada anak-anak syarikat	11	676,031
Pelbagai pemiutang dan akruan	8	5,849,599
		<b>6,525,630</b>
<b>LIABILITI SEMASA BERSIH</b>		
		<b>(5,849,601)</b>
		<b>356,128,920</b>
<b>DIBIYAI OLEH:</b>		
Modal saham	9	33,420
Premium saham	10	332,641,433
Perolehan tertahan		23,454,067
		<b>356,128,920</b>

## PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
 (tarikh pemerbadanan) hingga  
 31 Disember 2010

Nota	Saham biasa yang diterbitkan dan berbayar sepenuhnya pada RM1 setiap satu		Saham keutamaan boleh tebus yang diterbitkan dan berbayar sepenuhnya pada RM0.01 setiap satu			Tidak boleh agih	Premium saham RM	Perolehan tertahan RM	Jumlah RM
	Bilangan saham	Modal saham RM	Bilangan saham	Modal saham RM	Perolehan tertahan RM				
Pada 23 Mac 2010 (tarikh pemerbadanan)	2	2	-	-	-	-	-	-	2
Terbitan saham sepanjang tempoh kewangan	9	151	3,326,747	33,267	332,641,433	-	-	332,674,851	
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tempoh kewangan	-	-	-	-	-	-	23,454,067	23,454,067	23,454,067
Pada 31 Disember 2010	153	153	3,326,747	33,267	332,641,433	-	23,454,067	356,128,920	

Dasar penting perakaunan dan nota-nota penjelasan lain dibentangkan di halaman 160 hingga 175 dalam penyata kewangan ini.



	Nota	Tempoh kewangan dari 23.3.2010 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2010 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>		
Keuntungan sebelum cukai		23,454,067
Pelarasan untuk:		
Keuntungan belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan:		
– pelaburan dalam anak syarikat		(33,060,152)
– pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu		(14,408,032)
Kerugian operasi sebelum perubahan modal kerja		(24,014,117)
Perubahan modal kerja:		
Jumlah kena dibayar daripada syarikat induk terdekat		(676,027)
Jumlah kena dibayar kepada anak syarikat		676,031
Pelbagai pemiutang lain dan akruan		5,849,599
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi</b>		<b>(18,164,514)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pemerolehan pelaburan dalam anak-anak syarikat	6	(174,830,585)
Pemerolehan pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	7	(139,679,752)
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>		<b>(314,510,337)</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Hasil daripada terbitan saham keutamaan boleh tebus		332,674,700
Hasil daripada terbitan saham biasa		151
<b>Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti pembiayaan</b>		<b>332,674,851</b>
<b>PERUBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI SEPANJANG TEMPOH KEWANGAN</b>		<b>–</b>
<b>TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI PADA TARIKH PEMERBADANAN</b>		<b>2</b>
<b>TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI PADA AKHIR TEMPOH KEWANGAN</b>		<b>2</b>

## **PENYATA ALIRAN TUNAI**

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
 (tarikh pemerbadanan) hingga  
 31 Disember 2010

Dasar perakaunan berikut telah digunakan dengan konsisten sewaktu menangani perkara yang dianggap material berkaitan dengan penyata kewangan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

## A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan, Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh MASB di Malaysia bagi Entiti-Entiti Selain Daripada Entiti-Entiti Swasta.

Penyata kewangan telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah melainkan sepertimana didedahkan di dalam ringkasan dasar penting perakaunan ini.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan menghendaki penggunaan anggaran dan andaian perakaunan tertentu yang penting, yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tempoh pelaporan. Pengarah-pengarah juga dikehendaki melaksanakan pertimbangan mereka semasa menerapkan dasar perakaunan Syarikat. Meskipun anggaran dan pertimbangan ini dibuat berdasarkan pengetahuan terbaik Pengarah-pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Pada 31 Disember 2010, Syarikat berada dalam kedudukan liabiliti semasa bersih sebanyak RM5,849,601. Syarikat induk terdekat, Ekuinas Capital Sdn Bhd telah menyatakan niatnya untuk terus memberikan sokongan kewangan kepada Syarikat untuk membolehkan Syarikat menjelaskan liabilitinya bila dan apabila kena dijelaskan dan untuk menjalankan perniagaannya tanpa sebarang pembatasan ketara terhadap operasinya. Justeru itu, Pengarah-pengarah menganggapnya wajar untuk menyediakan penyata kewangan Syarikat atas dasar usaha berterusan.

(a) Piawaian, pindaan pada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran yang berkuat kuasa

Piawaian perakaunan baru, pindaan dan pembaikan kepada piawaian yang telah diterbitkan dan pentafsiran yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan Syarikat bermula pada atau selepas 1 Januari 2010 adalah seperti berikut:

- FRS 7 “Instrumen Kewangan: Pendedahan” dan Pindaan yang berkaitan
- FRS 8 “Segmen Operasi”
- FRS 101 (dipinda) “Pembentangan Penyata Kewangan”
- FRS 123 “Kos Peminjaman”
- FRS 139 “Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran” dan Pindaan yang berkaitan
- Pindaan pada FRS 1 “Penerapan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan” dan FRS 127 “Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan: Kos Pelaburan dalam Anak Syarikat, Entiti Yang Dikawal Bersama atau Syarikat Bersekutu”
- Pindaan pada FRS 132 “Instrumen Kewangan: Pembentangan” dan FRS 101 (dipinda) “Pembentangan Penyata Kewangan” – Instrumen kewangan boleh jual dan obligasi yang berbangkit semasa pembubaran

## RINGKASAN DASAR PENTING PERAKAUNAN

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
(tarikh pemerbadanan) hingga  
31 Disember 2010

## A ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (BERSAMBUNG)

- (b) Piawaian, pindaan pada piawaian yang telah diterbitkan dan pentafsiran piawaian sedia ada yang diguna pakai terhadap Syarikat tetapi belum berkuat kuasa

Syarikat akan mengguna pakai piawaian baru, pindaan pada piawaian dan pentafsiran berikut bagi tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2011:

- FRS 3 berpinda “Kombinasi perniagaan” (berkuat kuasa secara prospektif dari 1 Julai 2010) terus menerapkan kaedah pemerolehan pada kombinasi perniagaan, dengan beberapa perubahan ketara. Misalnya, semua pembayaran untuk membeli perniagaan hendaklah direkodkan pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan, dengan pembayaran luar jangka diklasifikasi sebagai hutang kemudiannya dihitung semula melalui keuntungan atau kerugian. Terdapat pilihan atas dasar pemerolehan demi pemerolehan untuk mengukur kepentingan bukan mengawal dalam pihak yang diperolehi sama ada pada nilai saksama atau menurut bahagian perkadaran kepentingan tidak mengawal daripada aset bersih pihak yang diperolehi. Semua kos berkaitan pemerolehan hendaklah dihitung. Syarikat tidak menjangkakan sebarang kesan material berbangkit daripada pindaan ini.
- FRS 124 berpinda “Pendedahan pihak berkaitan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2012) menyingkirkan pengecualian untuk mendedahkan urusan niaga antara entiti berkaitan kerajaan dan kerajaan, dan semua entiti berkaitan kerajaan lain. Pendedahan baru berikut kini diperlukan bagi entiti berkaitan kerajaan:
  - Nama entiti berkaitan kerajaan dan sifat perhubungan mereka;
  - Sifat dan jumlah setiap urusan niaga yang penting secara individu; dan
  - Tahap sebarang urusan niaga yang penting secara kolektif, dari segi kualitatif dan kuantitatif.

Di samping keperluan pembentangan dan pendedahan baru yang diterangkan, Syarikat tidak menjangka wujudnya sebarang kesan lain terhadap penyata kewangan yang berbangkit apabila pindaan ini diguna pakai.

- Pindaan pada FRS 7 “Instrumen kewangan: Pendedahan” dan FRS 1 “Penerapan kali pertama piawaian pelaporan kewangan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2011) menghendaki pendedahan yang lebih menyeluruh tentang pengukuran nilai saksama dan risiko mudah tunai. Khususnya, pindaan menghendaki pendedahan pengukuran nilai saksama menurut peringkat hierarki pengukuran nilai saksama.

Syarikat telah menerapkan peruntukan peralihan yang mengecualikan entiti daripada mendedahkan kesan yang mungkin berbangkit daripada penerapan kali pertama pindaan ini terhadap penyata kewangan Syarikat.

Pembaikan pada FRS:

- FRS 101 “Pembentangan penyata kewangan” (berkuat kuasa dari 1 Januari 2011) menjelaskan bahawa sesuatu entiti hendaklah membentangkan analisis pendapatan komprehensif lain bagi setiap komponen ekuiti, sama ada di dalam penyata perubahan dalam ekuiti atau nota-nota mengenai penyata kewangan.

## **RINGKASAN DASAR PENTING PERAKAUNAN**

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
(tarikh pemerbadanan) hingga  
31 Disember 2010 (sambungan)

### **B PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT**

Anak syarikat adalah entiti yang mana Syarikat mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasinya untuk meraih manfaat daripada aktivitiinya.

Di dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam anak syarikat dibentangkan selaras dengan FRS 139 dan dinyatakan pada nilai saksama. Perubahan pada nilai saksama pelaburan dalam anak syarikat diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh apabila perubahan tersebut berlaku.

Apabila pelaburan sedemikian dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaannya dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian.

Penyata kewangan disatukan tidak disediakan kerana Syarikat dikecualikan daripada menyediakan penyata kewangan disatukan di bawah FRS 127 “Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan” disebabkan statusnya sebagai anak syarikat milik penuh sebuah syarikat induk lain di Malaysia.

Yayasan induk muktamad, yang menerbitkan penyata kewangan disatukan, adalah Yayasan Ekuiti Nasional. Pejabat berdaftar Yayasan Ekuiti Nasional terletak di Tingkat 12, Bangunan Setia 1, 15 Lorong Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

### **C PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU**

Syarikat bersekutu adalah satu entiti, yang bukan anak syarikat atau usaha sama, di mana Syarikat mempunyai pengaruh ketara. Syarikat bersekutu diambil kira selaras dengan FRS 139 dan dinyatakan pada nilai saksama dari tarikh Syarikat memperoleh pengaruh ketara sehingga tarikh Syarikat tidak lagi mempunyai pengaruh ketara terhadap syarikat bersekutu tersebut.

Pelaburan Syarikat dalam syarikat bersekutu kemudiannya dibawa pada nilai saksama. Perubahan dalam nilai saksama pelaburan diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana perubahan tersebut berlaku.

Apabila pelaburan sedemikian dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaannya dimasukkan dalam keuntungan atau kerugian.

### **D ASET KEWANGAN**

#### (i) Klasifikasi

##### Pinjaman dan Penghutang

Pinjaman dan Penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut dalam pasaran aktif. Pinjaman dan Penghutang dimasukkan di dalam aset semasa, kecuali bagi tempoh matang melebihi dua belas (12) bulan selepas akhir tempoh pelaporan. Ini diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan Penghutang Syarikat terdiri daripada wang tunai dalam tangan di dalam penyata kedudukan kewangan.

## **D ASET KEWANGAN (BERSAMBUNG)**

### (ii) Pengiktirafan dan pengukuran permulaan

Aset kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dicampur kos urus niaga bagi semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

### (iii) Pengukuran seterusnya – keuntungan dan kerugian

Pinjaman dan penghutang kemudiannya dibawa pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

### (iv) Pengukuran seterusnya – penjejasan aset kewangan

Pada akhir tempoh laporan, Syarikat menilai sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas dan kerugian penjejasan ditanggung hanya jika terdapat bukti objektif tentang penjejasan disebabkan satu atau lebih daripada satu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan permulaan aset (peristiwa kerugian) dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian tersebut membawa kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan cara yang boleh dipercayai.

## **E TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI**

Tunai dan kesamaan tunai merangkumi wang tunai dalam tangan.

## **F PENGIKTIRAFAN PERUNTUKAN**

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif sedia ada akibat daripada peristiwa lepas, apabila aliran keluar sumber mungkin diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang boleh dipercayai dapat dibuat terhadap jumlah tersebut.

## **G LIABILITI KEWANGAN**

Liabiliti kewangan diklasifikasi menurut teras pengaturan kontrak yang dimasuki dan takrifan liabiliti kewangan.

Menurut skop FRS 139, liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontraktual dalam instrumen kewangan. Liabiliti kewangan diklasifikasi sama ada sebagai liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian atau liabiliti kewangan lain.

## H MODAL SAHAM

Saham biasa diklasifikasi sebagai ekuiti. Saham lain diklasifikasi sebagai ekuiti dan/atau liabiliti menurut teras ekonomi instrumen tersebut.

Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasi sebagai instrumen ekuiti dicaj secara terus kepada ekuiti.

## I PENGIKTIRAFAN HASIL

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran dibuktikan.

## J PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN (*CARRIED INTEREST*)

Pembahagian keuntungan merupakan fi yang perlu dibayar kepada Pengurus Pelaburan dan dikira dan terakru pada setiap akhir tahun kewangan berdasarkan penilaian terhadap pelaburan dalam portfolio Dana, selepas ditolak pembayaran keluar/penerimaan masuk yang sesuai, menurut terma-terma yang dinyatakan dalam Perjanjian Pengurusan Dana. Sebarang pertambahan atau penurunan pembahagian keuntungan diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif.

## RINGKASAN DASAR PENTING PERAKAUNAN

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
(tarikh pemerbadanan) hingga  
31 Disember 2010 (sambungan)

## K CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang pencukaaian Malaysia dan termasuk semua cukai yang berdasarkan keuntungan boleh cukai.

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, terhadap perbezaan sementara yang berbangkit antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan.

Kadar cukai yang digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tempoh pelaporan digunakan untuk menentukan cukai pendapatan tertunda.

Aset cukai tertunda diiktiraf pada tahap untung boleh cukai masa hadapan yang berkemungkinan diperolehi dan boleh digunakan untuk mengimbangi perbezaan sementara.

## 1 MAKLUMAT AM

Aktiviti utama Syarikat adalah untuk menjalankan perniagaan syarikat pemegang pelaburan, iaitu untuk membuat pelaburan ekuiti persendirian dan memperoleh saham atau melabur di dalam mana-mana syarikat. Tiada sebarang perubahan ketara yang berlaku terhadap sifat aktiviti ini sepanjang tempoh kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat sendirian berhad, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah:

Tingkat 12, Bangunan Setia 1,  
15 Lorong Dungun, Bukit Damansara,  
50490 Kuala Lumpur.

Tempat perniagaan utama Syarikat adalah:

Aras 13, Surian Tower,  
No 1, Jalan PJU 7/3 Mutiara Damansara,  
47810 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

## 2 INSTRUMEN KEWANGAN

### (a) Matlamat dan dasar pengurusan risiko kewangan

Matlamat Syarikat adalah untuk meningkatkan penglibatan ekonomi Bumiputera secara saksama dan berkekalan menerusi pengwujudan generasi baru syarikat peneraju di Malaysia.

Program pengurusan risiko kewangan keseluruhan Syarikat tertumpu kepada sifat pasaran kewangan yang sukar diduga dan cuba mengurangkan potensi kesan mudarat terhadap prestasi kewangan Syarikat. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui semakan risiko, sistem kawalan dalaman dan pematuhan dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah menyemak risiko ini secara tetap dan meluluskan dasar perbendaharaan dan pelaburan, yang mencakupi pengurusan risiko ini.

Syarikat tidak mengalami pendedahan ketara terhadap risiko kewangan kecuali risiko harga pasaran.

### (b) Risiko harga pasaran

Risiko harga pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi pelaburan Syarikat akan turun naik disebabkan perubahan dalam harga pasaran (selain daripada kadar faedah atau pertukaran).

## NOTA-NOTA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
(tarikh pemerbadanan) hingga  
31 Disember 2010

## NOTA-NOTA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
(tarikh pemerbadanan) hingga  
31 Disember 2010 (bersambung)

## 2 INSTRUMEN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

### (b) Risiko harga pasaran (bersambung)

Matlamat Syarikat adalah untuk menguruskan pulangan pelaburan dan risiko harga ekuiti.

Syarikat terdedah kepada risiko harga ekuiti dari pelaburannya di dalam pelaburan disebut. Pelaburan disebut tersenarai di Bursa Saham Bursa Malaysia.

Pada akhir tarikh pelaporan, jika harga disebut bagi pelaburan dasar yang tersenarai di Bursa Saham Bursa Malaysia adalah 5% lebih tinggi/lebih rendah, dengan semua pemboleh ubah lain tidak berubah, keuntungan Syarikat selepas cukai adalah RM18,400,000 lebih tinggi/lebih rendah. Pada tarikh pelaporan, semua pelaburan disebut telah diiktiraf pada nilai saksama berdasarkan harga penutupan terakhir Bursa Saham Bursa Malaysia pada 30 Disember 2010.

Pelaburan tidak disebut terdedah kepada risiko harga pasaran bagi syarikat tersenarai yang sebanding. Nilai saksama pelaburan tidak disebut adalah berdasarkan gandaan perolehan syarikat tersenarai yang sebanding.

Jika perolehan syarikat sebanding terpilih diganda dalam pelaburan tidak disebut Syarikat adalah 5% lebih tinggi/lebih rendah, dengan semua pemboleh ubah lain tidak berubah, keuntungan Syarikat selepas cukai adalah RM2,060,000 lebih tinggi/lebih rendah. Pada tarikh pelaporan, pelaburan tidak disebut telah diiktiraf pada nilai saksama.

### (c) Pengurusan modal

Matlamat Syarikat dalam mengurus modal adalah untuk memelihara keupayaan Syarikat bagi meneruskan perniagaan sebagai usaha berterusan agar dapat memberikan pulangan kepada pemegang saham dan mengekalkan struktur modal optimum untuk mengurangkan kos modal. Syarikat tidak tertakluk kepada sebarang keperluan modal yang dikenakan oleh pihak luar.

### (d) Nilai saksama instrumen kewangan

Instrumen kewangan merangkumi aset kewangan dan liabiliti kewangan. Nilai saksama ialah jumlah di mana aset kewangan boleh ditukar atau liabiliti kewangan boleh diselesaikan, antara pihak-pihak yang berpengetahuan dan bersedia, dalam urusan niaga tulus. Maklumat yang dibentangkan di dalam laporan ini merupakan anggaran nilai saksama dalam tempoh pelaporan.

Jika boleh diperolehi, harga pasaran yang disebut dan dalam pemerhatian digunakan sebagai pengukur nilai saksama. Di mana harga pasaran disebut dan dalam pemerhatian sedemikian tidak boleh diperolehi, nilai saksama dianggarkan berdasarkan rangkaian metodologi dan andaian berhubung dengan ciri-ciri risiko pelbagai instrumen kewangan, kadar diskaun, anggaran aliran tunai masa hadapan dan faktor lain. Perubahan di dalam ketidakpastian dan andaian dapat menjejaskan anggaran ini dengan ketara dan anggaran nilai saksama yang berkaitan.



## 2 INSTRUMEN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

### (d) Nilai saksama instrumen kewangan (bersambung)

Di samping itu, maklumat nilai saksama untuk aset dan liabiliti bukan kewangan dikecualikan kerana maklumat sedemikian tidak jatuh ke dalam skop FRS 132 “Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan” yang menghendaki maklumat nilai saksama didedahkan.

Satu rangkaian metodologi dan andaian telah digunakan untuk mendapatkan nilai saksama instrumen kewangan Syarikat dalam tempoh laporan.

#### Pelbagai pemiutang dan akruan

Anggaran nilai saksama pelbagai pemiutang dan akruan yang dikenal pasti sebagai instrumen kewangan hampir sama dengan nilai bawaannya kerana instrumen ini relatifnya bersifat jangka pendek.

## 3 PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG PENTING

Penyediaan penyata kewangan Syarikat menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset dan liabiliti yang dilapor pada tarikh laporan. Namun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini boleh menghasilkan keputusan yang mungkin memerlukan pelarasan ketara pada jumlah bawaan aset atau liabiliti yang terjejas di masa hadapan.

Sewaktu menerapkan dasar perakaunan Syarikat, Pengarah-pengarah dan pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut, selain daripada yang melibatkan anggaran, yang membawa kesan paling ketara terhadap jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan:

### (a) Penilaian pelaburan tidak disebut

Syarikat membawa pelaburannya pada nilai saksama, dan perubahan pada nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Syarikat menganggarkan nilai saksama pelaburannya yang tidak disebut berdasarkan kaedah penilaian perusahaan (*enterprise valuation method*) pada 31 Disember 2010, seperti yang disarankan di dalam Garis Panduan Penilaian Ekuiti Swasta dan Modal Usaha Niaga Antarabangsa. Berdasarkan anggaran dan pertimbangan pihak pengurusan, Syarikat menggunakan kadar diskaun pada gandaan perolehan syarikat terpilih yang sebanding semasa menghitung nilai saksama pelaburan tidak disebut. Di mana jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan akan menjejaskan nilai saksama pelaburan yang tidak disebut.

### (b) Pembahagian keuntungan

Pembahagian keuntungan merupakan jumlah yang perlu dibayar kepada Syarikat Pengurus Dana berdasarkan penilaian pelaburan dalam portfolio Dana Syarikat. Pertimbangan penting perlu dilaksanakan untuk menentukan tahap pembahagian keuntungan yang akan diiktiraf, yang bergantung kepada penilaian portfolio Dana.

#### 4 KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI

Keuntungan sebelum cukai dihitung selepas dicaj:

	Tempoh kewangan dari 23.03.2010 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2010 RM
Imbuan juruaudit	
– Audit berkanun	(10,000)
– Perkhidmatan lain	(8,000)

#### 5 PENCUKAIAN

Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan hasil keuntungan perakaunan didarab dengan kadar cukai Malaysia adalah seperti berikut:

	Tempoh kewangan dari 23.03.2010 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2010 RM
Keuntungan sebelum cukai	23,454,067
Cukai dikira pada kadar 25%	5,863,517
Perbelanjaan tidak dikenakan cukai	(5,863,517)
Perbelanjaan cukai	–

Pada 9 April 2010, Syarikat memohon pengecualian cukai daripada Kementerian Kewangan untuk Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitannya, yang terdiri daripada Ekuinas Capital Sdn Bhd (ECap), E-Cap (Internal) One Sdn Bhd (E-Cap Internal) dan E-Cap (External) One Sdn Bhd (E-Cap External).

Pada 26 November 2010, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan dan memberikan pengecualian cukai pendapatan bagi semua pendapatan perniagaan berkanun bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun taksiran 2009 hingga 2013 untuk Syarikat dan syarikat-syarikat berkaitannya seperti yang disebut di dalam perenggan sebelum ini.

#### NOTA-NOTA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
 (tarikh pemerbadanan) hingga  
 31 Disember 2010 (bersambung)

## 6 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT

	2010 RM
Saham tidak disebut, pada harga kos	174,830,585
Keuntungan belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan	33,060,152
	<b>207,890,737</b>

Nama	Negara di mana syarikat diperbadankan	Aktiviti utama	Kepentingan efektif Syarikat 2010
Bendahara 1 Sdn Bhd *	Malaysia	Pemegangan pelaburan	100%
<b>Anak syarikat Bendahara 1 Sdn Bhd</b>			
Konsortium Logistik Berhad **	Malaysia	Perkhidmatan logistik dan penyelesaian inventori menyeluruh	65.90%
Simbol Minda Sdn Bhd *	Malaysia	Pemegangan pelaburan	100%
<b>Anak syarikat Simbol Minda Sdn Bhd</b>			
Ontime Direction Sdn Bhd *	Malaysia	Pemegangan pelaburan	100%

\* Diaudit oleh PricewaterhouseCoopers, Malaysia

\*\* Diaudit oleh BDO, Malaysia  
 Tersenarai di Bursa Malaysia

## 6 PELABURAN DALAM ANAK-ANAK SYARIKAT (BERSAMBUNG)

Pemerolehan pelaburan sepanjang tempoh berakhir 31 Disember 2010 adalah seperti berikut:

- (i) Pada tempoh kewangan, Syarikat memperoleh 100% daripada modal saham biasa terbit dan berbayar sebanyak 83 saham biasa dan 1,748,305 saham keutamaan boleh tebus dalam Bendahara 1 Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, untuk balasan tunai sebanyak RM174,830,583.
- (ii) Pada 18 Oktober 2010, Bendahara 1 Sdn. Bhd. memperoleh 56.50% daripada modal saham biasa terbit dan berbayar sebanyak 133,272,700 dalam Konsortium Logistik Berhad (KLB), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, untuk balasan tunai sebanyak RM206,572,685 di mana RM136,572,685 telah diselesaikan secara tunai manakala baki sebanyak RM70,000,000 diselesaikan melalui peminjaman bank.

Apabila Perjanjian Pembelian Saham dan Pemerolehan Pasaran Saham disempurnakan, Syarikat mengemukakan Tawaran Pengambilalihan Tidak Bersyarat yang disempurnakan pada 29 November 2010. Syarikat memperoleh 22,189,622 tambahan saham biasa KLB yang mewakili kira-kira 9.41% daripada keseluruhan modal terbit dan berbayar KLB pada harga pembelian RM1.55 setiap satu bagi jumlah balasan sebanyak RM34,393,914.

Selaras dengan penyempurnaan Perjanjian Pembelian Saham, Pemerolehan Pasaran Saham dan Tawaran Pengambilalihan Tidak Bersyarat, jumlah pemegang saham Syarikat dalam KLB pada akhir tempoh pelaporan adalah 155,462,322 saham biasa yang mewakili kira-kira 65.90% daripada keseluruhan modal terbit dan berbayar KLB. Jumlah kos pelaburan dalam KLB mencecah RM240,966,599.

- (iii) Pada 2 November 2010, Syarikat memperoleh 100% daripada modal saham biasa terbit dan berbayar sebanyak 2 saham biasa pada RM1 setiap satu dalam Simbol Minda Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, bagi jumlah balasan tunai sebanyak RM2. Pada tarikh yang sama, Syarikat turut memperoleh 100% daripada modal saham biasa terbit dan berbayar sebanyak 2 saham biasa pada RM1 setiap satu dalam Ontime Direction Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia bagi jumlah balasan tunai sebanyak RM2. Selepas pemerolehan, Ontime Direction Sdn Bhd menjadi anak syarikat milik penuh Simbol Minda Sdn Bhd.

Syarikat tidak dikehendaki menyediakan penyata kewangan disatukan seperti yang didedahkan di dalam Ringkasan Dasar Penting Perakaunan (Nota B).

### NOTA-NOTA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
(tarikh pemerbadanan) hingga  
31 Disember 2010 (bersambung)

## 7 PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

	2010 RM
Saham disebut, pada harga kos	99,800,000
Keuntungan belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan	10,100,000
	<b>109,900,000</b>
Saham tidak disebut, pada harga kos	39,879,752
Keuntungan belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan	4,308,032
	<b>44,187,784</b>
Jumlah pelaburan dalam syarikat bersekutu	
– Pada harga kos	139,679,752
– Keuntungan belum direalisasi atas nilai saksama pelaburan	14,408,032
	<b>154,087,784</b>

**171** | ekuiti nasional berhad  
 laporan tahunan 2010

Nama	Negara di mana syarikat diperbadankan	Aktiviti utama	Kepentingan efektif Syarikat 2010
Forma South East Asia Holdings	Republik Mauritius	Pemegangan pelaburan	25%
Tanjung Offshore Berhad*	Malaysia	Penyediaan peralatan kejuruteraan, pemilikan kapal, pengurusan dan sewaan kapal, perkhidmatan penyelenggaraan peralatan, perkhidmatan pelantar gerudi dan pengeluaran	24%

\* Tersenarai di Bursa Malaysia

## 8 PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2010 RM
Pembahagian keuntungan	5,824,174
Akruan	25,425
	<b>5,849,599</b>

Pelbagai pemiutang dan akruan tidak dikenakan faedah.

## 9 MODAL SAHAM

	2010 RM
Dibenarkan: Saham biasa pada RM1 setiap satu Pada 23 Mac 2010 (tarikh pemerbadanan)/31 Disember 2010	100,000,000
Saham keutamaan boleh tebus pada RM0.01 setiap satu Pada 23 Mac 2010 (tarikh pemerbadanan)/31 Disember 2010	90,000
Modal diterbitkan dan berbayar sepenuhnya: Saham biasa pada RM1 setiap satu: Pada 23 Mac 2010 (tarikh pemerbadanan) Terbitan saham sepanjang tempoh kewangan	2 151
<b>Pada 31 Disember 2010</b>	<b>153</b>
Saham keutamaan boleh tebus pada RM0.01 setiap satu Pada 23 Mac 2010 (tarikh pemerbadanan) Terbitan saham sepanjang tempoh kewangan (Nota 10)	– 33,267
<b>Pada 31 Disember 2010</b>	<b>33,267</b>
<b>Jumlah modal diterbitkan dan berbayar sepenuhnya</b>	<b>33,420</b>

Syarikat diperbadankan pada 23 Mac 2010 dengan modal saham dibenarkan sebanyak RM100,090,000, terdiri daripada 100,000,000 saham biasa pada RM1 setiap satu, dan 9,000,000 saham keutamaan boleh tebus pada RM0.01 setiap satu.

Pada tarikh pemerbadanan, Syarikat menerbitkan dua (2) saham biasa pada nilai tara RM1. Saham tersebut telah dibayar sepenuhnya secara tunai.

### NOTA-NOTA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
 (tarikh pemerbadanan) hingga  
 31 Disember 2010 (bersambung)

## 10 SAHAM KEUTAMAAN BOLEH TEBUS

	2010 RM
Pada 23 Mac 2010 (tarikh pemerdanaan)	–
Terbitan saham sepanjang tempoh kewangan	332,674,700
Pada 31 Disember 2010	332,674,700

Saham keutamaan boleh tebus boleh dianalisis seperti berikut:

	2010 RM
Nilai nominal (Nota 9)	33,267
Premium saham	332,641,433
	332,674,700

Ciri-ciri utama saham keutamaan boleh tebus (RPS) adalah seperti berikut:

- Pemegang saham berhak menerima sebarang dividen yang diisytiharkan.
- RPS ditarafkan *pari passu* sesama sendiri dan diberikan keutamaan berbanding saham biasa.
- Pemegang RPS berhak menerima semua notis, akaun, dan laporan yang berhak diterima oleh pemegang saham biasa.
- Pemegang RPS hanya berhak mengundi semasa mesyuarat yang diadakan bagi tujuan melaksanakan urusan perniagaan berikut:
  - (a) Variasi, sama ada secara langsung atau tidak langsung, terhadap hak yang wujud pada RPS
  - (b) Penggulangan Syarikat
  - (c) Sebarang keadaan lain yang mungkin diperuntukkan dengan nyata di bawah undang-undang dari semasa ke semasa berhubung dengan saham keutamaan
- Tertakluk kepada Akta Syarikat, 1965, Syarikat berhak, pada bila-bila masa, untuk menebus semua atau sebahagian daripada RPS pada harga RM100 setiap RPS (Jumlah Penebusan).
- RPS tidak boleh ditukar kepada saham biasa atau sebarang kelas saham lain dalam Syarikat.

## 11 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING

Pihak-pihak dianggap berkaitan jika pihak tersebut mempunyai keupayaan untuk mengawal pihak satu lagi atau mempunyai pengaruh ketara terhadap pihak satu lagi semasa membuat keputusan kewangan atau operasi.

- (a) Pihak-pihak yang berkaitan dengan Syarikat dan perhubungan mereka dengan Syarikat adalah seperti berikut:

<u>Pihak berkaitan</u>	<u>Perhubungan</u>
Ekuiti Nasional Berhad	Syarikat berkaitan
Bendahara 1 Sdn Bhd	Anak syarikat
Simbol Minda Sdn Bhd	Anak syarikat
Forma South East Asia Holdings	Syarikat bersekutu

### Kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama Syarikat termasuk semua Pengarah Syarikat yang membuat keputusan penting berkaitan dengan hala tuju strategik Syarikat.

Syarikat tidak membuat sebarang pampasan kakitangan pengurusan utama sepanjang tempoh kewangan.

- (b) Urus niaga pihak berkaitan yang penting

Di samping pendedahan pihak berkaitan yang disebut di bahagian lain di dalam penyata kewangan, urus niaga pihak berkaitan lain yang penting dibentangkan di bawah.

	Tempoh kewangan dari 23.03.2010 (tarikh pemerbadanan) hingga 31.12.2010 RM
<u>Ekuiti Nasional Berhad</u> Perbelanjaan fi pengurusan	20,000,000
<u>Forma South East Asia Holdings</u> Pendapatan dividen	3,997,278

Urus niaga yang diterangkan di atas telah dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat yang dirunding.

### NOTA-NOTA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

bagi tempoh kewangan dari 23 Mac 2010  
 (tarikh pemerbadanan) hingga  
 31 Disember 2010 (bersambung)



## 11 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN YANG PENTING (BERSAMBUNG)

Baki pihak berkaitan yang penting

Dirangkum di dalam penyata kedudukan kewangan Syarikat adalah baki pihak berkaitan yang penting seperti berikut yang berbangkit daripada urus niaga perniagaan lazim:

	2010 RM
Jumlah kena dibayar daripada Ekuinas Capital Sdn Bhd	676,027
Jumlah kena dibayar kepada Bendahara 1 Sdn Bhd	(676,029)
Jumlah kena dibayar kepada Simbol Minda Sdn Bhd	(2)

Semua baki belum dijelaskan di atas dijangka dijelaskan secara tunai oleh pihak berkaitan.

## 12 ANGKA PERBANDINGAN

Tidak ada angka perbandingan kerana ini adalah himpunan penyata kewangan pertama yang disediakan oleh Syarikat sejak pemerbadanannya.

## 13 PERISTIWA SELEPAS TAHUN KEWANGAN

Pada 4 November 2010, Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), sebuah syarikat berkaitan, mengumumkan pelaburannya iaitu kepentingan 51% dalam Kumpulan Pendidikan APIIT/UCTI, yang merangkumi Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT) dan Asia Pacific University College of Technology and Innovation (UCTI), salah satu institusi pengajian tinggi swasta terkemuka di Malaysia dan Sapura Smart School, sekolah rendah dan menengah yang berkembang pesat, bagi jumlah balasan sebanyak RM102,000,000. Pelaburan di dalam Kumpulan Pendidikan APIIT/UCTI dan Sapura Smart School telah disempurnakan pada 18 Februari 2011 dan dipegang di bawah entiti tujuan khas, Ontime Direction Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

## 14 KEBENARAN BAGI PENGELUARAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan dibenarkan untuk dikeluarkan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.